

**"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.**  
**Wahashunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliiyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.**  
**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

## Ketengahkan resolusi berasaskan pemikiran bernas, terbaharu

Oleh : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac.** - Dalam usaha menjana kemajuan dan kejayaan untuk negara ketika ini, sudah tidak dapat dinafikan bahawa kita akan terus diidap pelbagai cabaran yang boleh memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada kepentingan rakyat dan negara. Namun demikian, ia sewajarnya mendorong kita untuk melipatgandakan usaha menerusi pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi mengecap kejayaan yang dihasratkan. Berucap pada Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pendidikan Melayu Islam Beraja Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bertempat di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus seterusnya berkata sudah setentunya, apa pun matlamat yang disasarkan itu tidak mungkin akan tercapai tanpa adanya perpaduan, kesefahaman serta kerjasama daripada setiap peringkat masyarakat dan juga pihak-pihak yang berkepentingan.

>> Muka 18

## PRAKTIKKAN HUKUM-HAKAM ISLAM DALAM URUSAN PENTADBIRAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.** - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 2).

## 2.6 bilion penduduk dunia alami berat badan berlebihan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac.** - Obesiti adalah salah satu faktor risiko utama bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, kencing manis, tekanan darah tinggi, dan beberapa jenis kanser. Obesiti juga dikategorikan sebagai salah satu isu kesihatan awam yang utama di seluruh dunia disebabkan kesan negatif terhadap kesihatan, produktiviti dan ekonomi negara. Menurut laporan World Obesity Atlas 2023 daripada Persekutuan Obesiti Sedunia, kira-kira 2.6 bilion (38 peratus) penduduk dunia mengalami berat badan berlebihan dan obesiti pada 2020 dan jumlah ini dijangka akan meningkat kepada seramai empat bilion (melebihi 50 peratus) penduduk dunia pada 2035 jika tidak ada tindakan dan langkah pencegahan diambil untuk mengurangkan peningkatan kadar obesiti berkenaan.

>> Muka 15

## Organisasi pertahanan capai hayat cukup dewasa

Oleh : Norlia Md. Zain

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac.** - Detik empat dekad Kementerian Pertahanan mengingatkan bahawa organisasi pertahanan negara kini telah mencapai hayat yang cukup dewasa. Melangkaui kematangan usia ini, Kementerian Pertahanan berazam untuk mengekalkan amalan terbaik (best practices), memiliki sifat keterbukaan kepada perubahan yang positif (openness to positive change) dan menyasarkan kegiatan yang menjurus ke arah pembaikan, peningkatan dan pembaharuan dalam aspek-aspek yang dinilai penting dan menjadi keutamaan (important and priority). Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff berkata demikian ketika menyampaikan mukadimah mengenai belanjawan Kementerian Pertahanan pada hari keempat persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

>> Muka 11



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**  
 Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**YANG Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat**  
**Muka 14**



**MAJLIS Khatam Al-Quran raikan pelatih PKBN**  
**Muka 16**



**MASJID Tour : Peluang kenali keindahan seni bina masjid**  
**Muka 23**



**LEBIH 30 sertai Merdeka Ride**  
**Muka 25**

# Praktikkan hukum-hakam Islam dalam urusan pentadbiran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) tidak dinafikan telah melahirkan ramai para guru agama yang terlatih lagi berilmu.

Namun bagi memastikan visi dan misi KUPU SB sentiasa berada di landasan yang betul, maka acuannya hendaklah dijaga, bersih, teratur dan mengikuti peraturan.

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke KUPU SB hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titahnya juga mengimbas mengenai siri lawatannya pada tahun 2020 ke KUPU SB dan telah menemukan beberapa kelemahan yang perlu dibaiki dengan segera.

"Beta berharap selepas lawatan tersebut, semua kelemahan khasnya mengenai kebajikan dan hal ehwal penuntut dan modul pembelajaran di KUPU SB telah pun diperbaiki.

"Kali ini beta terpanggil untuk

membuat lawatan sekali lagi, masih banyak kelemahan dilihat berlaku khasnya dalam perkara urus tadbir dan pengurusan kewangan KUPU SB," titah baginda.

"Bagi hemat beta, kelemahan itu tidak boleh dibiarkan begitu sahaja khasnya oleh Majlis KUPU SB dan pihak pengurusan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah sebagai sebuah institusi yang berlandaskan agama Islam, seharusnya nilai-nilai murni dan hukum hakam Islam mesti dipraktikkan dalam semua urusan pentadbiran termasuk amalan sekalian warga KUPU SB.

"Warga KUPU SB tidak boleh curang walaupun sekecil mana benda seperti telefon bimbit tanpa mengira sama ada ia barang



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.**

baharu atau lama akan dianggap haram jika tanpa keizinan ia barang curi dan hukumannya pemilikinya," tegas baginda lagi.

## PENEMUAN AUDIT TENTUKAN KUALITI PERKHIDMATAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa dalam Keberangkatan Tidak Berjadual

ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hari ini bertitah difahamkan bahawa hasil pengauditan ke atas KUPU SB bagi Tahun-tahun Kewangan 2020-2021, 2021-2022 dan 2022-2023 sehingga 30 September 2023 telah dibincangkan oleh pihak Jabatan Audit bersama

pihak KUPU SB dalam 'Exit Meeting' antara kedua-dua belah pihak.

Tetapi hingga setakat ini titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menimbulkan persoalan bahawa KUPU SB masih sahaja belum

memaklumkan mengenai perkembangan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Audit itu.

"Juruaudit Agung ada mencadangkan supaya pertemuan-pertemuan Jabatan Audit tersebut dimaklumkan juga kepada Menteri Hal Ehwal Ugama tetapi tidak

diketahui adakah Ra'es KUPU SB memaklukkannya atau tidak.

"Beta melihat penemuan-penemuan audit ini tidak dapat dipandang ringan kerana ia menentukan kualiti perkhidmatan, sifat amanah dan ketulusan sumber tenaga manusia," tegas baginda lagi.



## WAKTU SEMBAHYANG

| Mac | HARI          | Syaaban | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-----|---------------|---------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 4   | <b>ISNIN</b>  | 23      | 5.03  | 5.13  | 6.31   | 6.53 | 12.33 | 3.48 | 6.33    | 7.42  |
| 5   | <b>SELASA</b> | 24      | 5.03  | 5.13  | 6.30   | 6.53 | 12.33 | 3.47 | 6.33    | 7.42  |
| 6   | <b>RABU</b>   | 25      | 5.03  | 5.13  | 6.30   | 6.52 | 12.33 | 3.47 | 6.33    | 7.42  |
| 7   | <b>KHAMIS</b> | 26      | 5.03  | 5.13  | 6.30   | 6.52 | 12.32 | 3.46 | 6.33    | 7.42  |
| 8   | <b>JUMAAT</b> | 27      | 5.02  | 5.12  | 6.29   | 6.52 | 12.32 | 3.45 | 6.33    | 7.42  |
| 9   | <b>SABTU</b>  | 28      | 5.02  | 5.12  | 6.29   | 6.51 | 12.32 | 3.45 | 6.33    | 7.42  |
| 10  | <b>AHAD</b>   | 29      | 5.01  | 5.11  | 6.29   | 6.51 | 12.32 | 3.44 | 6.32    | 7.42  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



|                            | ISNIN                                                                                                 | SELASA                                                                                                | RABU                                                                                                   |
|----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Bandar Seri Begawan</b> | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> |
| <b>Pekan Bangar</b>        | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> |
| <b>Pekan Tutong</b>        | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> |
| <b>Kuala Belait</b>        | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> | 33<br>27<br>°C<br> |

Wallahuallam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

4 MAC 2024

### Jaga akhlak, hormati sesama manusia

**A**KHLAK yang baik merupakan elemen yang sangat penting dalam kehidupan kita. Tuntutan untuk berakhlak yang baik dengan semua lapisan masyarakat perlu diketengahkan. Amalan memelihara hubungan baik sesama manusia walaupun berbeza darjat dan kedudukan, pandangan dan pemikiran akan melahirkan masyarakat yang saling menghormati.

Pendidikan akhlak lazimnya bermula sejak kecil lagi. Ibu bapa menjadi *role model* yang penting dalam kehidupan anak mereka. Sebagai ibu bapa, kanak-kanak cenderung mencontohi apa saja yang kita lakukan dan disebabkan itu, adalah penting bagi kita untuk sentiasa berakhlak baik di depan semua orang.

Beradab dan berakhlak yang mulia ini menambah maruah dan nilai seseorang dan dengan adab dan akhlak yang terpuji, seseorang itu mendapat kemuliaan di sisi manusia.

Agama Islam sangat menitikberatkan akhlak yang mulia dalam diri setiap Muslim dan dalam Islam juga, akhlak sangat terkait dengan keimanan seseorang.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Kebanyakan perkara yang memasukkan manusia ke dalam syurga ialah ketakwaan kepada Allah dan mempunyai akhlak yang baik," Hadis Riwayat al-Tirmidzi.

Berdasarkan hadis tersebut, jelaslah bahawa mempunyai akhlak yang baik sangat dituntut dalam Islam kerana dengan akhlak yang baik akan timbulnya ketakwaan dan keinsafan kita dan sentiasa mensyukuri apa saja nikmat Allah berikan kepada kita.

Kita diwajibkan mencontohi sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang selalu merendah diri dan sentiasa bersungguh-sungguh dalam melakukan kerja.

Baginda selalu memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya menghiaskan dirinya dengan adab yang baik dan akhlak terpuji.

Sifat yang terpuji ini perlu kita terapkan dalam budaya bekerja. Ini kerana dengan akhlak yang baik, kita akan saling menghormati sesama manusia dan memudahkan segala urusan kerja kita.

Akhlak yang baik dalam persekitaran bekerja meliputi pertuturan yang sopan santun, tidak merendahi orang dan sentiasa melakukan tugas dengan ikhlas dan amanah.

Dengan amalan terpuji ini, kita akan meraih keberkatan dalam bekerja dan sentiasa dipermudahkan dalam apa jua urusan harian kita.

Oleh itu, terapkan akhlak yang mulia sesama manusia. Ia tidak merugikan kita dan tidak akan sesekali meletakkan kita pada tahap yang rendah. Saling hormat menghormati akan memberikan manfaat dalam kehidupan seharian kita. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

**NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دتر بیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنذیرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi  
Awang Damit, Mohd. Sahrizal  
Haji Said

# Peraturan-peraturan asas perlu dipatuhi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titahnya juga menimbulkan persoalan akan kehilangan banyak barang belian yang tidak dapat dikesan keberadaannya.

"Bukankah ini boleh menimbulkan kecurigaan terutama mengenai prosedur-prosedur pembelian penyimpanan dan pengawasan harta benda kerajaan tersebut," soal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke Kolej Universiti Perguruan Ugama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Seri Begawan (KUPU SB) hari ini.

Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menegaskan, peraturan-peraturan asas mesti

diikut walaupun sekecil mana peraturan itu, misalnya dalam hal pembelian barang-barang keperluan pejabat adalah perlu untuk dipastikan barang yang akan dibeli itu masih relevan dan

boleh digunakan.

Jika tidak lagi relevan titah baginda, maka jangan dibeli, jika dibeli juga menjadi satu pembaziran.

Selain itu tambah titah

Kebawah DYMM, pembelian atau pinjaman barangan keperluan pejabat juga perlu direkodkan dalam *inventory* agar mudah dijejaki penggunaannya serta di mana keberadaannya.

## PERBAIKI GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN DERMASISWA KUPU SB

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hari

ini juga menimbulkan pertanyaan mengenai garis panduan penganugerahan dermasiswa termasuk pengecualian daripada bayaran yuran pengajian bagi pelajar asing yang telah diguna pakai.

Justeru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menarakan, sepatutnya garis panduan itu perlu mendapat kelulusan daripada Majlis KUPU SB terlebih dahulu, mana tahu ada yang akan dibaiki menurut pendapat Majlis KUPU SB.

"Pemberian dermasiswa daripada pelajar asing termasuk kelulusan bagi pengecualian dari bayaran yuran pengajian juga tidak dibincangkan melalui Majlis KUPU SB tetapi hanya dalam perjumpaan mingguan, pentadbiran yang dipengerusikan oleh Ra'es KUPU SB sahaja.

"Ini juga menunjukkan pengurusan tidak teratur sehingga mengakibatkan tunggakan yuran pengajian di KUPU SB telah mencecah lebih setengah juta ringgit," tegas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Oleh yang demikian, baginda ingin minta penjelasan mengenai

penganugerahan dermasiswa yang telah dibuat melalui proses tapisan keselamatan daripada agensi-agensi penguat kuasa kerajaan, sedangkan perkara itu sangat penting berkaitan dengan keselamatan negara.

Kebawah DYMM seterusnya menekankan bahawa pihak pengurusan KUPU SB hendaklah mengambil perhatian serius terhadap peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan kerajaan dalam urus tadbir serta pengurusan kewangan supaya ia dapat dikendalikan dengan lebih teratur dan penuh *accountability*.

## Hentikan budaya meminta-minta

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac.- Proses pemilihan syarikat-syarikat bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaik pulih bangunan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) juga dipersoalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Keberangkatan Tidak Berjadual ke KUPU SB hari ini.

"Beta ingin tahu adakah wajar untuk menggunakan syarikat yang sama secara berulang kali sedangkan harga dituntut oleh syarikat berkenaan tidak berpatutan atau jauh lebih mahal jika dibandingkan dengan *schedule of rate* yang digunakan oleh kementerian dan jabatan sebagai rujukan atau perbandingan," persoalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kaedah itu tentu sahaja menimbulkan kecurigaan yang sepatutnya dipersoalkan dan diasiat oleh pihak atasan KUPU SB lebih-lebih lagi jika perkhidmatan yang diberikan kurang berkesan kerana syarikat yang dilantik tidak mempunyai kepakaran dan kelayakan untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Dari itu jelas titah baginda, timbul persoalan mengenai tahap integriti pegawai dan kakitangan yang berkenaan sama ada mereka benar-benar bersikap jujur atau sebaliknya.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, pegawai dan kakitangan KUPU SB yang bertanggungjawab bagi urusan-urusan kewangan dan menjalankan proses-proses pemilihan sebut harga, mestilah memahami dan mengikut peraturan kewangan yang sedia ada.

"Beta difahamkan terdapat kebiasaan di mana syarikat-syarikat yang akan ditawarkan untuk melaksanakan satu tugas akan diminta untuk menyediakan sesuatu yang diistilahkan sebagai sedekah atau wakaf.

"Beta melihat permintaan seperti ini hanya akan menonjolkan gambaran negatif, bahawa mana-mana syarikat yang akan dilantik mestilah bersedia untuk memberikan sedekah atau wakaf yang diminta," tegas titah baginda.

Pada pandangan Kebawah DYMM, itu bukan sedekah atau wakaf tetapi satu bentuk peras ugut secara halus berunsur rasuah.

"Budaya meminta-minta seperti ini, jika benar berlaku hendaklah segera dihentikan kerana ia bukan sahaja memburukkan imej KUPU SB tetapi juga kerajaan beta.

"Jika amalan sedemikian masih diteruskan juga, maka pada hemat beta, agensi-agensi penguat kuasa perlu mengambil tindakan undang-undang," tegas titah baginda lagi.

## Laksanakan tugas dengan jujur, bertanggungjawab, dedikasi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac.- Pihak pengurusan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sedang dalam perancangan untuk mewujudkan satu sistem pusat bagi pengurusan pelajar.

Antara fungsi sistem itu untuk memudahkan pihak pengurusan memantau dan merekodkan hal ehwal pelajar dari mula mereka masuk sehingga menamatkan pengajian, ini termasuk modul-modul yang berkaitan dengan pengurusan akademik kokurikulum, kewangan dan penilaian.

Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa dalam Keberangkatan Tidak Berjadual ke KUPU SB ingin mengetahui setakat manakah sudah perkara tersebut dilaksanakan.

Berkenaan pembelajaran pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengurniakan titahnya juga menyatakan, ada mendengar desas-desus

sebilangan pelajar yang berasa tertekan dalam waktu pembelajaran yang padat, hingga ada yang berniat untuk menamatkan sahaja pengajian, begitu juga dengan elau penuntut-penuntut KUPU SB yang pernah ditunggak selama beberapa bulan.

"Adakah keluhan mengenai waktu pembelajaran yang padat serta elau penuntut yang pernah tertunggak selama beberapa bulan ini benar?

"Apakah punca berlakunya perkara ini?

"Pernahkah terlintas difikiran mengenai penuntut yang semata-mata hanya bergantung kepada elau ini untuk digunakan pembelajaran mereka dan adakah ia juga melibatkan bagi penuntut dermasiswa dari luar negara," tegas titah baginda lagi.

Sebelum mengakhiri titah, Kebawah DYMM menekankan, tahap integriti, etika kerja dan akhlak pihak atasan dan semua warga KUPU SB hendaklah jangan dipandang ringan khasnya betapa mustahaknya melaksanakan tugas dengan jujur, bertanggungjawab, dedikasi dan profesional tanpa membuka ruang untuk berpaling kepada perbuatan-perbuatan keji seperti mencuri, rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.



ANTARA yang hadir mendengarkan titah.

# KEBAJIKAN, KESEJAHTERAAN KUPU SB MENJADI TUMPUAN KEBAWAH DYMM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Kebajikan hal ehwal pelajar dan warga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) termasuk dari segi prasarana dan kemudahan-kemudahan yang disediakan menjadi keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke KUPU SB hari ini.

Sejurus keberangkatan tiba di Bangunan KUPU SB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkesempatan membuat lawatan ke Bilik Kuliah yang sedang dijalankan Sesi Kuliah Minor, iaitu Kaedah

Pembelajaran Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak yang ditunjuk ajar oleh Dr. Nurussa'edah binti Haji Abu Bakar.

Kemudian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga meninjau beberapa blok bangunan kolej berkenaan termasuk Dewan Ta'lim dan seterusnya menyaksikan sendiri keadaan kediaman siswa dan siswi KUPU SB.

Baginda seterusnya berkesempatan menyaksikan Perpustakaan KUPU SB

yang dianggarkan sejumlah 122,371 buku-buku rujukan disimpan di perpustakaan kolej universiti berkenaan.

Kebawah DYMM kemudiannya ke Dewan Tarbiyah KUPU SB dan berkenan mengurniakan titah di hadapan para pelajar dan warga kolej universiti berkenaan.

Sepanjang keberangkatan, Kebawah DYMM diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan juga Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

>> Muka 5



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa meninjau prasarana dan kemudahan-kemudahan di KUPU SB (atas dan atas kanan).

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar dan seterusnya mendengarkan sembah penerangan pada keberangkatan tersebut (kanan dan kanan sekali).





SEKITAR Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke KUPU SB (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).

>> Muka 4

Seramai 779 pelajar sedang mengikuti pengajian di kolej universiti berkenaan, iaitu seramai 32 pelajar program Doktor Falsafah Perguruan Ugama; 71 pelajar program Sarjana Perguruan Ugama; 33 pelajar Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah; 321 Sarjana Muda Perguruan

Ugama; 295 Diploma Tertinggi Perguruan Ugama; 21 Diploma Pengajian dalam bidang perkhuisusan; dan enam pelajar antarabangsa, iaitu dua pelajar Thailand, dua pelajar Indonesia serta dua pelajar Malaysia.

Sementara itu, seramai 103 mahasiswi dan 79 mahasiswa menginap di asrama kolej universiti dan tiga antaranya merupakan pelajar antarabangsa

dari Indonesia, Thailand dan Sudan.

KUPU SB juga mempunyai seramai 50 tenaga pengajar dalam kalangan Profesor Madya, Penolong Profesor, Profesor Kanan, Profesor, Pensyarah, Penolong

Pensyarah dan Pegawai telah berkenan membuat lawatan yang serupa ke KUPU SB pada tahun 2020.

Sebelum ini, Kebawah DYMM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra dan seterusnya bergambar bersama para pelajar (atas, bawah dan bawah kiri).



## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# PENAIKTARAFAN 'BORDER CONTROL SYSTEM' MUDAHKAN ORANG RAMAI

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

*border control system* pada masa ini sudah dinaik taraf, penggunaan empat jari itu adalah untuk toleransinya, ertinya kalau satu jari tidak berfungsi, tiga jari akan digunakan. Ia untuk memastikan *readability* dari segi *fingerprints*.

Berkenaan dengan E-Gate, sebenarnya kalau dilihat dari negara lain, memang digunakan *fingerprint as identifier* ataupun *facial recognition*, jadi itu masih dalam perbincangan sama ada menggunakan *facial recognition* atau *four fingerprint* yang mana

yang lebih bersesuaian dari segi keselamatannya.

Perkara tersebut digariskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman bagi menjawab persoalan mengenai One MOHA System yang diajukan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa membahaskan dan meneliti belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Terdahulu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman juga memohon pencerahan adakah sistem ini juga akan mengupgrade sistem ketibaan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menambah, E-Gate yang ada di pos kawalan lapangan terbang masa ini memang sudah *diupgrade* sistemnya dan boleh diguna pakai.

Dalam pada itu juga, tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, One MOHA System ini melibatkan dari segi National Emergency Response



System untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan lain-lain lagi yang semua dalam KHEDN itu akan dapat *digitalise* dari segi perkhidmatannya dan perkhidmatan-perkhidmatan lain di KHEDN.

BERAKAS, Sabtu, 2 Mac. - Memang dalam penggunaan

## Langkah proaktif dipertingkat dalam penangkapan buaya



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BERAKAS, Sabtu, 2 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

(MMN) yang berlangsung petang tadi di Bangunan Dewan Majlis turut menjawab isu mengenai buaya dan juga monyet liar, yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan, kedua-dua perkara itu adalah di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Jelasnya, masalah buaya masa ini memang diakui semakin serius, bukan sahaja di negara ini malah di negara jiran kita.

Jadi, setakat ini, usaha di bawah Unit Divisyen Hidupan Liar telah giat dilaksanakan untuk mengawal keadaan ini, yang mana setakat ini, sebanyak 57 ekor buaya telah pun ditangkap hasil daripada aduan dan juga penglihatan orang ramai, dan dari tahun 2023 hingga hujung Februari 2024, sebanyak

57 ekor buaya telah pun ditangkap, jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menyentuh mengenai inisiatif yang diambil oleh Bahagian Hidupan Liar pula katanya, Jabatan Perhutanan telah mengambil beberapa inisiatif, selain daripada mengadakan jerayawara dan juga meletakkan papan-papan tanda di kawasan-kawasan keberadaan buaya itu, pihak Jabatan Perhutanan Bahagian Hidupan Liar juga mengadakan Program 'Tangkap Buaya Bersama'.

Program ini melibatkan anak-anak kampung dan juga pihak Bahagian Hidupan Liar dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pasukan Polis Diraja Brunei untuk membuat tangkapan di bawah 'Program Tangkap Buaya Bersama'.

Setakat ini program tersebut melibatkan Kampong

Ayer di mana sebanyak 51 jail telah dipasang yang mana telah berjaya menangkap sebanyak enam ekor buaya.

Menurut Yang Berhormat Menteri lagi, KSSUP, iaitu di bawah Bahagian Hidupan Luar, Jabatan Perhutanan juga sedang berusaha untuk mengambil *experts* untuk menangkap buaya-buaya ini, yang mana hasil daripada tangkapan itu akan disimpan di bahagian santuarinya di Kampung Sinaut untuk dikumpulkan di sana agar mereka tidak lagi berkeliaran.

Diharap dengan adanya *experts* ini jelas Yang Berhormat lagi, akan dapat lebih efektif lagi kaedah penangkapan buaya-buaya terutama sekali di kawasan yang berhampiran dengan penduduk-penduduk, orang ramai ataupun orang kampung.

Di samping itu, terdapat juga satu program mengenai kajian populasi buaya sedang diadakan buat masa ini di Sungai Brunei dan

akan dilaratkan kepada Sungai Tutong, Sungai Belait dan Sungai Temburong di mana setelah kajian populasi buaya ini selesai, akan dapat dipastikan sama ada ia dalam kategori atau tahap terancam ataupun sudah menular populasinya.

Jika sekiranya terbukti bukan lagi di tahap terancam, kita boleh membuat pengecualian dari peraturan dengan menjual hasil-hasil daripada kulit buaya itu secara komersial, insyaaAllah projek ini akan siap dalam masa setahun lebih lagi.

Berkenaan monyet-monyet yang liar ini terangnya, terdapat masalah kekurangan makanan dan juga habitat yang telah musnah di kawasan-kawasan bandar dan juga tempat-tempat kediaman.

Inilah satu sebab banyak monyet-monyet tersebut mencari makan di tong-tong sampah, dan kadang-kadang mencuri makanan.

Jadi jika sekiranya ada masalah ini, ia akan ditangani melalui penangkapan monyet-monyet liar tersebut dan kemudian dipindah di kawasan-kawasan yang sesuai.

Itulah inisiatif yang dibuat pada masa ini oleh pihak Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, KSSUP, ujar Yang Berhormat lagi.



SEKITAR Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# TERUS MENDUKUNG MENINGKATKAN PEREKONOMIAN KAMPUNG

**BERAKAS**, Sabtu, 2 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Malis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, menentengahkan mengenai faktor yang menyumbang kepada peningkatan



**AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.**

Oleh : Pg Vivvy Malessa Pg Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

hasil perekonomian 1K1P adalah dari segi bertambahnya platform perekonomian yang telah memberi peluang kepada penyertaan pengusaha-pengusaha.

Perkara itu digariskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee berkenaan peningkatan hasil projek perekonomian MPK, serta cadangan penyediaan buku panduan standard, dan pemasaran produk kuliner Brunei secara domestik dan global.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, hasil pendapatan ini didapatkan secara bulanan melalui jualan

ekspo pameran dan jualan yang disertai oleh para pengusaha, lawatan ke produk yang menyumbang kepada aktiviti perekonomian, program kebajikan 3K, Tamu Mingguan 1K1P, Tamu Bulanan MPK dan sebagainya.

Selain itu katanya, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) juga aktif mengadakan aktiviti perekonomian seperti Tamu Bulanan, Pesta Buah-buahan dan sebagainya serta jualan produk yang diadakan di tempat masing-masing, "Itulah faktor yang meningkatkan hasil-hasil daripada MPMK," jelas Yang Berhormat lagi.

Berkenaan saranan bagi menyediakan panduan MPK industri itu adalah diterima baik, sebagai contoh katanya, Human Resources Committee Framework

bagi Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung ini boleh dilaratkan kepada MPMK.

Dan pihak kementerian tambahnya lagi sentiasa secara terbuka mengalu-alukan mana-mana MPMK yang berhasrat dari segi Human Resources Committees Framework memandangkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah diperkenalkan, maka peranan Penghulu dan Ketua Kampung juga untuk melihat perkembangan MPM dan MPK di tempat masing-masing.

Yang Berhormat juga menyambut baik saranan mengenai pemasaran produk kuliner Brunei ke peringkat domestik dan global, yang mana perkara itu sudah ditinjau semasa lawatan kementerian dengan pihak Kementerian Sumber-



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

Sumber Utama dan Pelancongan untuk mengetahui peluang-peluang bagi meningkatkan perekonomian kampung sebagai rakan strategik.

Kementerian juga katanya lagi akan menyokong apa saja kolaborasi yang boleh meningkatkan perekonomian sesebuah kampung itu.

## Kerjasama sepadu tangani anjing liar



**AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.**

**BERAKAS**, Sabtu, 2 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis menyuarakan isu mengenai peningkatan jumlah haiwan liar seperti anjing, monyet dan buaya yang terbiar di sana sini.

Hal itu telah menimbulkan kebimbangan ketara terhadap keselamatan dan kesejahteraan awam terutama di kawasan-kawasan perumahan, dan haiwan liar yang berkeliaran di tempat awam juga boleh membawa kepada pelbagai isu seperti keselamatan dan risiko kesihatan.

Menjawab isu tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan jumlah anjing yang dalam *national shelter* bukan 13 ekor tetapi 31 ekor.

Justeru itu katanya, kementerian pada masa ini ada membuat 54 sangkar penangkapan anjing, di mana dari segi kapasiti tambahnya, satu *shelter* itu boleh memuatkan 150 ke 200 ekor anjing.

Namun ia bukan hanya sekadar ditempatkan di sana, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) turut menawarkan kepada yang mahu memelihara anjing-anjing tersebut sama ada untuk menjaga kebun ataupun untuk menjadi binatang peliharaan kepada yang berkenaan.

Jadi, persoalan berkenaan adakah anjing betina dan jantan ini disatukan? Jawapannya tidak. Ia diasingkan untuk memastikan tiada pembiakan anjing-anjing berkenaan.

Dan untuk menangani isu anjing berkenaan, pihak Kementerian juga memang bekerjasama dengan NGOs, Sejahtera Community Brunei dan Post Up dalam menggunakan strategi program Trap Neuter-Return (TNR) untuk menangani bilangan mereka iaitu mengembirakan anjing-anjing liar tersebut dan melepaskannya balik.

Namun jelas Yang Berhormat lagi isu yang timbul bukan disebabkan ia tidak membiak, tetapi disebabkan anjing itu sendiri yang menyerang *public*.

"Jadi inilah usaha kementerian untuk memberikan satu pengetahuan kepada *public*

bagaimana menangani ataupun berhadapan dengan anjing-anjing ini sama ada untuk memastikan supaya tidak ada penyerangan daripada anjing-anjing ini.

"Kebanyakan yang abis kaola terima adalah disebabkan oleh binatang ini disergah, ia ada pertahanannya sendiri. Jadi, itulah yang membuatkan anjing menyerang," ujar Yang Berhormat lagi.

Walau bagaimanapun tambahnya, kementerian di bawah Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah memang membuat keputusan untuk menangkap anjing-anjing ini dan tidak akan dilepaskan.

Ia akan disimpan di *national shelter* untuk memastikan keberadaan anjing-anjing di kawasan *hotspot* ini terutama sekali di tempat orang beriadah akan berkurangan.

Tetapi, dari segi penjagaannya, memang mengikut standard piawaian yang tertentu yang diguna pakai oleh NGOs yang sudah lama mengendalikan isu-isu anjing liar ini.

Berkenaan dengan *rabies* pula, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan, ia di bawah kawalan MPRT Zoonatik Task Force kerjasama dengan tiga kementerian iaitu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Perkara Zoonatik Task Force ini, joint task force telah mengeluarkan siaran akhbar pada 19 Ogos 2023 mengenai dengan kes

jangkitan *rabies* di Miri, Sarawak dan memaklumkan bahawa tiada kes jangkitan *rabies* dalam kalangan manusia ataupun haiwan telah direkodkan di Negara Brunei Darussalam.

"Jadi, Negara Brunei Darussalam adalah *rabies free* tetapi dikelilingi oleh negara-negara yang mana *rabies* berstatus endemik. Jadi, dari segi pengetahuan dari masa ke masa memang dilaksanakan," ujarnya lagi.

Yang Berhormat dalam kesempatan itu juga turut memaklumkan dan mengingatkan kepada pemilik anjing di negara ini mestilah mendaftarkan anjing mereka seperti yang diperuntukkan di bawah Bab 2 Akta Anjing Penggal 60 dan anjing-anjing yang didaftarkan akan diberikan label logam bernombor.

Jika pemilik anjing gagal

mendaftarkan anjing-anjing mereka, jika sabit kesalahan akan dikenakan denda BND250 atau jika gagal membayar akan dipenjarakan selama 14 hari.

Jadi pada masa ini program melesen anjing-anjing sudah berjalan, yang mana anjing yang telah didaftarkan dulu akan dipersoalkan keberadaan anjing-anjing berkenaan.

Pihak kementerian dan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan juga akan membuat penelitian terhadap permohonan-permohonan lesen baharu ini dan lesen-lesen lama yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran.

Justeru, adalah menjadi peranan setiap pemilik untuk membantu pihak kerajaan dalam memastikan kemaslahatan masyarakat turut terjaga.



**ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan berkenaan.**

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# KHEDN KOMITED MENGEMBANGLUASKAN PERUSAHAAN 1K1P



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

Oleh : Noorati Haji Abas  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BERAKAS,** Sabtu, 2 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, menyatakan bahawa 11 pengusaha dijemput dan hanya satu pengusaha sahaja berkesanggupan ataupun menerima cadangan daripada Ghanim International Corporation. Jadi kalau *kitani* bercakap pasal bisnes ini, kalau dulu 1K1P, berkenaan *whatever one-dollar* dijual, *one-dollar* masuk ke poket. Tetapi dengan *collaboration* dengan Ghanim International Corporation ini, dengan *mass production*nya, ia memang

*deduct* dari segi *operational cost*. Pemahaman dari segi *business dealing* ini sudah dibincangkan dengan pengusaha-pengusaha ini.

Perkara tersebut dijelaskan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai alasan-alasan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha tersebut untuk menolak kerjasama berkenaan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Jadi kalau *kitani* lihat kenapa alasan-alasan yang selalu diterima oleh pengusaha 1K1P, selalunya 1. Mereka selalu merasa cukup dengan *profit* yang diterima yang buat di rumah ini; 2. 1K1P adalah hobi bukannya ia sebagai bisnes; 3. Tidak bersetuju dengan rundingan harga yang ditawarkan; 4. Tidak mahu *share* resipi ertinya seorang-seorang punya resipi," tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Maka, dari itu peranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) katanya, adalah untuk memastikan *mass production* untuk mendapatkan mereka punya *sales* yang besar adalah salah satu daripada

aspirasi kementerian.

Sebagaimana yang dikongsikan, hampir 900 ribu daripada jualan-jualan yang dibuat oleh pengusaha 1K1P ini daripada 160 pengusaha yang kongsi tadi itu berbanding di tahun 2022. Jadi inilah cabaran-cabaran dari segi *packaging*, memang tidak ada kos kepada pengusaha jika ia dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

"Dari segi kehalalannya, memang akan dijamin kehalalannya lagipun dapur yang akan digunakan ini adalah *certified kitchen*. Jadi, kaola juga menyarankan peranan daripada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung untuk memastikan pengusaha 1K1P ini juga memahami aspirasi kementerian untuk menaikkan ekonomi atau taraf sara diri masing-masing. Jadi kalau *kitani* membuat matematik, 900 ribu dibahagi dengan jumlah pengusaha.

"Jumlah pengusaha lain lagi, dalam 1 pengusaha mungkin dalam lima orang ke enam orang, jadi dari segi *income* memang rendah. Ini inisiatif Kementerian untuk melaksanakan dengan bekerjasama dengan Ghanim International Sdn. Bhd. Ada produk-produk yang telah dicadangkan bagi kerjasama, sebagai contoh di Daerah Brunei Muara Kuih Kipang, buah Nanas,

Keropok Ugang. Bagi MPK Tungku Katok ini juga kementerian akan membantu untuk mengembanguaskan perusahaan pertanian sepertimana di Daerah Tutong dengan kerepek ubi manis, produk sambal dan sebagainya," terangnya lagi.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kawasan tapak di mana dari 13 tapak, satu tapak telah diwartakan kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan 12 lagi dalam proses. Sebanyak 7 tapak telah dibenarkan untuk *early development*.

Tapak-tapak yang dipilih ini juga jelas Yang Berhormat lagi sudah dirundingkan dengan MPM / MPK dan bukannya pemilihan yang dibuat oleh Kementerian, ia sudah dirundingkan dan dikenal pasti di mana tapak yang bersesuaian untuk pengusaha-pengusaha yang di tepi jalan dengan mengambil kira dari segi keselamatan.

Sementara menyentuh berkenaan Pasar Jerudong dan yang lain-lain dari segi kebersihan, memang sudah dalam penelitian kementerian mengenaunya.

Berkenaan dengan KPI yang tidak mencerminkan peningkatan ekonomi, kementerian meneliti sedalam-dalamnya, memikirkan adakah dengan mendapatkan jumlah *sales* itu boleh menaikkan ekonomi satu-satu pengusaha tetapi jika dilihat dari segi matematik pun kalau dibahagikan kepada total pengusaha 1K1P ini, ia tidak besar.

Jadi untuk mengembangkan

produk 1K1P ini adalah salah satu cara untuk *kitani* menaikkan taraf sara diri cuma alasan-alasan yang diberikan ini cukup dengan apa yang dijual, tidak mahu berkongsi resipi.

Berkenaan dengan Tamu Selera, memang masa ini dalam perancangan reka bentuk untuk mengusai, sudah dirundingkan bersama dengan peniaga-peniaga di sana untuk melaksanakan dari segi struktur kekalnya. Jadi perkara ini tergendala berkenaan dari segi struktur disebabkan oleh beberapa perkara.

Dan perkara itu ditangani oleh KHEDN dan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, dan dari segi tapak tanah pun sudah dirundingkan dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang mana tapak tanah di Tamu Selera masa ini memang di bawah KKBS.



**AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.**

## Projek Penjara Maraburong inisiatif strategik KHEDN, Jabatan Penjara

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BERAKAS,** Sabtu, 2 Mac. - Penjara Maraburong Fasa 4 dan Fasa 5, adalah inisiatif strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan Penjara.

Yang pertama, untuk *consolidate*. Yang kedua, untuk

memastikan *optimisation of manpower* dari segi *warder* yang bekerja di dua institusi penjara masa ini iaitu Penjara Jerudong dan Penjara Maraburong.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman bagi menjawab persoalan mengenai Projek Penjara Maraburong Fasa 5 yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa membahaskan dan meneliti belanjawan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman juga memohon pencerahan adakah keperluan untuk membina projek ini sudah begitu mendesak sehinggakan tidak dapat ditangguhkan pelaksanaannya bagi memberi laluan kepada projek-projek yang mempunyai

keutamaan tersendiri yang mempunyai *spin off* dan impak yang lebih besar kepada kesejahteraan rakyat atau ekonomi tempatan.

Mengenai perkara tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menekankan, kalau *kitani* lihat dari segi ekonominya, dengan harga rancangan yang disediakan itu, kita boleh membina 500 buah rumah, cuma kita mesti mengimbangi dari segi sekuriti dan juga kemaslahatan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

"Institusi penjara ini memerlukan satu tempat bersesuaian. Pada masa ini kita maklum di Jerudong, dari segi infrastrukturnya tidak begitu *secure*, jadi perlu untuk dibuat baharu. Dari segi jumlah kapasiti di penjara, memang sudah dikawal sebenarnya. Pada masa ini, sedang dibaiki sel penjara di Maraburong untuk memastikan *sekelesaan*," jelas Yang Berhormat.



**AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.**

Jadi, tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sebenarnya banyak faktor yang menyebabkan projek-projek ini perlu diteruskan untuk memastikan sekuriti dan juga *optimisation of manpower* Jabatan Penjara.



**ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.**

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# KPI perlu untuk capai aspirasi transformasi pembangunan bandar, daerah

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BERAKAS**, Sabtu, 2 Mac. - Menjurus kepada aspirasi Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah, dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti, dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) terdapat KPI (Key Performance Indicator) yang ditentukan bagi setiap aspirasi

tersebut.

Sebagai contoh, bagi bandar dan daerah yang bersih terdapat 5 KPI yang disediakan termasuk tandas awam. KPI yang di set di bawah matlamat bandar dan daerah yang bersih, penguatkuasaan dilaksanakan bagi Akta Kesalahan Rampaian.

Perkara itu diterangkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menjawab

soalan mengenai Aspirasi 2 di KHEDN yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Dari segi kesalahan dan compliance, peratus tandas awam di bawah kawalan kementerian yang penggredannya cemerlang, pematuan pada Akta Kesalahan Rampaian, iaitu kompaun dikenakan, termasuk juga perbandaran yang maju dan mampan dari segi peratus ataupun jumlah tanah lokasi perbandaran yang dimajukan.

"Sebagaimana mukadimah kaola juga tadi, transformasi pembangunan bandaran dan daerah dan memperkasakan pembangunan komuniti

sebagaimana kaola sebut berkenaan dengan BSB Masterplan yang telah kaola kongsi berkenaan dengan pencapaiannya.

"Ia sudah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kerja untuk dilaratkan ke daerah-daerah, iaitu pembangunan daerah-daerah dan juga jika kaola dapat kongsi, dari segi matlamat ketiga, ketersediaan prasarana kawasan-kawasan bandar dan daerah, iaitu jumlah prasarana yang diambil tindakan untuk meningkatkan hasil dari lawatan dan pemantauan, peratus prasarana di mukim kampung yang digunakan," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh yang demikian, semua aspirasi-aspirasi ini dan matlamat-matlamat ini jelasnya, bukan dilaksanakan oleh KHEDN sendiri, ia melibatkan kementerian-kementerian yang lain yang boleh



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

melakukan prasarana. Malah, peranan kementerian dari segi pembangunan daerah-daerah juga pernah dipersoalkan.

Sebenarnya, KHEDN dan kementerian-kementerian yang lain tegasnya, memainkan peranan penting dalam Pembangunan-pembangunan daerah sebagai contoh pembangunan hospital dari segi *business centrenya*.

**"SEBAGAIMANA mukadimah kaola juga tadi, transformasi pembangunan bandaran dan daerah dan memperkasakan pembangunan komuniti sebagaimana kaola sebut berkenaan dengan BSB Masterplan yang telah kaola kongsi berkenaan dengan pencapaiannya".**

## PEMELIHARAAN TEMPAT RIADAH DITEKANKAN



**AHLI** MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim (kiri), manakala gambar-gambar bawah, antara yang mendengarkan persidangan.

Kita juga menyaksikan beberapa kawasan *trekking* dan taman-taman riadah baharu telah dibuka untuk maksud itu.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menggariskan perkara tersebut dan seterusnya mempersoalkan mengenai kemudahan-kemudahan dan pemeliharaan fasiliti tersebut semasa membahaskan dan meneliti belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang bagi hari keempat di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Ada sebahagian tempat-tempat riadah ini telah pun disediakan tandas-tandas dan kemudahan-kemudahan yang lain cuma yang menyedihkan tandas-tandas yang terdapat di sebahagian tempat ini adalah dalam keadaan sangat mendukacitakan, tidak terpelihara dan mangkuk tandas pecah dan kotor," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman mencadangkan sekiranya peruntukan yang diberikan pada kementerian dan agensi untuk memelihara kemudahan-kemudahan ini tidak mencukupi, kementerian boleh membukakan satu program *sponsorship* dari syarikat-syarikat yang ingin memperbaiki dan memelihara

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

kemudahan-kemudahan tersebut ataupun *thinking outside the box* satu lagi *option* adalah dengan mengadakan kutipan derma melalui *online* seperti yang dilakukan bagi kutipan

derma pertolongan bencana bagi negara-negara luar kerana budaya orang Brunei adalah paling suka membuat kebajikan dan menghulurkan derma dan bersedekah.

**"ADA sebahagian tempat-tempat riadah ini telah pun disediakan tandas-tandas dan kemudahan-kemudahan yang lain cuma yang menyedihkan tandas-tandas yang terdapat di sebahagian tempat ini adalah dalam keadaan sangat mendukacitakan, tidak terpelihara dan mangkuk tandas pecah dan kotor," tambah Yang Berhormat.**



**BERAKAS**, Sabtu, 2 Mac. - Berkenaan dengan kemudahan yang disediakan di tempat-tempat riadah, sejak kebelakangan ini kita telah banyak menyaksikan orang ramai terutamanya belia mengamalkan hidup sihat dengan cara riadah berjalan kaki, jogging, mendaki bukit dan lain-lain.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# GALAK ORANG RAMAI GUNA SISTEM TENAGA SOLAR SECARA SUKARELA



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Ke arah mengukuhkan lagi keterjaminan bekalan tenaga elektrik khususnya bagi memenuhi keperluan rakyat Negara Brunei Darussalam yang meningkat, pihak Jabatan Tenaga telah menyasarkan untuk membangun tenaga suria berskala besar, iaitu pemasangan sebanyak 200 megawatt menjelang 2025.

Projek tenaga suria 30 watt di Kampung Belimbing, Subok pada masa ini sedang dimajukan, dan dijangka akan mula beroperasi pada 2025.

Menteri di Jabatan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara itu bagi menyambut baik cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin untuk mempercepatkan projek-projek tenaga boleh diperbaharui yang diselenggarakan oleh Jabatan Tenaga, semasa hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Manakala projek-projek lain termasuk projek-projek tenaga suria ujar Yang Berhormat, dimajukan oleh pelbagai agensi termasuk syarikat-syarikat pengendali dan syarikat-syarikat perindustrian seperti syarikat Brunei Shell Petroleum dan syarikat Total Energies.

"Bagi memaksimumkan penggunaan tanah di Negara Brunei Darussalam melalui kegiatan ekonomi yang lain,

beberapa tapak perairan (*floating solar*) juga dipertimbangkan untuk penempatan loji tenaga suria.

"Pada masa yang sama, pembangunan tenaga suria yang berskala kecil dan sederhana sedang diusahakan melalui langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai untuk memasang sistem tenaga solar di atas bumbung secara sukarela," ujar Yang Berhormat.

Bagi mempercepatkan projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui yang sudah dirancang itu tambah Yang Berhormat, pendekatan bersepadu Whole of Nation adalah diperlukan dan ke arah ini satu Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga telah ditubuhkan dengan melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan.

"InsyaaAllah, pengintegrasian sumber tenaga elektrik yang alternatif ini akan mendukung lagi perkembangan ekonomi, dan akan membolehkan gas asli untuk disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih bernilai seperti pengeluaran gas asli cecair atau LNG, atau aktiviti-aktiviti industri

hiliran minyak dan gas, yang akan mengukuhkan lagi nilai pengeksporan negara," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga turut mengulas mengenai isu seperti lampu jalan tidak berfungsi yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abd. Aziz bin Haji Hamdan.

"Projek-projek pemasangan lampu sememangnya merupakan keutamaan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dalam memastikan persekitaran yang selamat bagi penduduk-penduduk daerah dan mukim demi menjamin kesejahteraan semua lapisan masyarakat kampung.

"Dengan itu, pihak jabatan telah pun memperuntukkan projek-projek peningkatan liputan lampu jalan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12, yang memberi keutamaan bagi penaiktarafan sistem lampu awam di kawasan Lebuh raya Muara-Tutong dan sebahagian jalan utama di Daerah Temburong, serta pemasangan lampu awam baharu bagi kawasan-kawasan Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara; dan Mukim Labi, Daerah Belait," kata Yang Berhormat.

Di bawah belanjawan tahunan

pula, Yang Berhormat menambah, peruntukan termasuk untuk program penyelenggaraan yang berterusan bagi memperbaiki lampu-lampu jalan raya yang tidak lagi berfungsi.

Ini terang Yang Berhormat, akan ditangani menerusi kontrak pemeliharaan lampu awam bagi menangani aduan-aduan yang diterima dan dengan membuat pemantauan secara berterusan.

Di samping itu ujar Yang Berhormat, antara inisiatif untuk mengurangkan penggunaan elektrik adalah dengan menggantikan lampu jalan yang lebih cekap, dan kaedah penyalan lampu yang berselang-seli dengan tidak menjejaskan keselamatan jalan raya.

"InsyaaAllah, kerja-kerja penyelenggaraan dan pengendalian projek-projek akan terus dipantau rapi dengan kerjasama rapat dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dari segi keselamatan dan keberkesanan bekalan sistem tenaga elektrik negara.

"Ke arah ini, pelaksanaan projek-projek lampu jalan yang berkesan akan terus diberi keutamaan oleh JPK," terang Yang Berhormat.

## Pastikan pegawai NDMC dapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) sedang dalam perancangan untuk memastikan pegawai-pegawai pusat berkenaan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan boleh dikerahkan untuk memberi bantuan kepada mangsa bencana di luar negara.

**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri), manakala gambar bawah kanan, antara yang mendengarkan persidangan.

Perkara tersebut memerlukan masa dan pengauditan aset di peringkat antarabangsa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyatakan perkara itu bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai penyelarasan dalam

memperkesakan peranan dan bidang tugas antara NDMC dengan agensi-agensi berkaitan, pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai NDMC memang akan dipanggil oleh Pusat AHA (Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan Mengenai Pengurusan Bencana ASEAN)

setiap kali berlaku bencana di luar negara terutama negara-negara ASEAN, bagi bertindak sebagai Pegawai Logistik.

"Selain itu, salah satu ekseseis turut dikendalikan oleh NDMC, iaitu Cross-Border Exercise dengan NADMA (Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia) yang berjaya dilaksanakan menilai kemampuan kita dari segi integrasi dengan jabatan-jabatan di Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia," ujar Yang Berhormat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**MENURUT** Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai NDMC memang akan dipanggil oleh Pusat AHA (Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan Mengenai Pengurusan Bencana ASEAN) setiap kali berlaku bencana di luar negara terutama negara-negara ASEAN, bagi bertindak sebagai Pegawai Logistik.



## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# ORGANISASI PERTAHANAN CAPAI HAYAT CUKUP DEWASA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

>> Muka 1

Kementerian Pertahanan, ujar Yang Berhormat akan sentiasa membuat penilaian berterusan dalam bidang ketenteraan dan pertahanan, mengambil kira pelbagai faktor termasuklah pemilihan teknologi, penggunaan sumber tenaga manusia yang berkemahiran, kos pembiayaan serta impaknya dari segi pulangan pelaburan (*return of investment*) yang ketara akan dititikberatkan dan diberi keutamaan sewajarnya. "Ini lazimnya akan dikongsikan melalui penerbitan Kertas Putih Pertahanan atau Defence White Paper," terang Yang Berhormat. Dalam mukadimah itu, Yang Berhormat mengutarakan keutamaan-keutamaan kementerian yang menjadi asas bagi peruntukan yang telah

disediakan dengan mengambil kira kedudukan Kementerian Pertahanan dan keadaan persekitarannya termasuk perkembangan ekonomi negara, pergolakan geostrategik semasa, suasana dan perkembangan keselamatan serantau dan global. Cabaran dan ancaman keselamatan masa kini jelas Yang Berhormat, yang semakin rumit dan di luar dugaan seperti kemelut geopolitik yang tidak menentu, ancaman terhadap kesihatan awam (*threat to public health*), perkembangan ekonomi pasca wabak COVID-19, perubahan iklim dan perkembangan teknologi yang pesat menghendaki strategi pertahanan yang telus dan kukuh yang bertujuan untuk memastikan kepentingan negara terus terjaga dan kesejahteraan rakyat sentiasa dikecapi.

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

"Mengambil kira suasana sekeliling dan dengan kesedaran tentang sejarah negara kita, Kementerian Pertahanan akan kekal mendukung misi utamanya, iaitu mempertahankan kedaulatan negara dan integriti wilayah serta menegakkan perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja.

"Dengan ini juga ia akan merealisasikan visi kementerian ke arah menubuhkan sebuah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berwibawa dan rakan yang dipercayai ataupun A Formidable Armed Forces and A Reliable Partner," ujar Yang Berhormat.

**"MENGAMBIL kira suasana sekeliling dan dengan kesedaran tentang sejarah negara kita, Kementerian Pertahanan akan kekal mendukung misi utamanya, iaitu mempertahankan kedaulatan negara dan integriti wilayah serta menegakkan perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja".**

## Dukung dasar jalin hubungan baik dengan negara sahabat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Dalam bidang diplomasi pertahanan, Kementerian Pertahanan akan secara berterusan mendukung dasar Negara Brunei Darussalam untuk menjalin hubungan baik dengan semua negara sahabat melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala dan atas dasar saling menghormati (*mutual respect*) dan hidup bersama secara aman (*peaceful coexistence*).

Dalam konteks ini, diplomasi Kementerian Pertahanan akan tetap menjadi tunjang utama dan sandaran buat Kementerian Pertahanan dalam mengimbangi arus perubahan serantau dan global yang pesat.

"Peranan diplomasi pertahanan juga akan diberi nilai tinggi selaku landasan yang memupuk persefahaman dalam kalangan negara dan yang mengimbang ke arah menggalakkan kemakmuran dan kestabilan rantau dan global,"

demikian kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof ketika menyampaikan mukadimah mengenai belanjawan Kementerian Pertahanan pada hari keempat persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis pagi ini.

Yang Berhormat berkata, ke arah merealisasikan sasaran tersebut dan sempena mengambil sukut baik detik bersejarah NBD menyambut empat dekad menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat, langkah mempelbagaikan dan memperkembangkan bidang kerjasama pertahanan baik dari segi kuantiti mahu pun kualiti adalah salah satu pendekatan

utama.

Kementerian Pertahanan ujar Yang Berhormat, akan mempertimbangkan penglibatan dan interaksi di luar rantau yang tidak terhad kepada memberikan pendedahan dan kesedaran (*exposure and awareness*) bahkan juga menghitung kepentingan NBD secara menyeluruh.

Justeru itu tambah Yang Berhormat, selaras dengan visi kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sentiasa siap sedia melaksanakan apa jua misi-misi yang diarahkan yang menyumbang kepada keselamatan dan kepentingan bersama, sama ada di peringkat serantau mahu pun antarabangsa.

"Kita berbangga dengan penglibatan ABDB yang setakat ini telah mengharumkan dan membawa nama negara ke mata dunia melalui penyertaan-penyertaan di misi-misi pengamanaan dan visi bantuan kemanusiaan dan bencana khususnya Misi Pengamanaan Pertubuhan Bangsa-bangsa

Bersatu di Lebanon, United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFEL) di bawah kelolaan Malaysian Battalion (Malbatt) sejak tahun 2008 dan terus giat juga menyertai Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) di Republik Filipina sebagai kesinambungan kepada keterlibatan dalam Pasukan Pemantau Antarabangsa (International Monitoring Team) dari tahun 2004 hingga 2022 yang telah berjaya mewujudkan keamanan di kepulauan Mindanao, Republik Filipina.

"Selain itu, ABDB juga menempatkan para pegawai di pusat-pusat gerakan yang berpangkalan di Republik Singapura seperti Information Fusion Centre (IFC), Counter-Terrorism Information Facility (CTIF), dan Changi Regional HADR Coordination Centre (RHCC) dalam usaha untuk sama-sama menyumbang kepada keselamatan serantau dan antarabangsa.

"Kesemua ini melambangkan komitmen jitu negara terhadap aspirasi keamanan dan kemakmuran sejagat yang secara tidak langsung mempamerkan ABDB sebagai sebuah angkatan tentera yang profesional, cekap dan menegakkan imej pertahanan yang berwibawa dan *credible*," kata Yang Berhormat.

Penempatan-penempatan ini ujar Yang Berhormat, tidak syak memerlukan pembiayaan agak tinggi dengan pulangan *intangible* secara *collective* adalah jauh lebih bernilai terutamanya buat NBD.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan, salah satu penanda

aras ketara akan keberkesanan diplomasi pertahanan ialah adanya *reciprocal gesture* yang positif dari negara-negara sahabat khususnya melalui penyertaan dalam kursus-kursus dan latihan yang ditawarkan di pelbagai peringkat di beberapa tahun kebelakangan, baik yang diunkayahkan oleh Akademi Pertahanan ABDB, Institut Latihan ABDB dan sekolah Latihan Angkatan Tentera serta Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Pertahanan.

Langkah ini ujar Yang Berhormat, akan diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan dihasrat akan mencapai menjadi pemangkin kepada langkah-langkah diplomasi pertahanan yang lebih ampuh dan berkesan.

Dalam masa yang sama jelas Yang Berhormat, usaha ini juga diharap akan menjadi pendorong bagi kementerian untuk terus memastikan tahap infrastruktur latihan berkualiti yang akan memacu suasana serta persekitaran pembelajaran, latihan dan kursus yang lebih kondusif.

Perlu juga diketengahkan kata Yang Berhormat, sokongan negara-negara sahabat di rantau ASEAN khususnya dan juga antarabangsa pada hari-hari Sambutan Ulang Tahun ABDB adalah sangat memberangsangkan dan mencerminkan hubungan erat antara ABDB dengan negara-negara yang menjalin hubungan kerjasama pertahanan melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di bidang pertahanan dan ketenteraan.



ANTARA yang hadir pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN.

# Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



## KE ARAH MENJAMIN MUTU ANGGOTA YANG MANTAP

Oleh : Norlia Md. Zain  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac.- Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus memastikan keupayaan dan kapasiti yang sedia ada mampu menampung keperluan untuk melatih jumlah anggota memasuki perkhidmatan tentera ke arah menjamin mutu anggota yang mantap dan selaras dengan

perkembangan ABDB serta bagi menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran.

Disamping itu juga, perancangan ABDB melalui Akademi Pertahanan telah menubuhkan Faculty of Military Studies dengan kolaborasi bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang akan menerapkan konsep pembelajaran sepanjang

hayat (*life-long learning*) dalam pendidikan profesional ketenteraan (*professional military education*).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata demikian ketika menyampaikan mukadimah mengenai belanjawan Kementerian Pertahanan pada hari keempat persidangan

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Langkah ini kata Yang Berhormat, secara tidak langsung mendukung aspirasi kebangsaan untuk menjana rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya selain memperkasa usaha diplomasi pertahanan melalui penyertaan pegawai-pegawai tentera dari negara-negara sahabat.

Selaras dengan konsep pertahanan holistik tambah Yang Berhormat, Kementerian ini terus mempraktikkan pendekatan satu kementerian (*whole of ministry*) melalui sinergi tentera dan awam dengan sentiasa mengemas kini dasar dan proses ke arah



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.**

melicinkan pelaksanaan tugas dan inisiatif di dalam dan luar kementerian.

Langkah ini jelas Yang Berhormat, memupuk semangat perpaduan kalangan warga awam dan tentera, menanam amalan sifat tidak camah mata dalam memantapkan pengurusan pertahanan secara amnya.

"Sinergi ini juga membolehkan kementerian untuk sentiasa siap siaga untuk berganding bahu dan agensi-agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan ke arah mendukung pendekatan senegara *Whole of Nation* bagi mencapai gagasan negara iaitu Wawasan Brunei 2035," tegas Yang Berhormat.

**SUASANA Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada hari keempat.**



## Mengukuhkan, memantapkan koordinasi bersama negara jiran

Oleh : Srinarwie Bidzah  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi koordinasi dalam menangani insiden-insiden kecemasan dan pengurusan bencana termasuk di kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan negara jiran, Malaysia, sukacita mengongsikan perkembangan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia pada tahun 2021, iaitu pada Januari 2024, Latihan Sepadu Table Top Exercise yang pertama telah berjaya dikendalikan yang melibatkan seramai 166 pegawai dan anggota dari kedua-dua buah negara.

NBD diwakili oleh pegawai dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Jabatan Penerbangan Awam dan Kementerian Kesihatan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan mukadimah

belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari keempat persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Manakala dari Negara Malaysia kata Yang Berhormat diwakili oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan JBP, Malaysia.

"Dalam pada itu juga, NDMC dan JBP, selain memastikan kesiapsiagaan dari segi aset dan infrastruktur, juga giat melaksanakan program-program kesedaran awam dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman, penglibatan, dan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi bencana.

"Sebanyak 11 Program Kesedaran Awam dengan 417 kekerapan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dengan jumlah penyertaan keseluruhan seramai 27,055 orang yang telah dilaksanakan dan dikoordinasi seperti Program Community Based Disaster Risk Management (CBDRM), School Based Disaster Risk Management (SBDRM), Disaster Preparedness Coordinator (DPC), Public Safety Health and Security (PSHS), Community First Aider, Kursus Lifesaver 995, Kursus Fire Marshall, Taklimat Keselamatan

Kebakaran, Program Lawatan ke Balai-Balai Bomba, Fire Drills, dan Communities Outreach," jelas Yang Berhormat.

Program ini tambah Yang Berhormat, dibuat secara berterusan sama ada di peringkat kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, malah juga di peringkat sekolah-sekolah, syarikat dan orang awam.

Menurutnya, Community First Aiders iaitu kerjasama antara NDMC dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan jabatan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah untuk memperkasa dan mempersiapkan lagi rakyat dan penduduk di

negara ini untuk membantu keluarga, dan masyarakat dalam kecemasan sama ada semasa berada di rumah, tempat kerja, sekolah dan di tempat awam atau mana-mana sahaja, menerusi latihan komprehensif pertolongan cemas yang diberikan.

"Setakat ini, seramai 51 peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan, penduduk mukim dan kampung serta belia, telah selesai mengikuti Kursus 14 Asas Pertolongan Cemas Dalam Komuniti pada Disember 2023.

"Kursus lanjutan seterusnya, iaitu Kursus Pensijilkan Jurulatih (Training of Trainers (TOT)) akan diadakan pada tahun ini," ujar Yang Berhormat.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**



**ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.**

# Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



## PENYEDIAAN KLINIK GIGI DI PENJARA MARABURONG



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan bahawa Jabatan Penjara dalam usaha berterusan

untuk memperkasa program *incare* Jabatan Penjara seperti aktiviti-aktiviti sukan, berkawad, berkebun dan latihan vokasional kepada banduan-banduan, projek pembinaan blok baharu Penjara Maraburong Fasa Empat telah mula dilaksanakan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara.

Dengan terbinanya blok baharu ini nanti, sudah setentunya akan memberikan ruang dalam melaksanakan program vokasional yang akan diperkenalkan seperti bakeri dan sebagainya.

"Dalam masa yang sama Projek Pembinaan Blok Penjara Maraburong Fasa Lima yang akan menempatkan banduan wanita bagi membolehkan pemsatan pengawalan, pentadbiran dan pengoperasian Jabatan Penjara di bawah satu kawasan, berbanding pada masa ini yang mana penempatan banduan wanita masih ditempatkan di Penjara Jerudong," kata Yang Berhormat semasa menyampaikan

mukadimah belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari keempat persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan Jabatan Penjara juga akan menyediakan Klinik Gigi bagi peruntukan dalam Tahun Kewangan 2024 / 2025 untuk banduan-banduan di Penjara Maraburong melalui khidmat bantu daripada Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, ia bertujuan untuk mengurangkan pergerakan keluar masuk banduan dari institusi penjara.

Jabatan Penjara juga tambah Yang Berhormat, secara berterusan memperkasa Program *Incare* dan *Aftercare* dengan meneroka beberapa program usaha sama dengan agensi kerajaan antaranya seperti Pusat Da'wah Islamiah,

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Jabatan Pengajian Islam, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Belia, Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Jabatan Hal Ehwal Masjid, Agensi Bukan Kerajaan (NGOs) seperti LiveWIRE Brunei, Bank Islam Brunei Darussalam, Nadi Quranic dan Persatuan Kaunseling Brunei dan syarikat yang berkenaan dengan kerajaan (GLC's) yang telah dikenal pasti bagi memberikan peluang peningkatan kemahiran teknikal dan perniagaan kepada banduan-banduan sebagai persediaan apabila mereka bebas atau selesai menjalani hukuman penjara nanti di samping meneroka dan menarik minat syarikat-syarikat swasta untuk memberikan peluang kepada bekas banduan supaya diberikan pekerjaan.

"Pada tahun 2023, seramai 64 bekas banduan telah

mendaftarkan diri untuk menjadi Rakan Seliaan.

"Jabatan Penjara juga telah dan sedang giat menjalankan Program Grassroot Leaders and Community Engagement agar pemimpin akar umbi dan masyarakat turut sama berganding bahu dalam menangani isu kemasukan berulang para banduan.

"Di samping itu, program Satu Kampung Satu Keluarga (1K1K) di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang diterajui bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah juga diharapkan untuk mengurangkan stigma sosial seperti bimbingan dan kaunseling.

"Melalui program seperti ini juga diharap akan membolehkan keluarga banduan dan bekas banduan itu sendiri mengubah gaya hidup mereka ke arah yang lebih baik," ujar Yang Berhormat.

## Perkukuh Program Keusahawanan bagi menghasilkan produk tempatan berkualiti

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Untuk mendukung pembangunan dan menggiatkan aktiviti komuniti bandar dan daerah termasuk hala tuju projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P), beberapa inisiatif telah diungkayahkan seperti Memperkasa Program Keusahawanan di bawah 1K1P.

Ke arah itu, Memorandum Persefahaman dengan Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 27 September 2023 bertujuan untuk memperkukuh Program Keusahawanan ini agar lebih mampan dan seterusnya menghasilkan produk yang berkualiti dan berimpak tinggi bagi menembusi pasaran yang lebih luas di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pengusaha Majlis Perundingan Kampung (MPK) dari keempat-empat daerah telah menghadiri sesi pengenalan dan pemilihan produk, iaitu Product Pitching dan Production Trial bertempat di Brunei Food Industry Development Ghanim International Cooperation Sdn. Bhd. di Processing Facility Salambigar Industrial Park, Jalan Utama Tanah Jambu, Bandar Seri Begawan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman mengongsikan perkara tersebut semasa menyampaikan mukadimah belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada

hari keempat persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, setakat ini hanya satu pengusaha sahaja yang tampil untuk mengembangkannya produk dan perniagaan dan pada masa ini masih dalam proses uji cuba bagi penghasilan dan pembungkusan, iaitu *packaging*.

Selain itu kata Yang Berhormat, Projek Kedai Kampung, Jabatan Daerah Temburong sebagai sebuah Pusat Penjualan Produk-produk 1K1P, produk-produk usahawan dan kampung lain di Pekan Bangar serta Program ke Temburong Bisai dengan penglibatan dari Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk mempromosikan produk masing-masing di samping menarik lebih ramai pengunjung dari luar daerah dan luar negara untuk berkunjung dan berbelanja di Daerah Temburong.

Manakala tambah Yang Berhormat, Projek Tunas Marketplace dengan kerjasama Bank Islam Brunei Berhad yang telah dikembangkannya dengan pembukaan ruang niaga Projek Tunas di bangunan jabatan-jabatan kerajaan, Daerah Temburong mulai pada 30 Januari 2024 sebagai lanjutan

kepada pelaksanaan ruang niaga yang telah diperkenalkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sejak tahun 2022.

"Alhamdulillah, pada Disember 2023 sebanyak 28 pengusaha 1K1P telah ikut serta dalam memeriahkan Local Product Expo semasa December Festival di bawah kendalian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan baru-baru ini peniaga-peniaga di bawah Projek Tunas termasuk produk 1K1P dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah menyertai MSME Festival yang diadakan di Bridex Hall selama tiga hari bermula pada 29 Februari hingga 3 Mac 2024.

"Tujuannya untuk mengetengahkan dan mempromosikan produk masing-masing yang secara tidak langsung akan memberi hala tuju yang lebih jelas kepada perkembangan produk-produk tersebut.

"Di samping itu, Gerai Malam Permata Hijau juga telah diadakan sejak 28 September 2023 setiap minggu dari Khamis hingga Ahad yang memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha di Daerah Temburong termasuk peniaga-peniaga Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang bertujuan bagi mempelbagaikan aktiviti perekonomian penduduk Daerah Temburong dan memeriahkan suasana Daerah Temburong di waktu malam serta menarik pelancong dari luar negara,"

terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengadakan Night Street Food di Jalan Bendahara pada setiap malam Khamis sehingga Ahad sebagai inisiatif berterusan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan dan sebagai kesinambungan kepada Program Bandarku Ceria bagi memeriahkan bandar di sebelah malam.

Dalam pada itu juga tambah Yang Berhormat, inisiatif lain adalah mengadakan Uptown Gadong di kawasan Pasar Gadong dan Foodtruck di kawasan Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang diadakan

pada setiap malam.

Inisiatif ini ujarnya adalah bagi memberikan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga Mikro, Kecil dan Sederhana khususnya bagi peniaga tempatan.

"Dengan adanya inisiatif-inisiatif seumpama ini sedikit sebanyak telah dapat membantu dan menyumbang ke arah mempertingkatkan jumlah jualan produk 1K1P dari keempat-empat daerah dengan jualan pada tahun 2023 adalah berjumlah BND917,956.24 dengan 160 orang pengusaha berbanding tahun 2022 berjumlah BND821,405.00 bagi 152 orang pengusaha," ujar Yang Berhormat lagi.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

# YANG DI-PERTUA MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Chairperson of the ASEAN Parliamentary Group in the German Bundestag (Parlimen Jerman), Yang Berhormat Gabriele Katzmarek.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Chairperson of the ASEAN Parliamentary Group in the German Bundestag

(Parlimen Jerman), Yang Berhormat Gabriele Katzmarek. Yang Berhormat Gabriele Katzmarek disertai oleh rombongan seramai enam orang delegasi dari ASEAN Parliamentary Group in the German Bundestag.

Rombongan turut disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Jerman ke Negara

Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Gerda Wrinkle.

Turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah berserta beberapa orang Ahli-ahli MMN.

Kunjungan hormat tersebut

menandakan hubungan mesra dan persahabatan yang terjalin sejak lamanya antara kedua negara, yang pada tahun ini meraikan ulang tahunnya ke-40 tahun.

Sepanjang tahun-tahun tersebut, hubungan antara kedua-dua negara telah berkembang maju, terutamanya melalui pertukaran *people-to-people* serta lawatan antara kedua-dua negara.

Sewaktu perjumpaan tersebut, kedua-dua pihak telah berbincang

dan menegaskan komitmen bersama dalam memperkukuhkan hubungan antara keduanya terutamanya antara dewan perundangan di NBD dan Republik Jerman.

Rombongan Parlimen Jerman juga menekankan kepentingan ASEAN dalam dasar luar Republik Jerman dan akan berusaha untuk meningkatkan kerjasama dengan Rantau ASEAN.

Antara lain, perbincangan juga menentengahkan mengenai keahlian dewan perundangan masing-masing serta peranan dan tanggungjawab ahli-ahli dalam membawakan perbincangan di dalam Dewan Persidangan di negara masing-masing.

Dalam mengongsikan juga hala tuju NBD, Yang Di-Pertua MMN telah mengongsikan bahawa NBD sentiasa mengekalkan keamanan dan kestabilan, serta usaha berterusan untuk mempelbagaikan ekonomi agar tidak bergantung kepada minyak dan gas berdasarkan Brunei Darussalam Economic Blueprint.

Rombongan Parlimen Jerman menyatakan sokongan dan pujian terhadap usaha ini.

Pertemuan kunjungan hormat diakhiri dengan kedua pihak mengesahkan komitmen kedua-dua negara untuk memperkukuhkan hubungan parlimen dan meningkatkan kerjasama antara dua dewan perundangan.

## Perbanyakan ibadah, raih ganjaran pahala



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet hadir pada Majlis Perhimpunan Malam Munajat Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-127.

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Majlis Perhimpunan Malam Munajat Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun pada kali ini dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Kali Ke-127 dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Munajat malam tadi adalah secara fizikal dengan tumpuan utama di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas yang

dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet; Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri; Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan warga kementerian-kementerian; serta Ahli Jawatankuasa Takmir dan para jemaah yang hadir secara fizikal

mahupun secara maya dari 68 buah masjid termasuk surau dan balai ibadah di seluruh negara dan juga dari rumah-rumah persendirian.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Johan

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Tahun 2003, Haji Awang Muhammad Fahmie bin Haji Awang Metussin.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Kharhan bin Haji Jait, iaitu Pembaca Utama Ikrar sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-16, Tahun 2000.

Acara malam tadi diserikan lagi dengan Tazkirah bertajuk 'DiAmbang Ramadan' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan

Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Sellahuddin.

Tazkirah antara lain menyentuh mengenai, bulan Ramadan merupakan penghulu sekalian bulan. Bulan yang diberkati dan bulan yang dinanti-nantikan oleh setiap mukmin yang hakiki.

Pada bulan ini, Allah Subhanahu Wata'ala mengemukakan tawaran yang amat luar biasa kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana jika umat Islam merebutnya akan melayakkan mereka untuk masuk syurga Allah dan seterusnya diselamatkan daripada azab seksa neraka.

Selain berpuasa, umat Islam turut dianjurkan untuk memperbanyakkan amalan di bulan Ramadan seperti membaca Al-Quran, bersedekah, iktikaf di masjid dan menghidupkan malam dengan ibadah (Qiamullail).

Majlis diteruskan dengan bacaan Asma Al Husna oleh Penolong Pegawai Keugamaan dan Kerohanian, Awang Muhammad Hazman bin Saharin, dengan diiringi oleh para Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

# 2.6 BILION PENDUDUK DUNIA ALAMI BERAT BADAN BERLEBIHAN

>> Muka 1

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Hari Obesiti Sedunia 2024 dengan tema 'Mari Berbicara Tentang Obesiti dan Kanak-Kanak' (Let's Talk About Obesity and Children).

Oleh yang sedemikian menurut Yang Berhormat, Hari Obesiti Sedunia disambut pada setiap 4 Mac untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang ramai tentang punca obesiti dan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi menangani obesiti.

"Tema Sambutan Hari Obesiti Sedunia di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun ini ialah 'Mari Berbicara Mengenai Obesiti & Kanak-Kanak' (Let's Talk About Obesity & Children).

"Tema ini menumpukan perhatian terhadap masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak termasuk para remaja.

"Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) lebih daripada 340 juta kanak-kanak dan remaja mengalami berat badan berlebihan dan obesiti pada tahun 2016.

"Isu obesiti dalam kalangan kanak-kanak ini adalah salah satu cabaran kesihatan awam global yang paling serius, yang menjejaskan setiap negara," jelas Yang Berhormat.

Di NBD tambah Yang Berhormat, Kaji Selidik Global School-based Health Survey (GSHS) 2019 menunjukkan kadar obesiti dalam kalangan remaja yang berumur 13 hingga 17 tahun adalah 18.1 peratus, iaitu meningkat daripada 17.4 peratus pada 2014.

Kadar ini kata Yang Berhormat, merupakan kadar yang tertinggi dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kadar berat badan berlebihan dalam kalangan remaja juga meningkat, iaitu 35.6 peratus pada 2019, berbanding 35.2 peratus pada 2014.

Yang Berhormat juga turut mengongsikan bahawa saringan kesihatan yang dijalankan oleh Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, Kementerian Kesihatan dalam kalangan para pelajar di seluruh negara juga mendapati kadar berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan para pelajar

Tahun 1, Tahun 4 dan Tahun 7 dalam tempoh masa lima tahun kebelakangan adalah di antara 25 peratus ke 30 peratus.

"Masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak ini sangat membimbangkan kerana ia boleh menjejaskan kesejahteraan emosi dan mental seperti mengalami perasaan kemurungan, tekanan (*stress*) yang tinggi, kebimbangan yang melampau dan perasaan terasing secara sosial.

"Masalah emosi dan mental tersebut boleh berterusan sehingga dewasa dan jika masalah obesiti ini tidak dibendung dari awal, trend ini akan terus meningkat dan kanak-kanak yang obes mempunyai risiko yang tinggi menjadi dewasa yang obes dan mengalami masalah kesihatan disebabkan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan obesiti termasuk genetik, persekitaran, psikologi, budaya dan sosial, pemakanan yang tidak sihat dan seimbang, kurang kegiatan fizikal dan sesetengah ubat.

Yang Berhormat juga mengongsikan Kaji Selidik GSHS 2019, sebanyak 78.7 peratus remaja tidak mengamalkan pemakanan buah-buahan yang cukup (sekurang-kurangnya tiga hidangan sehari) dan sebanyak 86.8 peratus remaja tersebut tidak mengamalkan pengambilan sayur-sayuran yang cukup (sekurang-kurangnya dua hidangan sehari).

Kaji selidik tersebut juga tambah Yang Berhormat, mendapati bahawa sebanyak 40 peratus remaja mengambil minuman berkarbonat sekurang-kurangnya sekali setiap hari.

Kaji selidik berkenaan juga terang Yang Berhormat, menunjukkan bahawa sebanyak 89 peratus remaja tidak mengamalkan aktiviti fizikal seperti yang disarankan oleh WHO, iaitu sekurang-kurangnya 60 minit sehari.

"Kekurangan aktiviti fizikal dan amalan pemakanan yang kurang sihat dari peringkat awal adalah dipengaruhi oleh keadaan persekitaran kanak-kanak seperti amalan kebiasaan di rumah, penggunaan skrin atau gajet secara berlebihan, jadual persekolahan, pemasaran makanan dan minuman yang berkhasiat dan sebagainya.

"Oleh yang sedemikian, Kementerian Kesihatan



**BERSEMPENA** Hari Obesiti Sedunia ini, marilah kita semua bergerak bersama mengamalkan gaya hidup yang sihat dan meningkatkan usaha untuk mempercepatkan tindakan-tindakan bagi pencegahan obesiti.

menitikberatkan tindakan-tindakan pencegahan di setiap peringkat kehidupan termasuk dari dalam kandungan dan peringkat kanak-kanak," kata Yang Berhormat.

Antara inisiatif-inisiatif yang telah diambil bagi pencegahan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak ujar Yang Berhormat, adalah termasuk mengukuhkan dasar-dasar dan garis pandu yang berkaitan untuk mengutamakan persekitaran yang sihat seperti pemakanan ibu, anak damit dan kanak-kanak kecil bagi menyokong, mempromosi dan melindungi amalan penyusuan susu ibu, kod pemasaran makanan dan minuman yang berhemah kepada kanak-kanak bagi melindungi kanak-kanak daripada kesan pengiklanan makanan dan minuman yang tidak berkhasiat dan cukai ke atas minuman yang mengandungi gula (Sugar-Sweetened Beverages Tax).

Selain itu tambah Yang Berhormat, bekerjasama dengan pelbagai sektor melalui tindakan-tindakan yang telah digariskan di dalam Brunei Darussalam National Multi-sectoral Action Plan on Non-Communicable Diseases (BruMAP-NCD) 2021-2025, termasuk langkah-langkah untuk mewujudkan persekitaran pemakanan yang lebih sihat dan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

konduif serta menyokong aktiviti fizikal dalam kalangan masyarakat.

Antaranya ialah kata Yang Berhormat, Inisiatif Logo Pilihan Sihat, dengan kerjasama industri makanan bagi membantu pengguna untuk membuat pilihan makanan yang lebih sihat dan Program Brunei on the Move (BONTM) bagi mempromosi dan menggalakkan masyarakat untuk sentiasa aktif melakukan kegiatan fizikal.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan dengan memberi khidmat nasihat mengenai obesiti dan kaunseling pemakanan di pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital kerajaan.

"Kementerian Kesihatan juga ada menyediakan perkhidmatan Klinik Obesiti (bagi dewasa) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha melalui rujukan dari Pusat-pusat Kesihatan berdekatan.

"Terus menjalankan kempen media massa dan aktiviti-aktiviti kesihatan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai obesiti dan kepentingan amalan gaya hidup sihat di pelbagai tempat seperti sekolah, pusat penjagaan kanak-kanak, komuniti dan sebagainya," jelasnya.

Menurut Yang Berhormat lagi,

pencegahan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak memerlukan usaha, penglibatan dan komitmen daripada semua pihak termasuk individu, ibu bapa, sekolah-sekolah, industri makanan dan minuman dan sektor-sektor lain yang berkaitan bagi membentuk persekitaran kanak-kanak untuk menjadi lebih sihat.

Oleh itu kata Yang Berhormat, masalah obesiti kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama dan perlu diatasi dengan kerjasama daripada semua pihak masyarakat di negara ini.

"Bersempena Hari Obesiti Sedunia ini, marilah kita semua bergerak bersama mengamalkan gaya hidup yang sihat dan meningkatkan usaha untuk mempercepatkan tindakan-tindakan bagi pencegahan obesiti.

"InsyaaAllah, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan akan sentiasa dan terus komited dalam menangani masalah obesiti dengan meneliti dan melaksanakan dasar-dasar yang membolehkan persekitaran yang sihat untuk memastikan kualiti kehidupan kita dan anak-anak kita akan terus terjamin," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

## SPK diiktiraf Most Improved Pension Fund di rantau ASEAN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin mengumumkan bahawa Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) telah diberi penghormatan Anugerah 2024 Best of the Best ASEAN Awards untuk Most Improved Pension Fund yang dianjurkan oleh Asia Asset Management (AAM).

Ini mempamerkan pengiktirafan bagi usaha luar biasa Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam

mengubah landskap persaraannya untuk memastikan persaraan yang mampan dan inklusif untuk ahlinya.

Kategori Most Improved Pension Fund ini meraikan dana persaraan di rantau ASEAN yang telah melaksanakan skim dan manfaat baharu kepada ahlinya secara mampan; yang mana bertujuan untuk memenuhi keperluan jangka panjang dan mengutamakan kebajikan ahli-

ahlinya.

Anugerah berprestij ini mengiktiraf perjalanan NBD dalam kemajuan inovatif yang dicapai dalam menambah baik skim persaraannya untuk menangani keperluan-keperluan persaraan ahli-ahli dan peralihan demografi yang mana terdapat peningkatan dalam golongan penuaan.

Dari penubuhan awal skim TAP sehingga penubuhan SPK, NBD telah

■ **Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja**

menunjukkan komitmen yang teguh untuk memastikan kesejahteraan persaraan ahli-ahli serta tanggung-tanggungannya.

Salah satu peningkatan SPK yang signifikan adalah pendekatan holistik melalui penggunaan pelan persaraan hibrid, yang bukan sahaja memastikan pendapatan bulanan persaraan ahli lebih baik dan dapat

mencapai sehingga sepanjang hayat, malah ia juga membolehkan pengeluaran dari simpanan Akaun Ahli bagi keperluan-keperluan penting seperti rumah.

Anugerah 2024 Best of the Best ASEAN Awards untuk Most Improved Pension Fund ini adalah bukti kepimpinan dan inovasi NBD dalam prasarana persaraan.

# TINGKAT KESEDARAN MENGENAI PENCEGAHAN MASALAH, HILANG PENDENGARAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 Mac. - Pendengaran memainkan peranan penting dalam komunikasi, memahami persekitaran dan mengekalkan keselamatan.

Dengan pendengaran yang baik, seseorang dapat mendengar dan memahami percakapan orang, serta memberi respons yang tepat.

Pendengaran juga dapat membantu dalam pengesanan bunyi yang mengindikasikan bahaya.

Kehilangan pendengaran pula dirujuk sebagai kekurangan upaya yang tidak dapat dilihat kerana kekurangan simptom fizikal, stigma di kalangan komuniti dan sering diabaikan oleh penggubal dasar.

Perkara tersebut digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Pendengaran Sedunia 2024.

"Hari Pendengaran Sedunia disambut pada setiap 3 Mac di seluruh dunia sebagai salah satu inisiatif program advokasi untuk meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan masalah dan kehilangan pendengaran, serta mempromosikan penjagaan telinga dan pendengaran di kalangan masyarakat," tambah Yang Berhormat.

Pada tahun ini, jelas Yang Berhormat, tema Sambutan Hari Pendengaran Sedunia ialah 'Mengubah Minda : Mari jadikan penjagaan telinga dan pendengaran sebagai realiti untuk semua' (*Changing mindsets : Let's make ear and hearing care a reality for all!*).

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, tema ini memfokuskan kepada kepentingan dalam meningkatkan kesedaran mengenai kehilangan pendengaran, mempromosikan penjagaan telinga dan pendengaran serta menyokong akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan pendengaran.

Tema ini juga, katanya, memberikan penekanan terhadap kepentingan pengesanan awal, pencegahan dan rawatan kehilangan pendengaran, serta menangani kesan sosial dan ekonomi akibat gangguan pendengaran terhadap individu dan komuniti di seluruh dunia.

Tambah Yang Berhormat, proses mengubah minda untuk menjadikan penjagaan telinga dan pendengaran sebagai realiti bagi semua adalah sangat penting dalam memastikan kesihatan pendengaran di kalangan masyarakat.

"Bersempena Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2024 ini juga, di antara objektif yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah melawan tanggapan yang salah berkaitan dengan masalah telinga dan pendengaran dalam komuniti dan di kalangan penyedia penjagaan kesihatan,

"Menyediakan maklumat yang tepat dan berasaskan bukti untuk mengubah persepsi orang ramai terhadap masalah telinga dan pendengaran dan menyeru negara dan masyarakat untuk mengubah persepsi dan pemikiran stigma terhadap kehilangan pendengaran bagi memastikan akses yang saksama kepada penjagaan telinga dan pendengaran," jelasnya lagi.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), tambahnya, kira-kira 466 juta orang mengalami tahap kehilangan pendengaran yang sederhana atau lebih tinggi.

Di Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat, statistik yang diperolehi dari Perkhidmatan Audiologi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan seramai 180 pesakit baharu mengalami masalah kehilangan pendengaran tahap ringan ke sederhana yang melibatkan sebelah telinga, berbanding dengan 162 pesakit baharu di tahun sebelumnya.

Bagi masalah kehilangan pendengaran di tahap teruk ke sangat teruk pula, tambah Yang Berhormat, seramai 27 orang telah dikenal pasti termasuk lima orang merupakan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

"Sementara itu, statistik bagi masalah kehilangan pendengaran yang melibatkan kedua belah telinga (*bilateral hearing loss*) di tahap ringan ke sederhana menunjukkan peningkatan drastik dari 540 orang pada tahun 2022 ke 686 orang pada tahun 2023.

"Peningkatan ini termasuk 121 kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Manakala, pada tahun 2023, seramai 61 pesakit mengalami masalah kehilangan pendengaran di tahap teruk ke sangat teruk termasuk 59 daripadanya adalah mereka yang berumur 12 tahun ke atas," menurut Yang Berhormat.

Tegas Yang Berhormat, usaha aktif dalam meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan penjagaan telinga dan pendengaran yang sihat

**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan sempena Hari Pendengaran Sedunia 2024.

adalah sangat penting dan perlu diteruskan kerana ia mempunyai impak terhadap kualiti hidup seseorang individu. Memupuk amalan yang betul pada usia muda dapat mengurangkan risiko untuk mendapatkan masalah pendengaran.

Salah satu usaha penting yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan melalui kerjasama di antara Jabatan Otorinolarologi, Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait dan Perkhidmatan Kejururawatan adalah penubuhan Klinik Program Saringan Pendengaran Anak Damit di Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait.

Klinik ini, jelasnya, mula beroperasi pada 17 Jun 2023 dan dikendalikan oleh jururawat-jururawat yang telah menerima latihan terperinci dalam ujian saringan pendengaran anak damit.

"Dengan adanya klinik ini, ia dapat mengesan sebarang masalah pendengaran kongenital kekal agar dapat diberi intervensi awal seperti pemasangan alat bantu pendengaran, terapi pertuturan dan bahasa, terapi dari guru masalah pendengaran serta konsultasi dan rawatan dari Pakar Pediatrik dan Pakar Otorinolarologi.

"Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan telah melancarkan satu program latihan iaitu *Aural care for nurses in the*

*community* pada bulan Februari 2023 dengan kerjasama Jabatan Otorinolarologi, Perkhidmatan Kesihatan Asasi dan Pusat Latihan dan Perkembangan Kejururawatan (PLPK). Program latihan ini diharap dapat meningkatkan lagi perkhidmatan penjagaan telinga dan menangani masalah pendengaran di kalangan penduduk di Negara Brunei Darussalam," tambah Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri perutusannya, Yang Berhormat menyatakan, dengan memahami kepentingan pendengaran dalam kehidupan kita, kita boleh mengambil langkah-langkah untuk menjaga pendengaran kita dengan baik, seperti mengelakkan kebisingan berlebihan, menjauhkan diri daripada bahan kimia yang berbahaya kepada pendengaran, dan mendapatkan rawatan yang sewajarnya jika mengalami masalah pendengaran.

Mari jadikan penjagaan telinga dan pendengaran sebagai *reality* untuk semua! (*Let's make ear and hearing care a reality for all!*)



## Majlis Khatam Al-Quran raikan pelatih PKBN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TEMBURONG**, Ahad, 3 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran khusus bagi para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 bagi Sesi Tahun 1445H / 2024M yang berlangsung di Dewan Kuliah, Kem Latihan PKBN, Kampung Batu Apoi, pagi tadi.

Seramai 457 pelatih terdiri daripada 309 pelatih lelaki dan 148 pelatih perempuan PKBN Pengambilan Ke-12 mengikuti majlis berkenaan tidak termasuk

12 pelatih, iaitu lima lelaki dan tujuh perempuan yang bukan beragama Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan-bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai dan Takhtim yang diketuai oleh Pelatih 14293 Awang Muhammad Zulhelmi Hashim bin Jainudin daripada Platun 1 dan bacaan Doa

Khatam diketuai oleh Pelatih 13969 Awang Muhammad Hazmaan Kamal bin Haji Ibrahim daripada Platun 7.

Manakala, Dikir Marhaban yang diketuai oleh Penolong-penolong Pegawai Keagamaan dan Kerohanian PKBN dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Pelatih 13869 Awang Mohammad Danial Hazwan bin Mohammad Azmi daripada Platun 3.

Majlis seterusnya diikuti dengan Sesi Penyampaian Sijil-sijil Khatam kepada para pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis bagi pelatih lelaki manakala Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari bagi pelatih perempuan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama para pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 bersama tetamu kehormat majlis.

Majlis dihasrat sebagai landasan bagi para pelatih PKBN untuk mengerjakan serta memantapkan pelbagai amal ibadah sekali gus mengukuhkan ciri-ciri kerohanian,



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran khusus bagi para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 bagi Sesi Tahun 1445H / 2024M (atas), manakala gambar bawah kiri, antara pelatih yang diraikan.

keimanan dan ketakwaan mereka yang telah ditanamkan di sepanjang jangka waktu mengikuti latihan.

Selain itu, ia juga dihasrat untuk membentuk para pelatih dan belia yang symul serta cemerlang ke arah mendukung konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, KKBS; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, ketua-ketua bahagian dan ketua jabatan serta para pegawai kanan KKBS.



# PERKUKUH HUBUNGAN DALAM BIDANG BERKEPENTINGAN BERSAMA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**MUSCAT, KESULTANAN OMAN,** Sabtu, 2 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah membuat Lawatan Kerja ke Kesultanan Oman pada 28 hingga 29 Februari 2024, atas jemputan His Highness Sayyid Theyazin bin Haitham bin Tariq Al-Said, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Belia, Kesultanan Oman dan juga bagi menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Muscat Ke-28 yang diadakan bermula pada 21 Februari 2024 hingga 2 Mac 2024 di Oman Convention and Exhibition Centre.

Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Muscat, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta jabatan-jabatan di bawahnya, sejak tahun 2013.

Pada masa yang sama, Kesultanan Oman pula telah menyertai Pesta Buku Brunei anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka NBD, sejak tahun 2014 dan telah diberikan kehormatan selaku Country of Honour Pesta Buku Brunei pada tahun 2019.

Penyertaan kedua-dua buah negara ini adalah sebagai kesinambungan pelaksanaan Memorandum Persefahaman antara kedua buah kementerian dalam kerjasama kebudayaan,

yang telah ditandatangani pada tahun 2012. Ini juga melambangkan hubungan erat yang lama terjalin antara kedua buah negara.

Yang Berhormat juga telah berkesempatan melawat reruai-reruai agensi-agensi Kesultanan Oman di Pesta Buku Antarabangsa Muscat Ke-28, 2024, dan diberikan taklimat-taklimat mengenai fungsi and peranan masing-masing, antaranya National Records and Archives Authority of Oman, Muzium Kanak-Kanak Oman, Kementerian Warisan dan Pelancongan Oman, Social Protection Fund Oman, termasuk Kementerian Perumahan dan Perancangan Bandar yang mengongsikan perancangan berkaitan status pembangunan Bandar Sultan Haitham yang telah menarik pelbagai rakan kongsi sama.

Di sepanjang Lawatan Kerja berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diiringi oleh Undersecretary, Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Belia, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Saeed bin Sultan bin Yarub Al Busaidi, selaku wakil His Highness Sayyid Theyazin bin Haitham bin Tariq Al-Said, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Belia, Kesultanan Oman; dan seterusnya berpeluang dalam bertukar-tukar pandangan dan pengalaman berkaitan dengan isu-isu di bawah tanggungjawab KKBS, NBD dan



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama Secretary-General Muzium Kebangsaan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Jamal Al-Moosawi.**

Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Belia Kesultanan Oman.

Di samping itu, kedua-dua pihak juga membincangkan peluang-peluang kerjasama ke arah mempertingkatkan hubungan dua hala dalam bidang-bidang berkepentingan bersama antara kedua kementerian.

Sejarah penubuhan dan perancangan usaha masa hadapan Pusat Belia Oman juga turut dikongsikan oleh Tuan Yang Terutama Saeed dan wakil daripada Pusat Belia Oman. Pusat Belia Oman ini ditubuhkan oleh His Highness Sayyid Theyazin bin Haitham bin Tariq Al-Said, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Belia, Kesultanan Oman pada tahun 2022, dan berfungsi sebagai tempat untuk menggalas bakat-bakat belia dan membimbing idea dan inovasi belia.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama Secretary-General Muzium Kebangsaan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Jamal Al-Moosawi, dan seterusnya melawat Muzium Kebangsaan Kesultanan Oman.

Kedua pihak telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama

dalam bidang pameran untuk dilaksanakan pada tahun 2024, di samping cadangan bagi mengadakan pertukaran amalan-amalan terbaik antara Jabatan Muzium-Muzium NBD dan Muzium Kebangsaan Kesultanan Oman.

Royal Opera House Muscat, yang dibangunkan pada tahun 2011 turut dilawati. Royal Opera House Muscat ini adalah antara legasi penting Al-Marhum Sultan Qaboos bin Said pada tahun 2011, yang telah memainkan peranan signifikan dalam memperkayakan warisan dunia, melalui acara seni. Tempat ini juga berperanan sebagai pusat kecemerlangan dalam penglibatan budaya sejagat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesempatan menemui warga NBD yang bertugas di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kesultanan Oman, dan juga yang bekerja dan menuntut di Kesultanan Oman.

Turut menyertai Lawatan Kerja tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kesultanan Oman, Puan Yang Terutama Dayang Noralizan binti Abdul Momin; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan pegawai-pegawai kanan di KKBS.

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar ramai dan melawat reruai-reruai agensi-agensi Kesultanan Oman di pesta buku berkenaan (atas kiri dan bawah kanan). Manakala gambar bawah kiri, Yang Berhormat semasa mendengarkan taklimat.**



# KETENGGAHKAN RESOLUSI BERASASKAN PEMIKIRAN BERNAS, TERBAHARU

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid

>> Muka 1

"Namun persoalannya di sini, bagaimana kefahaman konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dapat diserapkan dalam menjalani kehidupan harian masing-masing dan apakah pendekatan yang boleh mengukur kepada keberhasilan tersebut?"

"Di sinilah falsafah MIB terus ditekankan serta menjadi amalan yang membolehkan negara membangun dengan masyarakat yang sihat serta berbekal jati diri fokus kepada peradaban, keperibadian serta akhlak mulia," tegas Yang Mulia Dato Seri Paduka.

Nilai-nilai ini ujar Yang Mulia Dato Seri Paduka, adalah nilai-nilai murni sekiranya diaplikasikan

dalam pemberian Perkhidmatan Awam ia mungkin sahaja boleh menyatupadukan rakyat dan penduduk ke arah meningkatkan kehidupan yang lebih baik lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terang Yang Mulia Dato Seri Paduka, telah menitikberatkan aspek keseimbangan kemajuan dengan pengukuhan nilai-nilai kerohanian agar perpaduan rakyat dapat dijadikan sebagai kepada kemantapan kepimpinan negara dan juga ke arah sama-sama merealisasikan setiap agenda pembangunan yang dihasratkan.

Sehubungan ini, Yang Mulia Dato Seri Paduka berharap dengan penganjuran seminar berkenaan

akan turut mengetengahkan resolusi berasaskan pemikiran-pemikiran bernas dan terbaharu untuk memperkasa penghayatan amalan dan nilai-nilai MIB ke arah merealisasikan Wawasan 2035.

Yang Mulia Dato Seri Paduka seterusnya melahirkan harapan agar seminar berkenaan dapat memantapkan pemahaman dan pelaksanaan serta mencetuskan medan perbincangan untuk tujuan menyemai dan memupuk semangat kecintaan kepada raja, agama dan negara dan seterusnya penyediaan resolusi pengaplikasian nilai-nilai murni berkenaan secara berkesan bagi semua lapisan masyarakat dan setiap aspek urus tadbir dalam kerajaan.

Semoga usaha yang penuh kebajikan ini tambahannya, akan dapat memberi manfaat ke arah

menguatkan perpaduan dan keperibadian serta jati diri rakyat dan penduduk negara ini.

Terdahulu, Yang Mulia Dato Seri Paduka dalam ucapannya turut mengucapkan tahniah kepada Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB kerana dapat mengadakan aktiviti ilmiah menjurus kepada penyebaran ilmu dan pengetahuan sebagai sandaran kepada pendidikan MIB untuk masyarakat.

"Penganjurannya juga adalah selaras ke arah memartabatkan keunggulan MIB sejak pemasyhurannya pada 1 Januari 1984 dan khususnya dukungan kepada pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri semasa berucap.**

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menerajui kemajuan dan pembangunan negara yang berlandaskan falsafah kebangsaan ini," ujarnya lagi.



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri semasa merasmikan Seminar Kebangsaan Pendidikan Melayu Islam Beraja Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Seminar Kebangsaan Pendidikan Melayu Islam Beraja Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 diadakan hari ini bertempat di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seminar merupakan anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Ilmu Teras dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei dan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan seminar berkenaan, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Dengan tema 'Memperkasa Penghayatan Amalan dan Nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) Ke Arah Merealisasikan Wawasan 2035', seminar berkenaan adalah bagi menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun 2019 dengan baginda menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam

adalah sebuah negara yang akan sentiasa mementingkan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya dipandu oleh sistem MIB yang telah berjalan sejak ratusan tahun.

MIB berfungsi memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk di negara ini serta telah terbukti berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil, bahagia dan bersatu padu, iaitu NBD.

Oleh yang demikian, melalui seminar yang dianjurkan adalah diharap dapat membantu memperkukuh lagi kefahaman MIB dalam kalangan masyarakat, seterusnya menekankan kepentingan mengekalkan, mempertahankan dan menghayati amalan serta nilai-nilai MIB.

Pengarah Pusat Ilmu Teras, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku Pengerusi Bersama Seminar dalam ucapan-ucapan alu-aluan menyatakan bahawa MIB merupakan falsafah kebangsaan NBD adalah sebagai konsep yang menegaskan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu sifat Ihsan yang bermaksud berbuat kebaikan.

Manakala tambahannya, orang yang bersifat Ihsan disebut sebagai Al-Muhsin atau Al-Muhsinin seperti mana yang termaktub dalam panji-panji NBD.

## Memperkasa kefahaman MIB dalam kalangan masyarakat

Dr. Haji Noralizam seterusnya menjelaskan orang yang memiliki sifat Ihsan akan sentiasa berusaha melahirkan segala bentuk amalan dan perbuatan yang bermotifkan kebaikan-kebaikan (amal soleh), mindanya soleh, pertuturannya soleh, perbuatannya soleh dan niatnya juga soleh.

"Allah Subhanahu Wata'ala turut menjanjikan kepada umat Rasulullah yang beriman dan beramal soleh bahawa Allah meninggikan mereka menjadi khalifah-khalifah di bumi, mengukuhkan dan mengembangkan agama mereka serta dilimpahi dengan rahmat keamanan.

"Janji Allah berkenaan merupakan nikmat yang dimiliki oleh NBD sendiri, iaitu negara berkerajaan, raja sebagai pemimpin tertinggi (Ulul Amri), agama Islam yang terus kukuh dan berkembang dan menjadi agama rasmi negara; keamanan, kemakmuran serta keharmonian yang berterusan dan berkekalan.

"Semua perkara tersebut wajib untuk dipertahankan, dengan syarat terus kekal beribadat kepada Allah dengan mentauhidkan-Nya, tunduk patuh kepada-Nya serta menjunjung tinggi segala perintah-perintah-Nya," katanya lagi.

Sementara itu, dalam ucapan perasmian tetamu kehormat majlis menyatakan bahawa dalam usaha menjaga kemajuan dan kejayaan untuk negara, kita akan terus didepani pelbagai cabaran yang boleh memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada kepentingan rakyat dan negara.

Oleh yang demikian jelasnya, pentingnya untuk melipatgandakan usaha menerusi pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi mengecap kejayaan yang dihasratkan.

Segala matlamat yang disasarkan tambahannya, tidak akan tercapai tanpa adanya perpaduan, kesefahaman serta kerjasama daripada setiap peringkat masyarakat dan pihak-pihak yang berkepentingan.

"Di sana, falsafah MIB penting untuk ditekankan serta menjadi amalan yang membolehkan negara

membangun dengan masyarakat yang sihat serta berbekal jati diri fokus kepada peradaban, keperibadian serta akhlak mulia.

"Semua itu adalah nilai-nilai murni yang apabila diaplikasikan dalam pemberian Perkhidmatan Awam (PA), mungkin sahaja boleh menyatupadukan rakyat dan penduduk ke arah meningkatkan kehidupan yang lebih baik," ujarnya lagi.

Seminar dimulakan dengan ucapama bertajuk 'Memperkasa Penghayatan Amalan dan Nilai-nilai MIB Ke Arah Merealisasikan Wawasan 2035' yang disampaikan oleh Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif menjelaskan bahawa penyelarasan dan penyebaran MIB secara menyeluruh perlu ditangani dengan wujudnya sebuah badan, iaitu Majlis Tertinggi MIB yang bersifat kukuh sebagai payung tertinggi yang mempunyai kuasa dan terma-terma khusus serta Jawatankuasa bertindak untuk menyelaras keseluruhan penyebaran MIB.

Selain itu katanya, keperluan bagi memantau penggunaan unsur-unsur di luar penyebaran MIB yang formal yang bersifat tidak murni dan dianggap sebagai bertentangan dengan hasrat perlambangan Negara Brunei.

Beliau juga menegaskan bahawa sudah tiba masanya untuk dilaksanakan transformasi untuk mengangkat kuasa dan autoriti Majlis Tertinggi MIB untuk mempunyai dasar-dasar dan terma-terma dalam menyelaras MIB di seluruh negara.

Dalam konteks pembelajaran tambahannya, bagi memastikan kandungan dalam MIB khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi adalah selaras, maka peranan Majlis Tertinggi MIB sebagai satu badan yang perlu diperkuatkan dan diperkukuh serta perlu memainkan peranan untuk meneliti pembelajaran di institusi pendidikan.

Di samping itu katanya, penyebaran dan pembelajaran MIB kepada tenaga PA perlu turut dilaksanakan.

"Antara perkara yang boleh

diungkayahkan ialah ujian MIB bagi penetapan jawatan sebagai cara untuk warga PA untuk mempelajari dan memahami MIB.

"Institusi penghulu dan ketua kampung juga turut perlu memainkan peranan dalam memastikan pembelajaran MIB untuk diserapkan ke anggota masyarakat.

"Tambahan dari itu juga, Majlis Tertinggi MIB perlu bergerak cepat dalam membarigakan berkenaan apa itu MIB dan panduan kandungan MIB.

"Oleh yang demikian, sudah tiba masanya Majlis Tertinggi MIB untuk mempunyai visi dan misi dalam penyebaran MIB," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif turut menyarankan kepada Kementerian Pendidikan agar menjadikan sejarah Brunei yang berfokus kepada peranan raja-raja daripada perspektif tempatan dijadikan mata pelajaran wajib di negara ini.

Sejarah Brunei katanya, mengandungi aspirasi dan hasrat seorang raja yang boleh dijadikan elemen utama yang perlu dipelajari oleh generasi baharu.

Terdahulu, Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif turut membangkitkan mengenai kepentingan menaani martabat bahasa Melayu dan menghindari kekeliruan yang timbul daripada penggunaan istilah-istilah luar ke bahasa Brunei.

Menurutnya, paling membimbangkan ialah apabila penggunaan bahasa asing dilebihi daripada bahasa Melayu sendiri dan perkara ini perlu ditangani oleh Majlis Tertinggi MIB untuk mengimbangi penggunaan bahasa-bahasa berkenaan.

"Majlis Tertinggi MIB turut berperanan dalam memantau mana-mana acara atau program dengan pemakaian bahasa Melayu menyalahi perlembagaan yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

"Pemakaian bahasa Melayu perlu lebih dikukuhkan berbanding bahasa asing agar ia tidak pupus kerana kurang diamalkan khususnya oleh generasi muda," ujarnya lagi.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 3 Mac. - Sebanyak 70 buah kenderaan dan 30 buah motosikal pelbagai jenama yang terdiri daripada jenis klasik dan moden menyertai Pameran Kereta Semarak

Hari Kebangsaan sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024

Dengan membawakan tema 'Semarak Hari Kebangsaan',

## PAMERAN KERETA SEMARAKKAN LAGI HARI KEBANGSAAN KE-40



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada pameran tersebut dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas), Manakala gambar bawah kiri, antara kenderaan yang menyertai Pameran Kereta Semarak Hari Kebangsaan sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.

Pameran Kereta tersebut mengambil tempat di kawasan letak kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pameran tersebut sekali gus menyaksikan pameran ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Lamat. Pameran Kereta Semarak Hari Kebangsaan merupakan anjuran Kelab Benzer Brunei Darussalam atas jemputan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Antara tujuan pameran diadakan

bagi menyemarakkan lagi semangat patriotik, kebangsaan dan bernegara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 serta seterusnya menjalinkan lagi hubungan baik dan silaturahim antara semua yang terlibat.

## Bantu ringankan beban golongan memerlukan

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian bantuan berkenaan (atas kanan dan atas kiri).

**KILANAS,** Ahad, 3 Mac. - Seramai 28 ketua keluarga pagi tadi menerima bantuan pada Program Berbagi Rezeki untuk asnaf fakir miskin yang tinggal di Kampung Kilanas anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Kilanas, bertempat di Masjid Kampung Kilanas, di sini.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian bantuan berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Acara yang diadakan bersempena dengan ketibaan bulan Ramadan Al-Mubarak 1445 Hijrah bagi Kampung Kilanas berkenaan adalah merupakan aktiviti tahunan dengan AJKT Masjid yang telah sepakat dan bersetuju mengadakannya sebelum umat Islam di Negara Brunei Darussalam menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak.

Pada tahun ini, setiap ketua

keluarga asnaf fakir dan miskin dari Kampung Kilanas menerima infak berupa barang-barang makanan keperluan dapur (asasi) daripada AJKT Masjid Kampung Kilanas berserta keluarga mereka dan sumbangan para penduduk Kampung Kilanas.

Majlis antara lain bertujuan untuk membantu dan meringankan beban serta tanggungan perbelanjaan para asnaf fakir dan miskin dalam membuat persediaan menyambut kedatangan bulan Ramadan.

Selain untuk membuka peluang kepada orang ramai terutama penduduk yang tinggal di Kampung Kilanas dan sekitarnya untuk meraih pahala bersedekah.

Juga hadir, Penaung-penaung, Penasihat-penasihat serta AJKT Masjid Kampung Kilanas dan para jemputan khas, asnaf fakir dan miskin serta jemaah masjid, para penduduk Kampung Kilanas dan di sekitarnya.



**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.pppk.gov.bn](http://www.pppk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمنترين كصيحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda



Universiti Brunei Darussalam  
WANG-WANG CAGARAN YANG BELUM DITUNTUT

Adalah dimaklumkan kepada penyimpan-penyimpan wang cagaran bahawa masih terdapat wang cagaran bagi tawaran-tawaran Tahun 1995 hingga 2001 yang belum lagi dituntut. Penyimpan-penyimpan dikendaki membuat tuntutan ke Bahagian Kewangan Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Bandar Seri Begawan BE 1410 semasa waktu bekerja iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat.

Semasa membuat tuntutan penyimpan-penyimpan hendaklah menghadapkan surat tuntutan dan menyertakan resit asal berkenaan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan ini. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi melalui email ke : finance@ubd.edu.bn  
Senarai nama penender, bilangan resit dan jumlah wang cagaran bagi tahun 1995 hingga 2001 yang masih belum dituntut.

| Tahun | Nama SYARIKAT                                   | RESIT NO. | JUMLAH      |
|-------|-------------------------------------------------|-----------|-------------|
| 1995  | RAZALEIGH RESTAURANT                            | 1264274   | \$ 1,000.00 |
| 1995  | JESSAMINE CAKE HOUSE                            | 1264275   | \$ 500.00   |
| 1995  | JATI OCE SDN BHD                                | 1264278   | \$ 300.00   |
| 1995  | S.A. LE MARK DISTRIBUTOR SERVICES               | 1264287   | \$ 300.00   |
| 1995  | NADZITA ENTERPRISE                              | 1264291   | \$ 500.00   |
| 1995  | CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.                | 1264296   | \$ 200.00   |
| 1995  | UNIVERSITY SHOP (B) SDN BHD                     | 1264301   | \$ 500.00   |
| 1995  | SYARIKAT AIDDAH                                 | 1264326   | \$ 500.00   |
| 1995  | SALAMMAN SDN BHD                                | 1264332   | \$ 200.00   |
| 1995  | DEEN RESTAURANT AND CATERING SERVICE            | 1264338   | \$ 500.00   |
| 1995  | STAR TRADING DISTRIBUTORS                       | 1264363   | \$ 500.00   |
| 1995  | STP DIST.                                       | 1264364   | \$ 500.00   |
| 1995  | OA SYSTEM COMPUTER                              | 1264421   | \$ 500.00   |
| 1995  | CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.                | 1264442   | \$ 300.00   |
| 1995  | CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO.                | 1264469   | \$ 100.00   |
| 1995  | ARYADUTA SDN BHD                                | 1264494   | \$ 200.00   |
| 1995  | HALIM SDN BHD                                   | 1264495   | \$ 200.00   |
| 1995  | PERUSAHAAN HJ AHMAD BIN ISMAIL & ANAK-ANAK      | 1264497   | \$ 200.00   |
| 1995  | NEW CLOTHESLINE SDN BHD                         | 1264498   | \$ 200.00   |
| 1995  | SYARIKAT USAHA BAKANAIE                         | 1264500   | \$ 200.00   |
| 1995  | L & N TRADING                                   | 1264504   | \$ 100.00   |
| 1995  | SYARIKAT DN & ANAK-ANAK                         | 1264505   | \$ 100.00   |
| 1995  | SHINE GENERAL CONT.                             | 1264511   | \$ 100.00   |
| 1995  | AL-BISSRAIN SDN BHD                             | 1264512   | \$ 100.00   |
| 1995  | QA SYSTEM COMPUTER                              | 1264558   | \$ 100.00   |
| 1995  | CHONG RADIO SERVICE                             | 1264567   | \$ 100.00   |
| 1995  | QA SYSTEM COMPUTER                              | 1264645   | \$ 100.00   |
| 1995  | AT & T.                                         | 1264658   | \$ 100.00   |
| 1996  | SAPDO                                           | 1264680   | \$ 100.00   |
| 1996  | PERUSAHAAN HJH MASKATUN BINI & ANAK-ANAK        | 1264684   | \$ 100.00   |
| 1996  | SYARIKAT HJ METUSOP JAPARUDIN & ANAK-ANAK       | 1264687   | \$ 100.00   |
| 1996  | ORBIT GENERAL CONST. CO.                        | 1264689   | \$ 100.00   |
| 1996  | SYARIKAT MORNI                                  | 1264693   | \$ 100.00   |
| 1996  | YU'AZ FUTURE INDUSTRIAL SERVICES                | 1264696   | \$ 100.00   |
| 1996  | ATH NIAGABERA SDN BHD                           | 1264720   | \$ 200.00   |
| 1996  | MOODAWI AND TRADING SDN BHD                     | 1264772   | \$ 100.00   |
| 1996  | SDS SYSTEM (B) SDN BHD                          | 1264791   | \$ 100.00   |
| 1996  | KBL ENTERPRISE                                  | 1264849   | \$ 500.00   |
| 1996  | UMMA SLAMAH ENTERPRISE                          | 1264867   | \$ 500.00   |
| 1996  | DEEN RESTAURANT & CATERING                      | 1264869   | \$ 500.00   |
| 1996  | ATH NIAGABENA SDN BHD                           | 1264881   | \$ 100.00   |
| 1996  | AYBA TRADING CO.                                | 1264926   | \$ 100.00   |
| 1996  | CAPITAL TRADERS                                 | 1264929   | \$ 100.00   |
| 1996  | NUSA-SETIA TRADING CO.                          | 1264930   | \$ 100.00   |
| 1996  | MANGAL SINGH & SONS                             | 1264934   | \$ 100.00   |
| 1996  | EDNA SV ENTERPRISE                              | 1264935   | \$ 100.00   |
| 1996  | SURIA AZLAN ENTERPRISE                          | 1264936   | \$ 100.00   |
| 1996  | SCS INFORMATION TECHNOLOGY SDN BHD              | 1264939   | \$ 100.00   |
| 1996  | FOLEC COMMUNICATION SDN BHD                     | 1264964   | \$ 100.00   |
| 1996  | SYARIKAT SUNIYA INSAN                           | 1264997   | \$ 100.00   |
| 1996  | ROYAL BRUNEI TECHNICAL SERVICES                 | 1264999   | \$ 100.00   |
| 1996  | MEADOWLAND TRADING SDN BHD                      | 2480035   | \$ 100.00   |
| 1996  | MEADOWLAND TRADING SDN BHD                      | 2480061   | \$ 100.00   |
| 1996  | TZAS ENTERPRISE                                 | 2480171   | \$ 100.00   |
| 1996  | NURUL HAFIZ TECHNICAL SERVICES                  | 2480172   | \$ 100.00   |
| 1996  | R.B. COMMS                                      | 2480182   | \$ 100.00   |
| 1996  | INTERISARE SECURITY & TRADING CO.               | 2480188   | \$ 100.00   |
| 1996  | I.T. SYSTEM (B) SDN BHD                         | 2480194   | \$ 100.00   |
| 1997  | AV ELECTRONICS                                  | 2480299   | \$ 100.00   |
| 1997  | AV ELECTRONICS                                  | 2480300   | \$ 100.00   |
| 1997  | PARAMOUNT SUPPLIERS                             | 2480350   | \$ 100.00   |
| 1997  | BMA TRADING COMPANY                             | 2480377   | \$ 100.00   |
| 1997  | ZULKADEER & COMPANY                             | 2480379   | \$ 100.00   |
| 1997  | ATH MEDIC SDN BHD                               | 2480384   | \$ 100.00   |
| 1997  | ARYADUTA SDN BHD                                | 2480565   | \$ 200.00   |
| 1997  | MAHANI AJI ENTERPRISE                           | 2480566   | \$ 100.00   |
| 1997  | HJ HASBI B. KHATIB ABDULLAH & ANAK2             | 2480568   | \$ 200.00   |
| 1998  | SY. HJ METUSOP JAPARUDDIN                       | 2480740   | \$ 100.00   |
| 1998  | TUNAS HIAU ENTERPRISE                           | 2480760   | \$ 100.00   |
| 1998  | BINAMAS TRADING                                 | 2480761   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYKT. HAMZAL DAN ANAK2                          | 2480769   | \$ 100.00   |
| 1998  | OLVY COMPANY                                    | 2480771   | \$ 100.00   |
| 1998  | NADIA DEVELOPMENT CO.                           | 2480773   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYKT O.K. JAKIR DAN ANAK2                       | 2480787   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYKT. BAPA & ANAK2                              | 2480789   | \$ 100.00   |
| 1998  | NURUL AIMAN TRADING CO.                         | 2480792   | \$ 100.00   |
| 1998  | AV ELECTRONICS SDN BHD                          | 2480832   | \$ 100.00   |
| 1998  | FASHION FURNITURES CONSTRUCTION CO.             | 2480834   | \$ 100.00   |
| 1998  | CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT                    | 2480842   | \$ 100.00   |
| 1998  | MORSIAYA ELECTRICAL CO SDN BHD                  | 2480846   | \$ 100.00   |
| 1998  | KENANGAN SUBOH ENTERPRISE                       | 2480847   | \$ 100.00   |
| 1998  | EDUTECH SDN BHD                                 | 2480853   | \$ 100.00   |
| 1998  | WUJAYA SPORTS                                   | 2480863   | \$ 100.00   |
| 1998  | MUFAKAT TRADING CO.                             | 2480864   | \$ 100.00   |
| 1998  | BMA TRADING CO.                                 | 2480865   | \$ 100.00   |
| 1998  | GLAMOUR                                         | 2480877   | \$ 100.00   |
| 1998  | TRIPLE A ENTERPRISE                             | 2480885   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYKT. PG HJ MD YASSIN B. PG OTHMAN              | 2480886   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYARIKAT HMZA                                   | 2480887   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYKT MANEE DAN ANAK-ANAK                        | 2480889   | \$ 100.00   |
| 1998  | NILAM BAIDURI CAFE                              | 2480891   | \$ 100.00   |
| 1998  | HAI HWANG TRADING CO.                           | 2480893   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYARIKAT HAMSAL DAN ANAK-ANAK                   | 2480896   | \$ 100.00   |
| 1998  | SUNLIT ADVERTISING SDN BHD                      | 2480916   | \$ 100.00   |
| 1998  | FASHION FURNITURE & CONSTRUCTION CO SDN BHD     | 2480962   | \$ 100.00   |
| 1998  | KENANGAN SUBOH ENTERPRISE                       | 2480963   | \$ 100.00   |
| 1998  | FRANMIX SDN BHD                                 | 2480966   | \$ 100.00   |
| 1998  | MASPUTRA SDN BHD                                | 2480991   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYARIKAT NORJEAH                                | 2480995   | \$ 100.00   |
| 1998  | DYG LIMAH DAN ANAK2                             | 2481002   | \$ 100.00   |
| 1998  | SYARIKAT BUNGA SEMERBAK                         | 2481004   | \$ 100.00   |
| 1999  | AL-HIDAYAH RESTORAN                             | 2481346   | \$ 200.00   |
| 1999  | AL-IHSAN RESTAURANT                             | 2481347   | \$ 200.00   |
| 1999  | NEW ISLAMIC RESTAURANT                          | 2481349   | \$ 200.00   |
| 1999  | PRISMILITE ENTERPRISE CO.                       | 2481360   | \$ 2,000.00 |
| 1999  | APPLICAL PROGRAMMING AUTOMATION PRODUCTS        | 2481361   | \$ 2,000.00 |
| 1999  | ACCANDO TECHNOLOGIES SDN BHD                    | 2481362   | \$ 2,000.00 |
| 1999  | SYARIKAT INAI                                   | 2481367   | \$ 200.00   |
| 1999  | SYARIKAT INAI                                   | 2481368   | \$ 200.00   |
| 1999  | SYARIKAT INDAH SEJAHTERA DEVELOPMENT & SERVICES | 2481370   | \$ 2,000.00 |
| 1999  | SYARIKAT YANAM & ANAK-ANAK                      | 2481373   | \$ 200.00   |
| 1999  | RESTORAN SURAINA                                | 2481378   | \$ 200.00   |
| 1999  | RESTORAN SURAINA                                | 2481379   | \$ 200.00   |
| 1999  | CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO SDN BHD         | 2481398   | \$ 200.00   |
| 1999  | RESTORAN ISMAHANA                               | 2481398   | \$ 200.00   |
| 1999  | PERKHIDMATAN REKREASI COC                       | 2481403   | \$ 200.00   |
| 1999  | PERKHIDMATAN REKREASI COC                       | 2481404   | \$ 200.00   |
| 1999  | RESTORAN AMINAH ARIF                            | 2481405   | \$ 200.00   |
| 1999  | QUMASURIA ENTERPRISE                            | 2481410   | \$ 200.00   |
| 1999  | USAHA SITTY DELIMA                              | 2481412   | \$ 200.00   |
| 1999  | USAHA SITTY DELIMA                              | 2481413   | \$ 200.00   |
| 1999  | STAR TRADING PRINTING SDN BHD                   | 2481425   | \$ 100.00   |
| 1999  | AEC ENGINEERING CO                              | 2481431   | \$ 100.00   |
| 1999  | MAHANI AJI ENTERPRISE                           | 2481522   | \$ 100.00   |
| 1999  | PERUSAHAAN BNB                                  | 2481539   | \$ 200.00   |
| 1999  | FAH DIN ENTERPRISE                              | 2481545   | \$ 500.00   |
| 1999  | LAU YIN KEE SANITARY & PLUMBING                 | 2481619   | \$ 100.00   |
| 1999  | USJ ENGINEERING & SERVICES                      | 2481620   | \$ 100.00   |
| 1999  | DAIKYO INDUSTRIAL GAS SDN BHD                   | 2481623   | \$ 100.00   |
| 1999  | SYARIKAT NOR AWAN SDN BHD                       | 2481651   | \$ 100.00   |
| 1999  | DONNA NURSERY                                   | 2481653   | \$ 100.00   |
| 1999  | KEMAJUAN JATI BUILDTRENT (B) SDN BHD            | 2481655   | \$ 100.00   |
| 2000  | C.H.K MOTORS SDN BHD                            | 2481984   | \$ 100.00   |
| 2000  | INDEEM SERVICES SDN BHD                         | 2481985   | \$ 100.00   |

|      |                                             |         |    |          |
|------|---------------------------------------------|---------|----|----------|
| 2000 | NBT (BRUNEI) SDN BHD                        | 2481986 | \$ | 100.00   |
| 2000 | JATI TRANSPORT SDN BHD                      | 2481990 | \$ | 100.00   |
| 2000 | PETREL JAYA SDN BHD                         | 4344010 | \$ | 100.00   |
| 2000 | KOSI (B) SDN BHD                            | 4344015 | \$ | 100.00   |
| 2000 | MEDICON MARKETING                           | 4344016 | \$ | 100.00   |
| 2000 | CATHAY SCIENTIFIC INSTRUMENT CO SDN BHD     | 4344017 | \$ | 100.00   |
| 2000 | MC-QUIPP TECHNICAL MARKETING SDN BHD        | 4344018 | \$ | 100.00   |
| 2000 | BORNEO UNITED ENTERPRISE SDN BHD            | 4344057 | \$ | 2,000.00 |
| 2000 | HARLIZA ENTERPRISE                          | 4344061 | \$ | 100.00   |
| 2000 | ISS THOMAS COWAN SDN BHD                    | 4344063 | \$ | 2,000.00 |
| 2000 | ARZA TRADING SDN BHD                        | 4344068 | \$ | 100.00   |
| 2000 | KENANGAN SUBUH ENTERPRISE                   | 4344069 | \$ | 100.00   |
| 2000 | PUJA CONSTRUCTION CO SDN BHD                | 4344071 | \$ | 2,000.00 |
| 2000 | KOSI (B) SDN BHD                            | 4344078 | \$ | 100.00   |
| 2001 | MOTHERLAND CONSUMER CO                      | 4344206 | \$ | 100.00   |
| 2001 | COURT. FURNISHING & CONSTRUCTION SDN BHD    | 4344208 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SHINE CONTRACTOR SDN BHD                    | 4344209 | \$ | 100.00   |
| 2001 | ATY ENTERPRISE                              | 4344215 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT SERI ASRAMI                        | 4344218 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SEARAY BUILDING MATERIALS SUPPLIERS SDN BHD | 4344221 | \$ | 100.00   |
| 2001 | MAKMUR ABADI RESTAURANT                     | 4344244 | \$ | 100.00   |
| 2001 | ASMALIZAH TRADING COMPANY                   | 4344247 | \$ | 100.00   |
| 2001 | FATHUL RAZAK RESTAURANT & CATERING SERVICES | 4344250 | \$ | 100.00   |
| 2001 | NORHAMIZA RESTAURANT & CATERING SERVICES    | 4344251 | \$ | 100.00   |
| 2001 | RESTORAN RAUDATI                            | 4344253 | \$ | 100.00   |
| 2001 | UNIRANGEMATIC OFFICE AUTOMATION SUPPLIES CO | 4344257 | \$ | 100.00   |
| 2001 | EDWAT BUSINESS SYSTEM                       | 4344270 | \$ | 100.00   |
| 2001 | KOSI (B) SDN BHD                            | 4344271 | \$ | 100.00   |
| 2001 | KOSI (B) SDN BHD                            | 4344272 | \$ | 100.00   |
| 2001 | B.S.SYSCOM (B) SDN BHD                      | 4344274 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT PEMASARAN TASAMUL BHD              | 4344280 | \$ | 100.00   |
| 2001 | KOSI (B) SDN BHD                            | 4344282 | \$ | 100.00   |
| 2001 | INTERHOUSE COMPANY                          | 4344284 | \$ | 100.00   |
| 2001 | ABBASLY PAPER MARKETING SDN BHD             | 4344286 | \$ | 100.00   |
| 2001 | JAC MARKETING & SERVICES                    | 4344289 | \$ | 100.00   |
| 2001 | MENARA ELECTRICAL & ENGINEERING SDN BHD     | 4344291 | \$ | 100.00   |
| 2001 | AT&S CONTRACTOR                             | 4344292 | \$ | 100.00   |
| 2001 | BUILDING ENGINEERING SERVICES TECHNOLOGY    | 4344294 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT JURUTERA PMM                       | 4344295 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT HAKMAH JAYA                        | 4344299 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT AWG MOHAMAD MOITIR & ANAK-ANAK     | 4344300 | \$ | 100.00   |
| 2001 | NEW UNITY TECHNOLOGY SDN BHD                | 4344301 | \$ | 100.00   |
| 2001 | INDECO SERVICES SDN BHD                     | 4344303 | \$ | 100.00   |
| 2001 | HALIM SDN BHD                               | 4344304 | \$ | 100.00   |
| 2001 | ZOHAL ENTERPRISE                            | 4344314 | \$ | 100.00   |
| 2001 | HMYC SDN BHD                                | 4344319 | \$ | 100.00   |
| 2001 | DHJ ELECTRICAL ENGINEERING SDN BHD          | 4344324 | \$ | 100.00   |
| 2001 | TING SII KING ENGINEERING SDN BHD           | 4344329 | \$ | 100.00   |
| 2001 | BEC SDN BHD                                 | 4344332 | \$ | 100.00   |
| 2001 | AMD BUILDERS                                | 4344354 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT SERIBU SDN BHD                     | 4344356 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT SERIBU SDN BHD                     | 4344357 | \$ | 100.00   |
| 2001 | HJ ZAIDI ENTERPRISE                         | 4344361 | \$ | 100.00   |
| 2001 | ABD KHALID LATIF GENERAL CONTRACTORS        | 4344362 | \$ | 100.00   |
| 2001 | ATY ENTERPRISE                              | 4344369 | \$ | 100.00   |
| 2001 | AT&S CONTRACTOR                             | 4344370 | \$ | 100.00   |
| 2001 | FAZLAN SDN BHD                              | 4344374 | \$ | 100.00   |
| 2001 | JANUDIN COMPANY                             | 4344377 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SITI SALMI HJ AHMAD ENTERPRISE              | 4344378 | \$ | 100.00   |
| 2001 | MEGA TRADE MARKETING                        | 4344380 | \$ | 200.00   |
| 2001 | FOLEC COMMUNICATION                         | 4344385 | \$ | 200.00   |
| 2001 | PETRAL JAYA SDN BHD                         | 4344386 | \$ | 200.00   |
| 2001 | ADVANCE SYSTEM TECH NO. COMM SDN BHD        | 4344388 | \$ | 200.00   |
| 2001 | FAZLAN SDN BHD                              | 4344389 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT ALINAH BTE DAMPUL & ANAK-ANAK      | 4344393 | \$ | 100.00   |
| 2001 | HAKLA CONSTRUCTION COMPANY                  | 4344394 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT ISUJAYA                            | 4344396 | \$ | 100.00   |
| 2001 | NAZRUL ENTERPRISE                           | 4344398 | \$ | 100.00   |
| 2001 | TUNAS HIAU ENTERPRISE                       | 4344401 | \$ | 100.00   |
| 2001 | DONNA NURSERY                               | 4344403 | \$ | 100.00   |
| 2001 | VCON ENGINEERING                            | 4344406 | \$ | 100.00   |
| 2001 | WAIZ ENTERPRISE                             | 4344407 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT MD KASSIM HJ ALI & ANAK-ANAK       | 4344409 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SYARIKAT MISTI JAYA                         | 4344411 | \$ | 100.00   |
| 2001 | GHANIYU CLEANING SYSTEM                     | 4344415 | \$ | 100.00   |
| 2001 | MOHD KASSIM & BROTHERS                      | 4344418 | \$ | 100.00   |
| 2001 | JARUDIN COMPANY                             | 4344419 | \$ | 100.00   |
| 2001 | SENG CHOI CONSTRUCTION SDN BHD              | 4344424 | \$ | 100.00   |
| 2001 | KEHASAN (B) SDN BHD                         | 4344435 | \$ | 200.00   |
| 2001 | ZAINARIF CONSTRUCTION COMPANY               | 4344436 | \$ | 200.00   |
| 2001 | TNC LANDSCAPING PRIVATE LTD                 | 4344443 | \$ | 200.00   |
| 2001 | WONG SIW SING CONTRACTOR                    | 4344446 | \$ | 200.00   |
| 2001 | SYARIKAT SERI MAKAR                         | 4344447 | \$ | 200.00   |
| 2001 | NORMILA SDN BHD                             | 4344448 | \$ | 200.00   |
| 2001 | PUSTAKA REMAJA                              | 4344500 | \$ | 100.00   |
| 2001 | NAZRUL ENTERPRISE                           | 4344522 | \$ | 100.00   |
| 2001 | HARLIZA ENT. SDN BHD                        | 4344524 | \$ | 100.00   |
| 2001 | TUNAS HIAU ENTERPRISE                       | 4344525 | \$ | 100.00   |
| 2001 | NORMILA S/B                                 | 4344526 | \$ | 100.00   |
| 2001 | JAMCO                                       | 4344527 | \$ | 100.00   |
| 2001 | ORBIT GENERAL CONSTRUCTION CO               | 4344528 | \$ | 100.00   |
| 2001 | RIZA FUDHLANA ENT & TRADING CO.             | 4344531 | \$ | 100.00   |
| 2001 | RESTORAN AMBAR KASTURI                      | 4344546 | \$ | 500.00   |
| 2001 | ANIQAH ENTERPRISE                           | 4344552 | \$ | 500.00   |
| 2001 | AL-HIDAYAH RESTAURANT                       | 4344553 | \$ | 500.00   |
| 2001 | RESTORAN LIYANA                             | 4344567 | \$ | 500.00   |
| 2001 | EMAN RESTAURANT                             | 4344570 | \$ | 500.00   |
| 2001 | CHONG RADIO SERVICE SDN BHD                 | 4344266 | \$ | 100.00   |
| 2001 | BRUSIN TRADING CO SDN BHD                   | 4344503 | \$ | 100.00   |
| 2001 | BORNEO UNITED ENTERPRISE SDN BHD            | 4344367 | \$ | 100.00   |
| 2001 | BORNEO UNITED ENTERPRISE SDN BHD            | 4344368 | \$ | 100.00   |

|                                                                                                                                                                                   |                                                                             |                           |                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                               |                                                                              |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|---------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <br>JABATAN KERJA RAYA<br>KEMENTERIAN KAWATAN<br>DEPARTMENT OF MECHANICAL AND ELECTRICAL SERVICES |                                                                             |                           | <br>JABATAN PERKHIDMATAN NEGARA, SEA ELECTRIC<br>DEPARTMENT OF MECHANICAL AND ELECTRICAL SERVICES |                                                                                                                               |                                                                              |
| TAWARAN                                                                                                                                                                           |                                                                             |                           |                                                                                                                                                                                    | TARIKH TUTUP<br>MENGHANTAR<br>BORANG TAWARAN<br>KE DALAM PETI<br>TAWARAN<br>(TIDAK DIBENARKAN<br>MENGAMBIL<br>BORANG TAWARAN) |                                                                              |
| TARIKH<br>MULA                                                                                                                                                                    | TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL DAN MENGHANTAR BORANG<br>TAWARAN (WAKTU BERKERJA) |                           |                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                               |                                                                              |
| 4 MAC 2024<br>(ISNIN)                                                                                                                                                             | 4 MAC 2024 (ISNIN) HINGGA 7 MAC 2024 (KHAMIS)                               |                           |                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                               | 9 MAC 2024<br>SEBELUM JAM 9.00<br>PAGI (SABTU).<br>(MEMBUKA PETI<br>TAWARAN) |
|                                                                                                                                                                                   | ISNIN HINGGA<br>KHAMIS                                                      | PAGI : 8.30 HINGGA 11.30  |                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                               |                                                                              |
|                                                                                                                                                                                   |                                                                             | PETANG : 1.30 HINGGA 3.00 |                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                               |                                                                              |
|                                                                                                                                                                                   | SABTU                                                                       | PAGI : 8.30 HINGGA 10.30  |                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                               |                                                                              |
|                                                                                                                                                                                   |                                                                             | PETANG : TUTUP            |                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                               |                                                                              |

| LOT | KETERANGAN |                                                 | BERTEMPAT                                                |                                                          |
|-----|------------|-------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|
| 1   | 1 LOT      | PERALATAN ELETRIK, PERABOT MESIN DAN TANGKI AIR | Sek. Ren. Tungku                                         | Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai |
| 2   | 1 LOT      | PENGHAWA DINGIN DAN CHILLER                     | Sek. Men. Sayyidina Othman, Tutong.                      |                                                          |
| 3   | 1 LOT      | METER AIR                                       | Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai |                                                          |
| 4   | 1 BUAH     | DAEWOO NUBIRA 1.6 SX (WAGON)                    |                                                          |                                                          |
| 5   | 1 LOT      | PERALATAN KOMPUTER                              |                                                          |                                                          |
| 6   | 5 BUAH     | PERAHU, SEA DOO JET SKI DAN BOT 81              | Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai | Polis Marin Muara                                        |
| 7   | 1 LOT      | PORTAL CABIN DAN TOWER                          | ABCI, Lapangan Terbang lama Berakas                      | RTB Andulau                                              |

| JABATAN / KEMENTERIAN                                                                | NO. RUJUKAN KEBENARAN KEWANGAN | TARIKH KEBENARAN KEWANGAN      |
|--------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
| RADIO DAN TEVEISYEN BRUNEI                                                           | KKWE/ADM/JBT/13                | 28 Safar 1445 14/09/2023       |
| AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCI)                              | KKWE/ADM/KEM/11                | 08 Syawal 1443 09/05/2022      |
| JABATAN PERKHIDMATAN AIR                                                             | KKWE/ADM/KEM/11                | 25 Safar 1445 11/09/2023       |
| SEK. MEN. SAYYIDINA OTHMAN (PENDIDIKAN)                                              | KKWE/ADM/KEM/5                 | 05 Ramadan 1444 27/03/2023     |
| PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA                                     | KKW/ADM/JBT/59                 | 14 Ramadan 1444 05/04/2023     |
| SEK.MEN. P.A.P.HAJAH MASNAH                                                          | KKWE/ADM/KEM/5                 | 29 Rabiulakhir 1444 24/11/2022 |
| LEMBAGA BANDARAN TUTONG                                                              | KKWE/ADM/JBT/46                | 28 Safar 1445 14/09/2023       |
| SEK. REN. AHMAD TAJUDDIN KUALA BELAIT                                                | KKWE/ADM/KEM/5                 | 29 Rabiulakhir 1444 24/11/2022 |
| SEK. REN. ANGGEREK DESA                                                              | KKWE/ADM/KEM/5                 | 18 Syawal 1444 09/05/2023      |
| JABATAN BELIA DAN SUKAN                                                              | KKWE/ADM/JBT/55                | 11 Rejab 1444 02/02/2023       |
| JABATAN PERANCANGAN DASAR (KHELN)                                                    | KKWE/ADM/KEM/4                 | 10 Safar 1444 6/10/2022        |
| UNIT PERBEKALAN DAN STOR BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN KEWANGAN (KEMENTERIAN PENDIDIKAN) | KKWE/ADM/KEM/5                 | 25 Safar 1445 11/09/2023       |
| SEK. REN. PUNI, TEMBURONG                                                            | KKWE/ADM/KEM/5                 | 25 Safar 1445 11/09/2023       |
| PUSAT LATIHAN BOMBA DAN PENYELAMAT LAMBAK KANAN                                      | KKWE/ADM/JBT/47                | 28 Safar 1445 14/09/2023       |
| JABATAN PERIKANAN SERASA                                                             | KKWE/ADM/JBT/30                | 08 Syawal 1443 09/05/2022      |
| SEK. REN. TUNGKU                                                                     | KKWE/ADM/KEM/5                 | 05 Ramadan 1444 27/03/2023     |
| UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI                                                          | KKWE/ADM/KEM/5                 | 29 Rabiulakhir 1444 24/11/2022 |
| PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA BERAKAS                                               | KKWE/ADM/KEM/4                 | 12 Rabiulakhir 1444 7/11/2022  |
| DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA                                                             | KKWE/ADM/JBT/55                | 28 Safar 1445 14/09/2023       |



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

**Kelas :**  
III Sahaja

**Kategori :**  
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
19 Mac 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
2 April 2024,  
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.



**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DBSTUT 004 / 2024

**Nama Projek :**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja  
Pemeliharaan Jalan Raya  
Di Daerah Tutong ( Zon 1)  
Bagi Tempoh 24 Bulan

**No. Projek :**  
2024/25 JKR TUT/B00411-01

**Yuran Tawaran :**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

|                                                                                        |                    |                                                                                                                                                                                               |
|----------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| KOMPLEKS SUKAN TUTONG, JABATAN BELIA DAN SUKAN                                         | KKWE/ADM/JBT/55    | 28 Safar 1445 14/09/2023                                                                                                                                                                      |
| UNIT PERUMAHAN, BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN PERBEKALAN (KEMENTERIAN PENDIDIKAN) | KKWE/ADM/KEM/5     | 25 Safar 1445 11/09/2023                                                                                                                                                                      |
| SEK. UGA.SENGKARAI TUTONG 1 (JABATAN PENGAJIAN ISLAM)                                  | KKWE/ADM/JBT/60(A) | 28 Safar 1445 14/09/2023                                                                                                                                                                      |
| KAMPUS JEFRI BOLKIAH IBTE SATELIT                                                      | KKWE/ADM/KEM/5     | 28 Safar 1445 14/09/2023                                                                                                                                                                      |
| HOSPITAL R.I.P.A.S.                                                                    | KKWE/ADM/KEM/10    | 25 Safar 1444 22/09/2022<br>07 Zulkaedah 1443 07/06/2022<br>08 Rabiulawal 1444 04/10/2022<br>23 Rabiulawal 1444 19/10/2022<br>29 Rabiulakhir 1444 24/11/2022<br>30 Rabiulawal 1444 26/10/2022 |
| JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA                                                | KKWE/ADM/JBT/45    | 27 Jamadilakhir 1445 09/01/2024                                                                                                                                                               |
| JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI (KEMENTERIAN KESIHATAN)                                   | KKWE/ADM/KEM/10    | 28 Jamadilakhir 1445 10/01/2024                                                                                                                                                               |
| JABATAN PERKHIDMATAN POS                                                               | KKWE/ADM/JBT/36    | 25 Safar 1445 11/09/2023<br>28 Safar 1445 14/09/2023                                                                                                                                          |
| JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT                                                           | KKWE/ADM/JBT/47    | 1 Rejab 1445 03/01/2024<br>24 Jamadilakhir 1445 06/01/2024                                                                                                                                    |
| JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN, JABATAN KERJA RAYA                                      | KKWE/ADM/KEM/11    | 8 Syawal 1443 09/05/2022                                                                                                                                                                      |
| JABATAN PERHUTANAN                                                                     | KKWE/ADM/JBT/3     | 21 Jamadilakhir 1445 03/01/2024<br>28 Jamadilakhir 1445 10/01/2024                                                                                                                            |
|                                                                                        | KKWE/ADM/JBT/31    | 26 Jamadilakhir 1445 08/01/2024<br>29 Jamadilakhir 1445 11/01/2024                                                                                                                            |
| PUSAT TINGKATAN ENAM MERAGANG                                                          | KKWE/ADM/KEM/5     | 29 Jamadilakhir 1444 11/01/2024                                                                                                                                                               |
| SEK. MEN. AWANG SEMAUN                                                                 |                    |                                                                                                                                                                                               |
| SEK. REN. LAMBAK KANAN JALAN 49                                                        |                    |                                                                                                                                                                                               |
| SEK. MEN.BERAKAS                                                                       |                    |                                                                                                                                                                                               |
| SEK. MEN. SAYYIDINA UMAR AL KHATTAB                                                    |                    |                                                                                                                                                                                               |
| SEK. MEN. PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENTIRI                                             |                    |                                                                                                                                                                                               |
| JABATAN SEKOLAH SEKOLAH DAERAH BELAIT                                                  | KKWE/ADM/JBT/4     | 1 Rejab 1445 13.01.2024                                                                                                                                                                       |
| SEK. REN. LUBOK PULAU TUTONG                                                           |                    |                                                                                                                                                                                               |
| SEK. REN. BAKIAU TUTONG                                                                |                    |                                                                                                                                                                                               |
| POLIS MARIN, PPDB                                                                      | KKWE/ADM/JBT/4     | 28 Jamadilakhir 1445 10/01/2024<br>27 Jamadilakhir 1445 09/01/2024                                                                                                                            |
| JABATAN LOGISTIK, PPDB                                                                 | KKWE/ADM/JBT/45    | 29 Jamadilakhir 1445 11/01/2024                                                                                                                                                               |
| JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA                                                |                    | 29 Jamadilakhir 1445 11/01/2024                                                                                                                                                               |
| RADIO DAN TEVEISYEN BRUNEI                                                             | KKWE/ADM/JBT/13    | 28 Safar 1445 14/09/2023                                                                                                                                                                      |
| HOSPITAL PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH, TUTONG           | KKWE/ADM/KEM/10    | 14 Syaaban 1444 07/03/2023                                                                                                                                                                    |
| JABATAN UKUR                                                                           | KKWE/ADM/KEM/11    | 25 Safar 1445 11/09/2023                                                                                                                                                                      |
| JABATAN BELIA DAN SUKAN                                                                | KKW/ADM/JBT/55     | 8 Zulkaedah 1442 19/06/2021                                                                                                                                                                   |
| SEK. REN. DATO PEMANCA SAGING UKONG, TUTONG                                            | KKWE/ADM/KEM/5     | 05 Ramadan 1444 27/03/2023                                                                                                                                                                    |
| SEK. REN. PG. KESUMA NEGARA BUKIT BERUANG, TUTONG                                      | KKWE/ADM/KEM/5     | 25 Safar 1445 11/09/2023                                                                                                                                                                      |
| SEK. REN. PG. MUDA MAHKOTA, TUTONG                                                     | KKWE/ADM/KEM/5     | 25 Safar 1445 11/09/2023                                                                                                                                                                      |
| SEK. REN. PENGKALAN BATU                                                               | KKWE/ADM/KEM/5     | 29 Rabiulakhir 1444 24/11/2022                                                                                                                                                                |
| POLITEKNIK BRUNEI (KEMENTERIAN PENDIDIKAN)                                             | KKWE/ADM/KEM/5     | 25 Safar 1445 11/09/2023                                                                                                                                                                      |



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
II sahaja

**Kategori :**  
B01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
12 Mac 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 26 Mac 2024,  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari



**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSBM002 / 2024

**Bil. Projek**  
2024DBSBM/KAS.01

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Membaik Pulih  
Dinding Luar Bangunan  
Ibu Pejabat Kastam  
dan Eksais Diraja

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)



**Bilangan Tawaran :**  
JPKK / JKSH2324-QTN.11 / FSS

**Tajuk Tawaran :**  
Membekalkan Perabot  
Pejabat Untuk Kegunaan  
Kementerian-Kementerian dan  
Jabatan-Jabatan Kerajaan

**Tarikh Tutup / Jam :**  
Sabtu, 16 Mac 2024 - 9.00 Pagi

**Tempat Menghantar Tawaran :**  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tingkat 2, Tower Block,  
Bangunan Kementerian Kewangan  
dan Ekonomi,  
Commonwealth Drive,  
Jalan Kebangsaan,  
Negara Brunei Darussalam.



**Iklan Tarikh Lanjutan  
Jabatan Kehakiman Negara  
Jabatan Perdana Menteri**

**Iklan Sebut Harga :**

**Bilangan Sebut Harga :**  
JKN / BPEA / SH / E / 2023 -  
2024 (5)  
Perkhidmatan  
Pengangkutan Sampah  
Di Bangunan  
Mahkamah-Mahkamah  
Daerah Belait,  
Bagi Tempoh 36 Bulan

**Tarikh Sesi Penerangan  
(Information Session) :**  
Isnin, 26 Februari 2024,  
Jam 10.00 Pagi.

**Tempat Berkumpul  
Di Kawasan Lobi  
Bangunan Mahkamah-  
Mahkamah Daerah Belait**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Selasa,  
5 Mac 2024 .  
Sebelum jam 2.00 Petang.



# Kukuhkan amalan MIB kepada generasi muda

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Seminar Kebangsaan diteruskan pada sebelah petang dengan pembentangan lima kertas kerja.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada seminar berkenaan, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Dalam Kertas Kerja I bertajuk 'Strategi Penerapan dan Pengukuhan Amalan dan Nilai-nilai MIB Dalam Kalangan Generasi Muda' disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dari Akademik Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang antara lain membincangkan mengenai keperluan untuk memasukkan mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) daripada peringkat rendah hingga ke tahap institusi pengajian tinggi, dalam pendidikan agama, kegiatan luar dan perlunya MIB dalam sektor kerajaan serta peranan ibu bapa terhadap penerapan dan pengamalan MIB.

Menurutnya, pengaruh globalisasi yang disebabkan oleh kemunculan teknologi maklumat yang menjadikan dunia tanpa sempadan telah mendatangkan cabaran kepada penghayatan falsafah MIB.

Cabaran berkenaan jelasnya, berlaku dalam bentuk pengaruh negatif seperti bentuk hiburan dan pergaulan bebas yang bukan sahaja mempengaruhi orang-orang dewasa tetapi juga ke atas generasi muda.

"Bagaimanapun, masyarakat Brunei tidak boleh menolak pengaruh berkenaan sepenuhnya kerana ia juga membawa nilai-nilai positif.

"Oleh itu, ia perlu untuk dimanfaatkan dalam mengukuhkan amalan MIB ke atas generasi muda dengan menggunakan teknologi maklumat sebagai alat pengajaran kepada mata pelajaran MIB dan pendidikan agama.

"Selain itu, peranan raja juga perlu dimasukkan dalam kedua-dua bentuk pendidikan berkenaan.

"Tambahan dari itu, kegiatan luar perlu sentiasa dipantau agar tidak bercanggah dengan falsafah MIB agar generasi muda dapat menghayati falsafah berkenaan

dalam bentuk amalan dan penglibatan secara langsung," katanya lagi.

Manakala bagi, kertas kerja II pula disampaikan oleh Ra'ees Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar, dengan tajuk 'Pemantapan Sistem Pendidikan Islam Dalam Mengukuhkan Falsafah MIB'.

Dr. Awang Haji Adanan menjelaskan bahawa pendidikan perlu bersumberkan naqli dan aqli dengan bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, berdasarkan falsafah negara MIB, memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh termasuk intelek, rohani, emosi dan jasmani, melahirkan insan yang berilmu dan berkepandaian, beriman, bertakwa, beramal dan berakhlak mulia dan menimbulkan suatu identiti kebangsaan sebagai tapak pertumbuhan ketaatan kepada agama, raja dan Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu jelasnya, matlamat pendidikan menjurus kepada memaksimumkan potensi setiap individu dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi membentuk masyarakat pembangun dengan berteraskan falsafah negara MIB.

Menurutnya, ia termasuk menguasai kurikulum praktis termasuk Matematik, Sains, Ekonomi, Teknologi, Sains Sosial dan ICT yang berfokuskan kepada pengukuhan pengetahuan dan kemahiran pakar dan diseimbangkan dengan pendidikan Islam yang menjurus kepada keimanan dan ketakwaan seseorang kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa sahaja bidang yang diceburi.

Sementara Kertas Kerja III bertajuk 'Tantangan Dunia Globalisasi dan Implikasinya Terhadap Pengamalan Nilai-nilai MIB' pula disampaikan oleh Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah dari APB, UBD.

Menurutnya, globalisasi telah menempatkan kita dalam satu alam dunia yang terus mengalami perubahan-perubahan secara cepat di segala aspek kehidupan sama ada berupa perubahan yang berkesan positif mahupun negatif.

Antara kesan positif terangnya, termasuk persaingan untuk berbuat sesuatu yang terbaik demi mencapai yang terbaik.

Oleh itu tambahnya, dalam persaingan tersebut diperlukan

mutu atau kualiti yang tinggi.

"Dalam mengejar kualiti dan keunggulan, masyarakat menjadi dinamik, aktif dan kreatif.

"Sebaliknya globalisasi juga menjadi ancaman bagi budaya dan nilai-nilai MIB.

"Rendahnya pendidikan, kefahaman dan pengamalan nilai-nilai MIB akan menjadikan masyarakat tidak upaya untuk menghadapi tantangan arus globalisasi yang nampak negatif yang boleh memberi kesan menyebarkan nilai-nilai budaya yang kita warisi," ujarnya lagi.

Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim seterusnya menyatakan selaku orang Brunei yang mempunyai falsafah MIB, penting untuk kita tidak membiarkan tantangan globalisasi mengganggu gugat pegangan dan amalan MIB dalam kehidupan.

Antara karakter khas orang Brunei tambahnya, adalah mentaati raja, mengamalkan agama Islam dan menyanjung adat istiadat serta budaya orang Melayu yang bersifat ketimuran dan kebruneian, iaitu bermoral; berbudi bahasa; bertolak ansur; peramah; saling menghargai; tolong menolong; bekerjasama; bertanggungjawab; berdisiplin; prihatin; *berlurus*; amanah; dan jujur.

Beliau turut menegaskan bahawa beberapa langkah-langkah yang perlu diambil dalam memelihara dan melestarikan nilai-nilai MIB itu adalah memperkuat kurikulum mata pelajaran MIB di sekolah dan juga memberi komitmen sepenuhnya kepada pelestarian Undang-undang Pendidikan Ugama Wajib 2012.

Selain itu katanya, kita perlu mengenal pasti nilai-nilai MIB yang dirasakan lebih kuat terkesan dan sekarang melemah akibat pengaruh globalisasi kerana nilai-nilai tersebut perlu diberikan penekanan dalam kurikulum sekolah sesuai dengan keperluan semasa.

Manakala, Kertas Kerja IV disampaikan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dengan tajuk 'Sejarah dan Latar Belakang MIB' dengan merumuskan bahawa sejarah dan latar belakang MIB sangat penting untuk difahami, dikaji dan diselidiki untuk dijadikan rujukan, panduan dan pengajaran masyarakat yang terkemudian kerana sejarah tidak hanya sekadar serangkaian peristiwa-peristiwa, melainkan juga merupakan tafsiran peristiwa yang mempunyai iktibar



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Kebangsaan sebelah petang.

dan petunjuk yang tersurat dan tersirat.

Menurutnya, dengan memahami sejarah dengan benar, maka akan mampu menumbuhkan optimisme untuk menyambut masa depan, menghindari pesimisme kerana belajar daripada kegagalan masa lalu.

Beliau turut menegaskan bahawa orang yang tidak memahami sejarah bangsanya, maka akan kehilangan cermin untuk tujuan masa depan dan kehilangan teladan.

Oleh yang demikian terangnya, mempelajari dan memahami sejarah, kemudian menjadikannya sebagai guru bagi pengatur hidup manusia dalam berkiprah di dunia dan kebahagiaan akhirat.

"Dalam erti kata lain, MIB merupakan dasar negara dalam pentadbiran sama ada dalam atau luar negara, bahkan menjadi cara hidup bangsa Brunei.

"Sehubungan dengan itu, ia menjadi tanggungjawab rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mengetahui, memahami dan mempraktikkan nilai-nilai yang terdapat dalam pengajaran dan iktibar sejarah MIB dalam usaha bersatu untuk mencapai cita-cita negara, iaitu ke arah Wawasan Brunei 2035 yang bercalak MIB," ujarnya lagi.

Sementara Kertas Kerja V bertajuk 'MIB Mengukuhkan Perkhidmatan Awam Dari Aspek Pendidikan' disampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos. Dr. Haji Mohd. Rozan

menjelaskan bahawa falsafah MIB telah memainkan peranan signifikan sebagai panduan utama di NBD selama lebih dari empat abad dengan evolusi aspek dan interpretasi sepanjang sejarah.

Menurutnya, asas-asas berkenaan kini berperanan sebagai prinsip panduan bagi masyarakat Brunei dalam merentasi pelbagai bidang kehidupan, memberi kesan kepada interaksi dalam konteks keluarga, pendidikan, profesional dan sosial.

Dalam konteks sektor awam tambahnya, MIB berfungsi sebagai asas yang membentuk dan membimbing pembangunan Perkhidmatan Awam di Brunei, memastikan ia sejajar dengan nilai dan prinsip MIB.

Turut diadakan Forum Khas bertajuk 'Pemeriksaan Pendidikan MIB Dalam Menghadapi Hambatan Dunia Kontemporari' dan dibincangkan bersama oleh ahli panel terdiri daripada Pemangku Timbalan Ra'ees, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Profesor Dr. Haji Awang Asbol; dan Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa & Perkhidmatan) Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Perbincangan forum memfokuskan kepada bagaimana pendidikan MIB diintegrasikan dalam kurikulum institusi pengajian tinggi (IPT) dan juga berkaitan isu serta cabaran dalam pelaksanaan pendidikan MIB di IPT.

Forum Khas dimudah cara oleh Dr. Haji Muhammad Hadi.



SETIAUSAHA Tetap KHEU hadir mengetuai Kempen Kebersihan berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara yang menyertai Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai bagi Serpihan Laut 'Coastal Marvel' di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Sebanyak 184 beg plastik sampah bersamaan dengan 1,277 kilogram sampah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai bagi Serpihan Laut 'Coastal Marvel' di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan.

Kempen Kebersihan yang diadakan di Pantai Tanjung Batu, Muara berkenaan disertai seramai 300 warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Hadir mengetuai Kempen Kebersihan berkenaan, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

## 1,277KG SAMPAH BERJAYA DIKUMPULKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai bagi Serpihan Laut 'Coastal Marvel' diumumkan oleh Jabatan Pentadbiran dengan kerjasama Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) serta Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, KHEU.

Antara objektif aktiviti berkenaan diadakan adalah untuk menghasilkan data garis asas atau *baseline* data bagi serpihan laut di kawasan persisiran pantai serta mengenal



pasti jenis serpihan laut atau sisa buangan yang terdapat di persisiran pantai.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi memperkasa masyarakat untuk menanamkan rasa tanggungjawab

dalam melindungi serta memelihara alam sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul sekali gus mengeratkan silaturahim antara warga KHEU.

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BINCANG RANCANGAN STRATEGIK PERTUBUHAN WARGAMAS

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-5.

**BERAKAS**, Ahad, 3 Mac. - Pertubuhan WARGAMAS hari ini mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-5 di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat, RA'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Di-Pertua (YDP) Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don, yang juga merangkap Pengerusi Majlis, menjelaskan bahawa pertubuhan WARGAMAS telah pun dikemas kini dengan membuat beberapa pindaan khusus dan umum terhadap

24 fasal peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan berkenaan yang antara lain bertujuan untuk menjadikan perlembagaan pertubuhan berkenaan lebih baik, kemas, teratur serta bermutu tinggi; dan menjaga serta menaik taraf imej Pertubuhan WARGAMAS.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memudahkan membuat rancangan strategik yang lebih produktif dan berwawasan bagi menuju Wawasan Brunei 2035 dan mencapai pendekatan Whole of Nation.

Menurut beliau lagi, YDP dan pimpinan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) akan menangani strategi teras Pertubuhan WARGAMAS, iaitu mengemaskinikan tata kelola tadbir urus JKTT dan JKK, juga mengukuhkan peranan biro-biro, selanjutnya memperluaskan lagi rangkaian kerja strategi dan kolaborasi; meningkatkan pemedialan dan amal jariah; meningkatkan sosioekonomi dan sosio budaya; selain memanfaatkan teknologi maklumat bagi kecekapan dan pembarigaaan organisasi dan aktiviti.


"Perlembagaan Pertubuhan WARGAMAS juga akan digunakan sebagai *check and balance* dalam

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan hadir selaku tetamu kehormat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-5 di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

melaksanakan projek atau program yang memfokuskan agar dapat meneruskan semangat baharu, inisiatif baharu, prestasi dan azam baharu untuk istiqamah berterusan dalam melaksanakan projek dan program Pertubuhan WARGAMAS yang berfaedah dan bermanfaat.

"InsyaaAllah melalui pindaan perlembagaan ini, Pertubuhan WARGAMAS berhasrat untuk mencapai visi dan misi serta memenuhi matlamat strategi dan tujuan penubuhannya sekali gus mengangkat martabat dan menaik taraf imej Pertubuhan WARGAMAS sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terbaik dan penting," katanya.

Awang Haji Abu Bakar menambah, Pertubuhan WARGAMAS sebagai sebuah NGO adalah merupakan platform yang mustahak dalam memastikan pembangunan warga emas yang produktif dan sihat dalam sama-sama merealisasikan hasrat pelan tindakan warga emas.



"Pertubuhan WARGAMAS akan memberikan sumbangan kepada pencapaian hala tuju pembangunan negara termasuklah bagi mewujudkan perpaduan secara menyeluruh," ujar beliau.

Majlis diteruskan dengan ucapan perasmian yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Mesyuarat berkenaan membincangkan beberapa agenda termasuk Laporan Tahunan AGM 2023, Laporan Tahunan Kewangan 2023, dan pengundian calon bagi jawatan Timbalan YDP 2.

## Masjid Tour : Peluang kenali keindahan seni bina masjid



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat pada perasmian Masjid Tour (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara aktiviti yang disediakan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 Mac. - Belia Muallaf As-Syahadah dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Urus Setia Program Keagamaan Belia, dan Bahagian Pengembangan Da'wah (Da'wah Khas) dengan sokongan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) serta Masjid Omar 'Ali Saifuddin pagi tadi mengadakan Masjid Tour bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Acara pagi berkenaan dimulakan dengan perasmian Masjid Tour dengan menandatangani papan tanda oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Acara diteruskan dengan lawatan ke ruang utama solat, tempat berwuduk, sekitar kawasan masjid serta bahtera dan kemudiannya ke petak-petak aktiviti yang disediakan.

Jurupandu bagi Masjid Tour berkenaan terdiri daripada Ahli-ahli Belia Muallaf As-Syahadah, Badan Sukarelawan Belia Da'ie dan tenaga pengajar serta peserta daripada Bengkel Kesedaran melalui Masjid Tour.

Program Masjid Tour adalah berunsurkan program muhibah kepada para pelancong terutamanya pelancong bukan Islam.

Program berkenaan adalah salah satu metodologi dakwah dan produk pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD).



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Beberapa buah masjid yang dikenal pasti berpotensi menjadi tempat tarikan pelancong Islam dan bukan Islam dari dalam dan luar negara, antaranya Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Antara objektif program berkenaan diadakan ialah untuk memantapkan dakwah serta menzahirkan corak kehidupan masyarakat Islam di NBD terutama kepada golongan masyarakat bukan Islam.

Di samping itu, ia bertujuan memberi peluang kepada mereka

yang berkunjung untuk melihat keindahan seni bina masjid secara dekat serta mengetahui sejarahnya serta menyuntik semangat para belia supaya berani tampil bagi menyampaikan maklumat mengenai masjid secara menarik dan tepat.

Selain itu, untuk menerangkan mengenai ibadah yang dilakukan oleh orang Islam serta memberi peluang kepada pelancong untuk bertanya soalan berkenaan masjid dan soalan berkaitan serta membetulkan kesalahfahaman yang mungkin ada.



جابتين فرانكشن ايكونومي دان ستاتيسيتيك

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK

JABATAN HAL EHWAL PENGUNA

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN**

**Fikir sebelum beli**

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wejar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# BERGANDING BAHU MEREALISASIKAN CITA NEGARA



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Program Pejuang Fajr Kali Ke-12 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (atas). Manakala gambar atas kanan, Tazkirah Subuh bertajuk 'Bersatu Mencapai Cita Negara' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 Mac. - Adalah menjadi fitrah manusia mencintai tanah air walau bagaimanapun keadaan.

Sekalipun Mekah pada zaman dahulunya dipenuhi dengan kekufuran dan kejahatan penghuninya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetap cinta dan kasih akan tanah kelahiran Baginda.

Perkara berkenaan antara inti pati Tazkirah Subuh bertajuk 'Bersatu Mencapai Cita Negara',

tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin semasa Program Pejuang Fajr Kali Ke-12 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Setiap negara menurutnya, pasti memiliki cita-cita, impian dan wawasan masing-masing ke arah

memajukan negara dan menjamin kesejahteraan penduduknya.

Beliau turut menyarankan agar semua pihak perlu berganding bahu dalam memainkan peranan dalam merealisasikan cita negara dan golongan yang paling penting dalam usaha ini adalah golongan belia.

Para belia tambahnya perlu dilengkapi dengan sifat-sifat dan ciri-ciri yang sesuai untuk menjadi pemimpin yang akan menerajui

negara pada masa hadapan, dan mereka perlu memiliki keimanan yang teguh, ketakwaan yang kukuh, serta menghiasi diri dengan akhlak yang terpuji sehingga terserlah dalam diri mereka ciri-ciri kepimpinan yang terbaik.

Terdahulu itu, program dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk yang dipimpin oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam pengajaran Al-Quran, Awang Muhammad Nur 'Alim bin Abdullah Nordin, selaku Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Seramai 100 orang menghadiri program berkenaan yang terdiri daripada para jemputan khas; pegawai serta kakitangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU; belia-belia Program Keagamaan Belia di bawah KHEU; Belia Masjid Omar 'Ali Saifuddin; Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddin; Ahli-ahli Jawatankuasa Belia Da'ie; dan para jemaah masjid serta orang awam.

Program berkenaan juga disiarkan secara langsung melalui media sosial Instagram @beliadaie.

Program Pejuang Fajr Kali

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



Ke-12 anjuran PDI melalui Urus Setia Program Keagamaan Belia dengan kerjasama Badan Sukarelawan Belia Da'ie, antara lain diadakan untuk menggiatkan peranan Belia Da'ie sebagai pertubuhan belia yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah dan Al'Amr bil Ma'ruf wan Nahyu 'anil Munkar di Negara Brunei Darussalam melalui kempen solat Subuh.

Di samping itu melalui program berkenaan, ia akan menanamkan rasa kebersamaan dan silaturahim dalam kalangan belia dengan orang awam dan juga sebagai medium dakwah kesedaran bagi para belia keseluruhannya untuk menunaikan Solat Fardu Subuh serta mengimarahkan masjid dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

## Muhd. Nur Hafizan@Nur Syafizan, Nurul Asyiqin juara Pertandingan Da'ie Muda

Oleh : Khartini Hamir  
Foto: Alishahrin Haji Mumin

**TUNGKU**, Ahad, 3 Mac. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Belia Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid pagi tadi mengadakan Pertandingan Da'ie Muda di masjid berkenaan.

Pada pertandingan berkenaan, Awang Muhd. Nur Hafizan@Nur Syafizan bin Saban menjuarai bagi Kategori Lelaki, sementara Dayang Nurul Asyiqin binti Haji Abd. Rahman menjuarai bagi Kategori Perempuan.

Manakala Awangku Shariffuddin bin Pengiran Damit dan Awang Md. Ridwan bin Johari masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga bagi Kategori Lelaki, sementara naib juara bagi Kategori Perempuan disandang oleh Dayang Nur Afina binti Haji Adam dan tempat ketiga ialah Dayang Nurul Afiah binti Lamit.

Hadir selaku tetamu kehormat yang kemudiannya turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Antara tujuan pertandingan



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Da'ie Muda di masjid berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri dan kanan).

berkenaan diadakan adalah untuk mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping itu, untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai pentingnya berdakwah, selain untuk mencungkil bakat serta memupuk semangat belia dan beliawanis supaya berani tampil ke hadapan dalam menyampaikan dakwah.

Selain itu, ia juga

sekali gus meningkatkan lagi kualiti penyampaian dakwah para peserta agar lebih berkesan serta mengukuhkan lagi ukhuwah dalam kalangan belia dan beliawanis.

Majlis juga turut diserikan lagi dengan tazkirah pendek yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin, tentang 10 ciri utama yang perlu ada dalam diri seorang da'ie antaranya diri seorang da'ie antaranya niat yang betul kerana Allah semata-mata; doa; ilmu; mualim; kemahiran penyampaian;

sabar; ikhlas; tawaduk; Allah Subhanahu Wata'ala dan meminta perlindungan dari istiqamah.

جانب الفلاحين الاقتصاديين  
LABATAN PRABANGKIAN EKONOMI DAN KESEHATAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**

**Sila muat turun**

**PenggunaBijak**

Available on the App Store | Get it on Google play



# LEBIH 30 SERTAI MERDEKA RIDE

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Aktiviti Konvoi Secara Bermotor bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang bermula di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya dan seterusnya merasmikan perlepasan Merdeka Ride (kiri dan kanan).

**TUTONG**, Ahad, 3 Mac. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjong Maya dan Lubok Pulau mengadakan Aktiviti Konvoi Secara Bermotor bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang bermula di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya, petang tadi.

Perjalanan konvoi yang juga dikenali sebagai Merdeka Ride tersebut melalui sepanjang 40 kilometer perjalanan dan

seterusnya mengelilingi sebahagian Daerah Tutong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Konvoi tersebut disertai lebih 30 peserta terdiri daripada penduduk Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau dengan menggunakan motosikal 100cc ke atas.

Acara tersebut dimulakan dengan Pemangku Pegawai Daerah Tutong beramah mesra dan bersua muka bersama

peserta-peserta yang ikut serta konvoi tersebut dan seterusnya penyerahan bendera negara yang berukuran kecil serta diikuti dengan pelancaran rasmi dan pengibaran bendera serta perlepasan Merdeka Ride oleh tetamu kehormat majlis.

Merdeka Ride diadakan adalah untuk menerapkan nilai erti kemerdekaan dan setentunya menanamkan semangat kecintaan terhadap negara di mana bukan sahaja sewaktu Hari Kebangsaan sahaja bahkan pada hari-hari biasa.

## BASMIDA adakan Khatam Al-Quran sempena HK Ke-40



**PERSATUAN BASMIDA** mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Dewan Masrain, Ar-Raiyan, Jerudong.

Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah oleh Kumpulan Tausyeh dan Dikir BASMIDA. Kemudian, bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas diikuti dengan bacaan Takhtim oleh semua peserta dan dipimpin oleh Dayang Azniseryanie binti Haji Isa.

Bacaan Doa Khatam pula diketuai oleh Dayang Hajah Nur Aizat Yatimi binti Haji Shari dengan terjemahannya disampaikan oleh Datin Hajah Dayang Masni. Sementara itu, bacaan Doa Hari Kebangsaan NBD Ke-40 dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidin manakala Doa Selamatkan Sultan dan NBD serta Doa Penutup dibacakan oleh Dayang Hajah Nur Aizat Yatimi.

Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**JERUDONG**, Ahad, 3 Mac. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 yang diadakan di Dewan Masrain, Ar-Raiyan, Jerudong.

Majlis tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran meraikan

amatnya pembacaan 30 Juz Al-Quran yang disertai oleh 40 Ahli BASMIDA yang ditugaskan membaca satu juz setiap seorang manakala tiga ahli lagi membaca dari Juz 1 hingga Juz 30.

Hadir menyertai majlis ialah Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Khatam Al-Quran dan Ahli-ahli BASMIDA.

Acara dimulakan dengan bacaan



Dayang Masni dalam ucapan penghargaannya menyatakan bahawa Khatam Al-Quran dalam kalangan Ahli-ahli BASMIDA merupakan kegiatan yang dianjurkan oleh jawatankuasa kerja sekali dalam tiga bulan.

Melalui kegiatan ini jelasnya, Ahli Jawatankuasa Tertinggi (AJKT) percaya ia akan membantu ahli-ahli meningkatkan kerohanian dan memupuk budaya membaca Al-Quran setiap hari yang mana ia akan mengundang rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Menurut Datin Hajah Dayang Masni, ahli-ahli bukan sahaja

setakat belajar dan membaca Al-Quran dengan betul dan bertajwid tetapi sebahagian ahli juga berusaha memahami erti dan tafsir kandungan Al-Quran yang dibaca dan berusaha menghayati panduan dan petunjuk serta ajaran-ajarannya dalam kehidupan.

Di samping itu, dalam menganjurkan acara berkenaan tambahnya, Ahli-ahli BASMIDA sebagai rakyat NBD, telah mencerminkan semangat patriotisme dan tekad untuk bersama menjaga keamanan, kedaulatan, kesejahteraan ke atas bangsa dan negara.

# سرورکرمي

## مالو: قرهياسن مؤمن سجاتي

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن منيغكنن كلیمان كقدن. مسوگوهن اورغ يغ فالیغ مليا دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اياه اورغ يغ فالیغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتیاس مغایغني الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجیان دان كسلامتن ددنیا دان جوگ داخیره.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الأحزاب آية ۲۱:

دمي مسوگوهن فد ديري رسول الله ايت اد جونتوه يغ بایك باكي كامو، یایت باكي اورغ يغ مفهرفكن (كریضان) الله دان (كهياكیان) هاري أخیره سرت بابی برذكر مغایغني الله.

مسوگوهن رسول الله ﷺ اداله جونتوه تلادن دان یكوتن يغ تربایك باكي سلوروه أومت مأنسي. اولیه ایت، سباكي أومت اسلام كیت هندقله مغیكوتي دان منجوتوهي صفة-صفة دان أخلاق بكندا. ادقون انتارا أخلاق دان صفة رسول الله ﷺ يغ مسني دان فأتوت كیت جونتوهي اياه برصفة مالو. درقد أبو سعید الحدري رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، اي بركات: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشَدَّ حَيَاءً مِنَ الْعَذْرَاءِ فِي خَدْرِهَا، فَإِذَا رَأَى شَيْئًا يَكْرَهُهُ عَرَفْنَاهُ فِي وَجْهِهِ.

مقصودن:

"نبي ﷺ ليه فمالو درقد أنق كاديس يغ اد ددالم بيليقن اقبيل بكندا مليهت سسواتو يغ تيدق دسوكلين، كامی دافت مغتهوي حال ایت درقد راوت وجهن." {حديث رواية إمام بخاري}

إمام الغزالي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بركات بهاوا مالو اداله قرهياسن مؤمن سجاتي. إي مروفكن أخلاق فارا ني دان رسول يغ هاروس دمیلكي اولیه ستیاف اورغ يغ مفاكو أومت نبي محمد ﷺ.

جماعه يغ درحمي الله،

مسوگوهن صفة مالو اياه صفة يغ مغاجر كیت اونتوق سنتیاس مغهیاسي ديري دغن صفة-صفة يغ مليا دان ترفوجي کران اي دافت منجكه دان منجاوهكن كیت درقد ملاكوكن سبارغ بنتوق فربواتن دوسا، بوروق، هینا دان ترجلا. درقد عمران بن حُصَيْن رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بركات، نبي ﷺ برسیدا: الْحَيَاءُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ.

مقصودن:

"مالو ایت تيدق منداتغن سسواتو ملايكن كبايكن سمات-مات." {حديث رواية إمام بخاري}

سلاين ایت، فراسان مالو جوگ اكن ممبواتكن سساورغ ایت اونتوق ليه برهاتي-هاتي دالم ستیاف كرق-كري دان تیغكه لاکو سام اد دري سكي فركاتان ماهوفون فربواتن.

مسوگوهن برأونتوغله باكي مريك يغ دافت مغهیاسي ديري دغن صفة مالو کران صفة مالو ایت اداله سباكين درقد ایمان دان ایمان ایت قول تمقنن اداله دشرک. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ اي بركات، رسول الله ﷺ برسیدا: الْحَيَاءُ مِنَ الْإِيمَانِ، وَالْإِيمَانُ فِي الْجَنَّةِ، وَالْبِدَاءُ مِنَ الْجَفَاءِ، وَالْجَفَاءُ فِي النَّارِ. مقصودن:

صفة مالو اداله سباكين دري كلیمانن دان ایمان ایت تمقنن ددالم شرک. فركاتان يغ كجي ایت براصل دري واق دان فراغي يغ كراس، سدغن ككراسن ایت تمقنن ددالم نراك. {حديث رواية إمام ترمذي} قُرو دكنهوي، بهاوا تردافت دوا جنيس مالو یایت:

فرنام: مالو يغ ترجلا یایت مالو اونتوق برتان مغیاي سسواتو علمو يغ تيدق دكنهوي.

كدوا: مالو يغ ترفوجي یایت ملتغن مالو فد تمقنن سقرتي مالو كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، مالو ملاكوكن دوسا دان ساومفشان.

منوروت الماوردي دالم كتاب "أدب الدنيا والدين" بلیاو ممبهاكيكن مالو يغ ترفوجي ایت كقد تيك، یایت:

فرنام: مالو كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى یایت دغن منجاوهكن ديري درقد فركارا- فركارا يغ دتكه دان دلارغ اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. تردافت برف جارا يغ دافت دلاكوكن اونتوق مناتكن فراسان مالو كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، انتارا سقرتي منجاك أغكوتا بادن دان فحجا ایندرا كیت درقد ملاكوكن معصية، سنتیاس ایغت كقد كماتین، سنتیاس مبادري اكن سكل كلمهن دان دوسا يغ فرنه دلاكوكن. اقبیل كیت مبادري دان مغانصفي اكن سكل دوسا، كلمهن دان ككورغن ديري سنديري، مك سوده سنتنن كیت اكن براس مالو دان سكن اونتوق مغایغكاري سوروهن دان قرینته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

كدوا: مالو كقد مأنسي یایت تيدق مغكككو دان مباکيني اورغ لاین دغن منيگلكن فربواتن-فربواتن بوروق يغ تيدق سقاتوتن دلاكوكن ترهافت اورغ لاین سقرتي مپیباركن فتنه، مغادو دومبا، منجادي باتو أي دان ساومفشان.

كتيك: مالو كقد ديري سنديري یایت مغاول ديري كتيك برسنديرين دان منجاك ديري درقد صفة-صفة ترجلا سقرتي براس مالو اونتوق منیلاي عيب دان كبوروقن اورغ لاین.

جماعه يغ درحمي الله،

ادقون انتارا تند-تندا كورغن راس مالو ایت اياه اقبیل سساورغ ایت سجارا ترغ-تراغن ملاكوكن كساغن، كموغكرن، معصية دان ملافظكن فركاتان-فركاتان يغ مباکيتكن فراسان دان هاتي اورغ لاین دغن سفاچ، وانيتا يغ برفاكين نامون ساوله-اوله تيدق برفاكين دان للاكي يغ بركوغسي فركارا عيب دان سولیت تنتغ رومه تغك دغن اورغ لاین.

مسوگوهن عيب مروفكن سواتو فركارا يغ تيدق بوليه سوينغ-وينغن ديوكا اتوفون دسيبركن كقد اورغ لاین. نامون، كیت سريغ ملايكن دان ملوفاكن فريغنن این. كیت كرف كالي منددهكن عيب اورغ دان منجانغكنن كقد خلاق رامي سپيغك كیت ترلوقا تنتغ امران رسول الله ﷺ. درقد ابن عمر رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بهاوا فد ساتو هاري رسول الله ﷺ نايك مبیر دان برسیدا: واهي سكالين مأنسي يغ برلمان دغن ليدهن، نامون بلوم ماسوق ایمان كدالم هاتین. جاغنله أغكاو سكالين مغومت اورغ اسلام دان جاغن ممبوكا عيب مريك، کران مسوگوهن اورغ يغ ممبوكا عيب سوداران يغ مسلم، مك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكن ممبوكا عین. دان سسیاف يغ عین دبوکا اولیه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، مك دي اكن ممبوكان سكاليفون ددالم رومهن. {حديث رواية إمام ترمذي}

اولیه يغ دمکين، هیاسيله ديري كیت دغن صفة مالو کران اي اداله قرهياسن مؤمن سجاتي دان جوگ سباكي بينتغ يغ بوليه مغایلقن ديري كیت درقد ملاكوكن فربواتن موغكر دان معصية. ایغنله، بهاوا عذاب دان سيقسا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت أمت قدیه. اولیه ایت، جك هندق ربوات كجاهتن، مك برفيكرله تربييه دهولو دان جاغنله سوينغ-وينغ ملاكوكن.

أخیرن، سموك دغن يغ دمکين الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكن كاسيه دان ملیندوغي كیت درقد عذاب سيقسان دان سموك كیت سمو اكن مقرأوليهي كامقونن دان فهلا يغ بسر درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمین یا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

مسوگوهن اورغ-اورغ يغ تاكوت كقد توهن مريك (والوفون) مريك تيدق مليهتن، مريك براولیه كامقونن دان فهلا يغ بسر.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرِ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِينَ. {سورة الملك آية: ۱۲}

# IMBASAN MINGGUAN

**BENDERA** Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) diturunkan semasa Upacara Menurunkan Bendera Besar NBD menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera kebangsaan di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



**BEBERAPA** pelajar sekolah rendah yang terlibat dalam persembahan yang mengimbas sejarah detik-detik pertemuan tanah Brunei oleh 14 orang adik-beradik, pimpinan Awang Alak Betatar iaitu Sultan Muhammad Shah. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



**PARA** pemain sedang beraksi pada Kejohanan Bola Sepak Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam 2024. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



**SEBAHAGIAN** daripada aksi perlawanan pada Kejohanan Bola Jaring Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



**ANTARA** penderma yang menyertai Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang diadakan di Kompleks Membeli-belah Times Square. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



PELITA BRUNEI, Rabu 4 Mach, 1964.

MUKA 3



**AWANG MOHAMED TAIB  
DI-LANTEK MENJADI  
PENOLONG  
SETIA USAHA  
KERAJAAN**

**BANDAR BRUNEI.**—Awang Mohamed Taib bin Awang Besar, S.N.B., M.B.E., sa-orang Pegawai Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei telah di-lantek menyandang jawatan Penolong Setia Usaha Kerajaan Brunei mulai dari 18 Januari, 1964.

Beliau mulai berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sa-bagai sa-orang Kerani di-Pejabat British Residen dalam bulan Oktober tahun 1934.

Kira2 enam tahun kemudian, Kerajaan Brunei telah menaikkan pangkat Awang Mohamed Taib sa-bagai sa-orang Pegawai Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei.

Beliau telah di-lantek menjadi Pegawai Daerah Belait dalam bulan Ogos tahun 1941 dan menjawat jawatan itu hingga ka tahun 1946.

Kemudian beliau telah di-lantek menjadi Setia Usaha kepada British Residen dan terus berkhidmat hingga-lah masa Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei, di-mashhorkan dalam bulan September, 1959 kerana pada masa itu jawatan British Residen di-mansuhkan dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-wakili di-Brunei oleh sa-orang Pesuruh Jaya Tinggi British.

Sa-belum di-lantek menyandang jawatan Penolong Setia Usaha Kerajaan, Awang Mohamed Taib telah berkhidmat sa-bagai Pegawai Perjawatan, Brunei.

Awang Mohamed Taib telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Pingat, "Member of the British Empire"—M.B.E. dalam tahun 1958.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin pula telah mengurniakan Pingat Setia Negara Brunei—S.N.B. kepada Awang Mohamed Taib dalam tahun 1963.

Awang Mohamed Taib mempunyai sa-orang anak lelaki bernama Abdul Rahman yang kini sedang melanjutkan pelajaran-nya di-Universiti Malaya dan sa-orang anak perempuan.

## Melawat Pusat2 Perchubaaan Tanam2an Dan Ternakan

**KILANAS.**—Sa-rombongan sa-ramai 14 orang penghulu2 dan ketua2 kampung dari Daerah Temburong telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an dan Ternakan di-Kilanas, Luahan dan Jerudong pada pagi hingga lewat tengah hari 27 Februari.

Dalam siri lawatan mereka itu, mereka telah di-bawa ka-kawasan2 perchubaaan tanam2an padi paya, buah2an, kolam pemeliharaan ikan dan ternakan binatang.

Mereka telah di-beri penerangan chara2 mengusahakan dan menjaga tanam2an dan ternakan2 tersebut oleh beberapa orang Pegawai dari Pejabat Pertanian.

Tuan Haji Salleh bin Adam, Ketua rombongan itu menyatakan rasa kepuasan hati ahli2 rombongan-nya kerana penerangan2 berharga yang telah di-

berikan oleh pegawai2 pertanian tersebut, terutama sekali chara2 bertanam padi paya yang mendatangkan hasil yang memuaskan.

Rombongan penghulu2 dan ketua2 kampung dari Daerah Temburong itu ada-lah terdiri dari orang2 Melayu, Murut, Iban dan China.

Ahli2 dalam rombongan melawat sambil belajar itu menyatakan keazaman mereka untuk menchurahkan kapada anak2 kampung mereka hasil dari lawatan yang julong2 kali di-adakan dan di-kelolakan oleh Pejabat Daerah Temburong.



Gambar ini telah di-ambil di-Pusat Perchubaaan Tanam2an di-Kilanas pada masa lawatan Penghulu2 dan Ketua2 Kampung dari Temburong pada pagi 27 Februari, 1964.

## MASHUARAT AGONG KELAB MELAYU SHELL

**SERIA.**—Inche Rais bin Wahab telah di-lantek sa-mula oleh Pengarah Urusan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sa-bagai Yang Dipertua, Kelab Melayu Shell, Seria.

Pengarah Urusan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah juga melantek sa-mula Inche Mohamed bin Noor sa-bagai Pengelola, Kelab Melayu Shell dan Inche Phan Nee Man sa-bagai Bendahari kelab itu.

Lantekan2 tersebut telah di-sahkan dalam Mashuarat Agong Sharikat Minyak Shell yang telah di-adakan di-dewan Kelab Melayu Shell pada petang hari Juma'at 28 Februari.

Pegawai2 baharu Kelab Melayu Shell yang telah di-pilih oleh ahli2-nya dalam Mashuarat Agong tersebut untuk tahun 1964/1965 ada-lah saperti di-bawah ini:

Setia Usaha—Tuan Haji Abdul Rahman.

Ahli2 Jawatan Kuasa—Inche Joll Leece, Inche Mat Yassin, Pengiran Salleh, Inche Mat Amin, Inche Yusop Junah dan Inche Wan Hill.

Majlis tersebut telah di-mulai dengan ucapan oleh Inche Rais bin Wahab, dengan sifat beliau sa-bagai Yang Dipertua, Kelab Melayu Shell bagi tahun 1963/1964.

Inche Rais telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih kapada semua Ahli2 Jawatan Kuasa kelab itu dan juga semua ahli2 kelab tersebut yang telah bekerjasama dalam berbagai2 lapangan untuk faedah dan kemajuan Kelab Melayu Shell.

Dalam ucapan-nya, Inche Rais telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih bagi pehak Kelab Melayu Shell kapada Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Kerajaan Brunei dan kapada Jabatan Penerangan, Sharikat Minyak Shell yang telah mengadakan pertunjukan wayang gambar di-Kelab Melayu Shell dalam tahun yang lalu.



INCHE A. D. BUMFORD

**DI-LANTEK SA-BAGAI  
PENASEHAT  
LATEHAN  
PERGURUAN**

**BANDAR BRUNEI.**—Inche Alfred Dewi Bumford, berumur 54 tahun, sa-orang pakar pelajaran yang telah berkhidmat sa-bagai Professor Bahasa Inggeris di-Universiti Cairo sa-lama enam tahun serta juga berkhidmat sa-bagai Pengetua Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan selama enam tahun telah di-lantek sa-bagai Penasehat Latehan Perguruan di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Beliau telah tiba di-Brunei dari England pada awal bulan Februari dan pada masa ini bertugas di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Dalam satu wawanchara dengan Inche Dewi Bumford, beliau berkata kapada sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei bahawa ia telah mulai berkhidmat di-lapangan pelajaran sa-bagai Pegawai Pelajaran di-Palestine mulai pada tahun 1932 hingga ka-tahun 1940.

Sa-lepas itu ia telah berkhidmat dengan Tentera Inggeris di-India dan di-Timor Tengah selama enam tahun pada masa berlaku peperangan dengan mendapat pangkat sa-bagai sa-orang Major.

Kemudian dari tahun 1946 hingga ka-tahun 1952, Inche Bumford telah berkhidmat sa-bagai Professor Bahasa Inggeris di-Universiti Cairo.

Sa-telah tamat perkhidmatannya di-Universiti Cairo beliau telah berkhidmat sa-bagai Guru Besar, Kajang High School di-Selangor; Guru Besar Clifford School, Kuala Kangsar dan sa-bagai Nadzir Sekolah2 Inggeris Saluroh Malaya.

Mulai dari tahun 1957 hingga ka-tahun 1963, Inche Bumford telah berkhidmat sa-bagai Pengetua, Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan.

Inche Bumford menerangkan lagi bahawa ia telah lulus dari Universiti Wales dan juga Universiti London. Kemudian ia telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Tanah Jajahan Inggeris di-Lapangan Pelajaran 32 tahun dahulu.

# Meneroka SDG 12 dalam penggunaan, pengeluaran berdaya tahan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**JERUDONG**, Sabtu, 2 Mac. – Negara Brunei Darussalam (NBD) komited untuk mencapai Agenda Pembangunan Mampan 2030 selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Wawasan Brunei 2035 berkenaan, pendekatan seluruh negara (Whole of Nation Approach) diperlukan untuk mencapai agenda transformatif negara untuk menyumbang kepada kemampanan global.

Dalam hubungan itu, kedua-dua pihak, iaitu kerajaan; dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) memainkan peranan penting, kerana mereka membentuk sebahagian besar pengguna dan pengeluar sisa di NBD.

Sempena Festival MSME Brunei 2024 yang berlangsung di BRIDEX, Jerudong, Darussalam Enterprise (DARE) dengan kerjasama Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan pagi tadi menganjurkan Forum bertemakan 'Memastikan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan di Brunei: Pendekatan Seluruh Negara' (Ensuring Sustainable Consumption and Production in Brunei: A Whole of Nation Approach).

Forum berkenaan bertujuan untuk meneroka SDG 12 mengenai penggunaan dan pengeluaran berdaya tahan dengan ahli-ahli

panel jemputan membincangkan mengenai gaya hidup, pembungkusan, sisa makanan dan pengurusan sisa yang berdaya tahan.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberi tumpuan bagaimana kita boleh menjadikan penggunaan lebih mampan dan bagaimana sektor awam dan swasta boleh bekerjasama dengan lebih baik untuk mencapai matlamat SDG 12.

Sesi pertama forum membawakan tajuk 'Embracing Sustainability: Transforming Lifestyles and Packaging for a Greener Tomorrow', menentang empat ahli panel jemputan terdiri daripada Ketua Pegawai Pemasaran, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar; Senior Business Development Lead di Makan Ceria Sendirian Berhad, Awang Syafiq Metassan; Pengarah Pusat Penyelidikan bagi Sains Agrimakanan dan Teknologi, Universiti Teknologi Brunei, Dayang Dr. Syazana binti Abdullah Lim; dan Ketua Perhubungan Ahli, UN Global Compact bagi Malaysia dan Brunei, Tan Zhi Ying dengan Pengarah Urusan, Confer Sendirian Berhad, Allen Lai selaku moderator forum berkenaan.

Pada sesi berkenaan, para ahli panel membincangkan mengenai tingkah laku pengguna dan trend terkini serta inovasi untuk isu penyelesaian pembungkusan dan



AHLI-ahli panel jemputan bersama moderator forum berkenaan semasa sesi perbincangan yang berlangsung di BRIDEX, Jerudong.

bagaimana pihak kerajaan, para peniaga, PMKS serta orang ramai yang boleh menggunakan sesuatu yang lebih berdaya tahan di samping mempengaruhi syarikat-syarikat untuk menggunakan penyelesaian pembungkusan yang lebih berdaya tahan.

Turut dibincangkan ialah cabaran-cabaran dan peluang utama yang dihadapi oleh PMKS dalam menyepadukan penyelesaian berdaya tahan ke dalam operasi mereka, dan apakah pilihan lain yang boleh diteroka selain cukai plastik.

Sementara itu, sesi kedua forum bertajuk 'Towards Zero Waste: Innovating Food Waste and Waste Management in Brunei' antara lain

membincangkan strategi-strategi ke arah mengurangkan sisa makanan dan meningkatkan pengurusan sisa di NBD.

Ahli panel terdiri daripada Pegawai Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan, Dayang Ummy Farhanah binti Haji Talipudin; Pengasas Eco Ponies Garden, Eyon Uko; Ketua Kualiti Keselamatan Alam Sekitar, CIC Group, Mohd. Bykri Bujang; dan Cef Eksekutif dan Pengurus Pengeluaran, Royal Brunei Culinary, Mark Rowe.

Manakala, Pengasas Bersama Green Brunei dan Young Professionals Network (YPN), Dayang Fatin Ariffin selaku

moderator bagi sesi kedua forum berkenaan.

Antara yang hadir menyertai sesi forum berkenaan ialah para pegawai kerajaan yang terlibat dalam kitar semula dan pengurusan sisa, para pelajar, serta para pengusaha PMKS.

Adalah dianggarkan bahawa secara purata, rakyat NBD menyumbang kepada 1.15 kilogram sisa per kapita sehari, terdiri daripada 32 peratus sisa makanan, 29 peratus plastik dan 11 peratus sisa hijau di negara ini merupakan antara yang tertinggi di ASEAN.

NBD menyasarkan kadar kitar semula sebanyak 30 peratus menjelang 2030.

## TINGKATKAN KESEDARAN PELAJAR TENTANG KEPENTINGAN KESIHATAN MENTAL



BENGKEL pengukuhan kesihatan mental dan kesejahteraan diri yang berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Daerah Temburong dan Sekolah Menengah Tanjong Maya, Daerah Tutong (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**TEMBURONG**, Sabtu, 2 Mac. – Pusat Promosi Kesihatan (PPK) melalui Unit Strategi Kesihatan mental sekali lagi bekerjasama dengan Big BWN Project, salah satu kumpulan belia yang dikenali dengan menjalankan advokasi dan kerja-kerja sukarelawan di negara ini, dalam menganjurkan satu bengkel pengukuhan kesihatan mental dan kesejahteraan diri dalam kalangan para pelajar sekolah menengah di negara ini.

Bengkel berkenaan berlangsung

pada pagi ini bertempat di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Daerah Temburong.

Lebih kurang 90 peserta mengambil bahagian dalam sesi bengkel yang dinamakan 'Projek Sayang Diri', iaitu terdiri daripada para pelajar yang terpilih daripada sekolah-sekolah menengah di Daerah Temburong.

Bengkel berkenaan juga merupakan salah satu inisiatif kerjasama di bawah Memorandum Persefahaman 'Friends of HPC'



antara PPK, Kementerian Kesihatan dan Big BWN Project.

Aktiviti berkenaan juga merupakan salah satu aktiviti penting yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022 - 2025 khususnya di dalam Strategi 1: Mengukuhkan Kepimpinan dan Tadbir Urus Yang Berkesan Untuk Kesihatan Mental.

Sesi bengkel yang sama juga diadakan sebelum ini di Sekolah Menengah Tanjong Maya, Daerah Tutong dan dihadiri seramai 120 orang pelajar.

Antara objektif bengkel 'Projek Sayang Diri' berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan

kesedaran orang ramai terutama dalam kalangan para pelajar sekolah menengah tentang kepentingan kesihatan mental dan penjagaan kesejahteraan diri, serta melengkapkan para pelajar dengan alat untuk mengenal pasti dan pengurusan kesejahteraan mental mereka.

Di samping itu, bengkel berkenaan juga dihasratkan sebagai satu platform untuk menggalakkan perbualan terbuka tentang kesihatan mental dalam kalangan rakan sebaya.

Bengkel yang dijalankan selama sehari berkenaan diisikan dengan taklimat yang berkaitan dengan kepentingan kesihatan mental

dan membincangkan tentang kesalahfahaman serta cara-cara memberhentikan stigma terhadap kesihatan mental.

Pada masa yang sama, bengkel berkenaan juga menyelitkan beberapa aktiviti penerapan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan diri, serta mengongsikan cara-cara untuk menjadi pendengar yang baik.

Sesi bengkel berkenaan juga turut dihadiri oleh pengasas serta Ahli-ahli Big BWN Project dan Ketua Strategi Kesihatan Mental dan beberapa orang pegawai dari Unit Strategi Kesihatan Mental, PPK.

## OPERASI KABAT TEMUKAN PELBAGAI KESALAHAN IMIGRESEN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



**BAHAGIAN** Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa menjalankan Operasi Kabat (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengongsikan empat operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 26, Operasi Kabat 27 dan Operasi Kabat 28.

Operasi Kabat 26 menyasarkan Kompleks Perniagaan di Mukim Gadong. Pemeriksaan dijalankan ke atas empat warganegara asing dan mereka dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4),

Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Manakala Operasi Kabat 27 dijalankan di sebuah rumah di Mukim Berakas 'B'. Pemeriksaan dijalankan ke atas seorang warganegara asing dan beliau ditahan bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja bukan dengan majikan asal; dan Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Sementara Operasi Kabat 28 menyasar tiga lokasi berbeza iaitu, di Gerai Jualan di Mukim Gadong. Pemeriksaan dijalankan ke atas seorang warganegara asing yang mana seterusnya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut atas kegagalan mengemukakan dokumen yang sah dan turut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Manakala di lokasi kedua ialah di



Pasar Pelbagai Barangan di Mukim Gadong. Pemeriksaan dijalankan ke atas seorang warganegara asing dan beliau seterusnya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut atas kegagalan mengemukakan dokumen yang sah dan turut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Sementara di lokasi ketiga pula di rumah sewa persendirian di Mukim Lumapas. Pemeriksaan dijalankan ke atas empat warganegara asing dan tiga orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke

Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Sehubungan dengan itu, ke arah meningkatkan aktiviti penguatkuasa undang-undang berkaitan warganegara asing di Negara Brunei Darussalam, JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

## Pelbagai kesalahan dicatat semasa Operasi Bersepadu



**OPERASI** Bersepadu Kabat 29/2024 dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, JIPK bersama-sama dengan Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Buruh dan Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (atas dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Operasi Bersepadu Penguatkuasa Undang-undang bagi membendung pesalah-pesalah Imigresen terus giat dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK).

Operasi Bersepadu Kabat 29/2024 dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, JIPK bersama-sama dengan Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Buruh dan Bahagian Penguatkuasa,

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Operasi Bersepadu berkenaan menyasarkan kepada beberapa buah bangunan komersial di Mukim Berakas 'A' yang melibatkan pemeriksaan secara keseluruhan ke atas 209 warganegara asing.

Hasil daripada pemeriksaan berkenaan, seramai 23 warganegara asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang,

JIPK bagi siasatan lanjut atas kegagalan mengemukakan dokumen.

Sementara itu, hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Buruh, mendapati beberapa kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009, iaitu di bawah Bab 10, tiada penyediaan kontrak pekerjaan; Bab 112 (2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing; dan Bab 80, tempat tinggal pekerja asing pada tahap kebersihan dan keselesaan yang tidak memuaskan.

Jabatan Buruh juga mendapati kesalahan melibatkan kesejahteraan pekerja seperti majikan gagal memberikan cuti rehat dan cuti awam.

Manakala itu, hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Bandaran mendapati tiga warganegara asing dan seorang warganegara tempatan dikenakan denda kompaun BND100 setiap seorang bagi kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian Penggal 30 (Pindaan 2021).

Kesemua individu berkenaan diberi tempoh tujuh hari untuk menjelaskan kompaun yang

dikenakan

Manakala, 21 buah premis perniagaan diarahkan untuk mengemas barang-barang perniagaan yang menghalang laluan kaki lima dan jalan laluan orang ramai dengan serta-merta.

Sementara, dua individu turut diarahkan untuk melaporkan diri ke Jabatan Bandaran bagi siasatan lanjut.

Operasi Bersepadu berkenaan adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang di Negara

Brunei Darussalam dalam misi membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk terus memberikan sebarang maklumat berhubung pesalah-pesalah imigresen dengan menghubungi terus ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



**Jangan Memandu ketika mengantuk**

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**

Always Wear a seatbelt  
No mobile phones while driving  
Speeding is dangerous  
Do not drive under influence  
Wear helmet and proper attire while riding  
Always watch out for other road users  
Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

# 5 TERBUNUH, 91 CEDERA DALAM LETUPAN BUNGA API DI IRAN



**TEHRAN, 3 Mac.** - Lima terbunuh dan 91 yang lain cedera di Iran sepanjang 20 Feb hingga 1 Mac dalam insiden

yang berpunca daripada letupan bunga api menjelang Fire Festival di negara itu, lapor Xinhua memetik

laporan Agensi Berita Pelajar Iran (ISNA) pada Sabtu.

Jumlah kematian meningkat dua kali ganda berbanding tahun lepas manakala bilangan yang cedera meningkat 57 peratus, menurut ISNA memetik Ketua Pertubuhan

Kecemasan Perubatan Iran, Jafar Miadfar. Beliau berkata satu kematian dilaporkan di Tehran manakala empat lagi di wilayah West Azarbaijan.

Kemalangan yang disebabkan oleh bunga api kerap berlaku menjelang

Fire Festival yang disambut pada malam Rabu terakhir sebelum sembutan Nowruz iaitu Tahun Baru Iran yang jatuh pada 20 Mac tahun ini. Fire Festival akan disambut pada 12 Mac. - ©BERNAMA

## Parlimen Pakistan akan pilih perdana menteri pada 3 Mac

**MOSCOW, 3 Mac.** - Dewan Rakyat Pakistan dijangka memilih perdana menteri baharu negara itu pada Ahad, lapor Sputnik. Calon untuk jawatan itu terdiri Presiden Parti Liga Muslim Pakistan-Nawaz (PML-N) Muhammad Shehbaz Sharif dan Setiausaha Agung Parti Tehreek-e-Insaf Pakistan, Omar Ayub Khan.

Omar Ayub Khan memenangi pilihan raya sebagai calon bebas. Ahli Parlimen yang baru dilantik mengangkat sumpah pada sidang pertama Parlimen ke-16 pada Khamis lepas. - ©BERNAMA

## 6 terkorban dalam banjir di selatan Peru

**LIMA, 3 Mac.** - Sekurang-kurangnya enam orang terkorban selepas kenderaan yang mereka naiki dihanyutkan air dalam kejadian banjir di wilayah Apurimac di selatan Peru, lapor Xinhua memetik media tempatan pada Sabtu. Kejadian berlaku pada awal Jumaat, menurut stesen radio tempatan Exitosa.

Pihak berkuasa tempatan memindahkan orang ramai dari daerah Kaspichaka selepas Pusat Operasi Kecemasan Kebangsaan melaporkan mengenai kerosakan rumah di daerah Talavera akibat limpahan Sungai Chumbao. - ©BERNAMA

## Peniaga bazar Ramadan dinasihat jaga kebersihan elak penularan denggi

**ISKANDAR PUTERI, 2 Mac.** - Peniaga bazar Ramadan di Johor dinasihatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan bagi mencegah penularan demam denggi, susulan peningkatan kes tersebut di negeri itu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) Dr Mohtar Pungut@Ahmad berkata peniaga perlu sentiasa memastikan sampah sarap diuruskan dengan baik agar tidak menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

Beliau berkata masyarakat juga pada masa sama perlu memainkan peranan dan mengamalkan aspek kebersihan termasuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes di sekitar kediaman mereka.

“Kalau kita tengok, trend (peningkatan kes jangkitan demam denggi) dalam tempoh awal tahun ini memang lebih tinggi berbanding sebelum ini.

“Jadi saya memesan kepada seluruh masyarakat untuk sama-sama menjaga kebersihan di kawasan kita sebab kadang-kadang kita nampak tempat kawasan sekitar kita bersih, tetapi rupa-rupanya ada takungan air dari segi sampah-sampah dan tempat yang boleh bertakung,” katanya ketika diminta mengulas mengenai peningkatan kes demam denggi di Johor ketika ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 Peringkat Negeri Johor di Sunway Big Box Retail Park, di sini, hari ini.

Ketika ditanya mengenai punca peningkatan kes demam denggi di Johor, Dr Mohtar berkata antara penyumbang kepada peningkatan itu ialah musim perayaan dan cuti sekolah yang menyebabkan pergerakan masyarakat meningkat, sekali gus meningkatkan risiko demam denggi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Ling Tian Soon sebelum ini dilaporkan berkata kumulatif kes denggi di Johor mencatatkan peningkatan 157 peratus pada minggu epid ke 07/2024 tahun ini dengan 2,555 kes direkodkan, berbanding 994 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Beliau berkata daripada jumlah kes dilaporkan, sebanyak 966 kes adalah dari lokaliti wabak dan 1,589 kes pula dari lokaliti bukan wabak.

Daerah yang mencatatkan kes tertinggi bagi pada Minggu Epid 07/2024 ialah Johor Bahru iaitu 320 kes. - ©BERNAMA

## Ahli perniagaan rugi lebih RM200,000 angkara phone scam

**KUALA TERENGGANU, 3 Mac.** - Seorang ahli perniagaan kerugian RM202,400 selepas menjadi mangsa *phone scam* atau penipuan melalui panggilan telefon oleh individu yang menyamar sebagai pihak syarikat kurier dan polis.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan berkata sekitar awal Februari lepas, wanita berusia 47 tahun itu telah dihubungi oleh individu yang mengaku wakil pihak kurier dan polis, serta memaklumkan mangsa terlibat dengan kes jenayah pengubahan wang haram dan dadah.

“Mangsa dimaklumkan perlu

memberi kerjasama dalam siasatan yang dijalankan jika tidak mahu diambil tindakan.

“Mangsa juga diminta untuk mendedahkan maklumat akaun dan kata laluan perbankan internet serta membuat beberapa pindahan wang ke akaun yang diberikan. Mangsa kemudian diminta menunggu sehingga ‘siasatan’ selesai dalam tempoh tiga bulan sebelum boleh menggunakan semula akaun bank miliknya,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata mangsa hanya menyedari diperdaya setelah dimaklumkan oleh ahli

keluarganya dan membuat laporan polis pada Rabu lepas apabila mendapati wang di dalam akaunnya telah berkurangan sebanyak RM202,400 serta berlaku 35 transaksi wang tanpa pengetahuannya.

Sehubungan itu, Mazli menasihati orang ramai supaya tidak terpedaya dengan panggilan telefon dan nombor yang tidak dikenali serta memutuskan panggilan jika berasa takut atau curiga.

“Semak dengan pihak polis atau syarikat kurier terlebih dahulu untuk mendapatkan pengesahan. Jangan dedahkan maklumat perbankan kepada mana-mana pihak,” katanya. - ©BERNAMA

## Mesyuarat OIC minggu depan bincang mengenai Palestin

**ANKARA, 2 Mac.** - Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada Jumaat berkata badan itu akan mengadakan mesyuarat luar biasa Majlis Menteri-menteri Luar pada 5 Mac untuk membincangkan pencerobohan berterusan Israel terhadap rakyat Palestin.

OIC dalam satu kenyataan berkata sesi itu akan berlangsung

di ibu pejabat di bandar Jeddah, Arab Saudi, lapor Agensi Anadolu (AA).

November lepas, OIC dan Liga Arab mengadakan sidang kemuncak bersama di Riyadh yang menerima pakai beberapa keputusan, termasuk menugaskan jawatankuasa untuk melawat ibu negara di seluruh dunia

selain berusaha menghentikan perang Israel terhadap rakyat Palestin.

Serangan Israel di Semenanjung Gaza sejak 7 Okt lepas membunuh lebih 30,000 orang, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, selain menyebabkan kemusnahan besar-besaran, pemindahan penduduk serta kebuluran di wilayah Palestin yang terkepung itu. - ©BERNAMA

## Kerajaan setuju secara prinsip laksana tahanan rumah untuk banduan

**PUNCAK BORNEO, 2 Mac.** - Kerajaan secara prinsip bersetuju untuk memulakan Pelepasan Banduan Secara Berlesen (PBSL) menerusi tahanan di rumah (home detention) kepada banduan yang menjalani hukuman empat tahun dan ke bawah sebagai usaha mengurangkan kesesakan penjara.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata Kementerian Dalam Negeri (KDN) kini dalam proses meneliti kaedah pelaksanaan inisiatif itu dari sudut peruntukan undang-undang berkaitan bagi memastikan sama ada akta serta peraturan sedia ada perlu digubal atau tidak.

“Perlu disemak apakah ia memadai dengan meminda undang-undang sedia ada atau ada keperluan untuk gubal undang-undang baharu di bawah kuasa Ketua Pengarah Penjara atau Menteri KDN.

“Saya tugaskan Ketua Setiausaha KDN (Datuk Ruji Ubi) untuk buat semakan dan beri maklum balas... perkara ini mesti disegerakan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Sambutan Hari Penjara ke-234 yang bertemakan “Reformasi

Koreksional Membangun Peradaban” di Kompleks Penjara Puncak Borneo, di sini hari ini.

Menurutnya, penghuni penjara yang terlibat bagi program berkenaan terdiri daripada individu yang berpenyakit kronik, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu mengandung.

“Kalau yang disabitkan kesalahan itu melibatkan mereka dari kategori ini, kita lihat adalah lebih manusiawi kalau letak mereka di luar dan bukan dalam tembok (penjara) jadi untuk itu mereka boleh kita pasangkan gajet kepada mereka untuk kita laksanakan home detention,” katanya.

Saifuddin berkata menerusi program sedemikian seperti Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib serta Program Pemulihan Pemasarakatan, kerajaan bukan sahaja dapat menangani masalah kesesakan penjara malah ia sebagai langkah penjimatan kepada negara.

Katanya, program yang telah dijalankan sebelum ini memberi impak positif dengan statistik menunjukkan daripada 800 yang dibebaskan, hanya seorang yang dimasukkan semula ke dalam penjara.

Terdahulu, beliau membacakan teks ucapan perasmian Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof bagi majlis berkenaan.

Dalam ucapan berkenaan, Fadillah berkata Institusi Penjara Sarawak diumumkan sebagai penerima Anugerah Penjara Negeri Cemerlang Tahun 2023 berikutan pencapaian cemerlang bagi empat petunjuk prestasi utama (KPI) standard antarabangsa dalam pengurusan sistem koreksional dan kepenjaraan.

“Empat KPI yang ditetapkan iaitu kadar residivis (jenayah berulang) sebanyak 12.7 peratus, jumlah reman sebanyak 13.5 peratus dan kadar kesesakan sebanyak -13.2 peratus, jauh lebih baik berbanding tahap standard antarabangsa iaitu 20 peratus.

“Sementara kadar pemenjaraan pada 119 per 100,000 penduduk berbanding standard antarabangsa iaitu 145 per 100,000 penduduk,” katanya.

Sambutan Hari Penjara hari ini adalah untuk menghargai kakitangan serta orang ramai yang telah menyumbang khidmat bakti kepada Jabatan Penjara. - ©BERNAMA



## WALKATON ERATKAN LAGI SILATURAHIM



**YANG** Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai dan menyertai Walkaton bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung di Masjid Hassanah Bolkiah Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri (atas dan bawah kiri).

**MENTIRI**, Ahad, 3 Mac. - Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) Zon 2 dan 3 Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan Acara Kuliah Subuh dan Walkaton bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung di Masjid Hassanah Bolkiah Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat dan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Terdahulu, acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Sesi Ceramah Kuliah Subuh yang membawakan tajuk 'Sentiasa berbuat ihsan dengan petunjuk

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

Allah Wata'ala, Tawakal ala Allah' dan disampaikan oleh Ra'ees Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adnan bin Haji Basar.

Kemudian acara diteruskan dengan senamrobik pagi yang disertai kira-kira seramai 80 peserta dan diikuti dengan Walkaton sejauh 2km. Turut hadir, Pemangku-pemangku Penghulu, Ketua dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Zon 2 dan Zon 3 berserta Ahli-ahli Majlis

Perundingan Kampung, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan juga penduduk-penduduk kampung.

Ada pun tujuan acara ini diadakan adalah bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024, selain itu ia juga dihasrat untuk merapatkan lagi hubungan silaturahmi di samping mengimarahkan lagi masjid menerusi aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.



## Piala Dunia : Bertrand duduki tempat ke-10 acara 10m platform lelaki

**KUALA LUMPUR**, 3 Mac. - Penerjun negara Bertrand Rhodict Lises menamatkan acara 10 meter (m) platform lelaki di tempat ke-10 daripada 11 penerjun pada Piala Dunia Terjun 2024 di Montreal Kanada, pada Sabtu. Atlet terjun tunggal negara yang layak ke Sukan Olimpik 2024 itu, mengumpulkan 389.85 mata selepas enam terjunan pada acara berlangsung di Parc Olympique.

Penerjun China Yao Hang menjuarai acara itu dengan mengumpulkan 533 mata, sementara penerjun dari Mexico

Randal Willards Valdez yang menjadi pencabar utama menang perak (530.90 mata), manakala seorang lagi penerjun China Lian Junjie di tempat ketiga (514.65 mata).

Bertrand berpeluang memperbaiki aksinya hari ini, apabila berpasangan dengan Enrique Maccartney Harold dalam acara 10m platform seirama lelaki. Piala Dunia Terjun 2024 berlangsung dalam tiga siri, selepas Montreal, ia akan diadakan di Berlin, Jerman dari 21-24 Mac, diikuti dengan final super di Xi'an, China dari 19-21 April. - ©BERNAMA

## Sarjit dilantik ketua jurulatih baharu Speedy Tigers

**KUALA LUMPUR**, 3 Mac. - Skuad hoki lelaki kebangsaan mendapat nafas baharu sebagai persiapan menghadapi beberapa kejohanan penting selepas Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) mengumumkan pelantikan ketua jurulatih pasukan itu yang baharu, Sarjit Singh, berkuat kuasa hari ini.

Sarjit, yang pernah menggalas tugas sama pada tahun 2006 hingga 2008, mengikat kontrak selama dua tahun bagi menggantikan ketua jurulatih sebelum ini, A. Arul Selvaraj.

Presiden KHM, Datuk Seri Subahan Kamal berkata pemilihan Sarjit dibuat menerusi keputusan sebulat suara pada mesyuarat Ahli Jawatankuasa Eksekutif KHM hari ini.

"Beliau pernah menjadi ketua pasukan negara buat satu ketika dahulu dan pernah juga menjadi jurulatih pasukan selain mempunyai banyak pengalaman.

"KHM menaruh harapan penuh atas pelantikan ini selain memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada beliau untuk mencari apa yang diperlukan dalam memastikan skuad Speedy Tigers mendapat lebih banyak kejayaan," katanya selepas mesyuarat Ahli Jawatankuasa Eksekutif di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, di sini hari ini.

Subahan berkata pelantikan Sarjit tidak diletakkan sebarang petunjuk prestasi

utama (KPI) buat masa ini dan beliau diberikan kebebasan untuk mencorak skuad kebangsaan.

Speedy Tigers bakal menyertai tiga kejohanan tahun ini iaitu Piala Sultan Azlan Shah di Ipoh pada 4-11 Mei, Piala Negara-negara di Gniezno, Poland (31 Mei-9 Jun) dan Piala Juara-Juara Asia, Kota Hulunbuir, Mongolia (8-17 September).

KHM sebelum ini mengiklankan notis kekosongan jawatan ketua jurulatih baharu untuk pasukan lelaki negara menerusi laman sesawang rasmi mereka pada 6 Februari lepas, usai kontrak Arul Selvaraj pada 31 Januari.

Speedy Tigers sebelum itu gagal melayakkan diri ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Selain itu, Subahan turut mengumumkan Setiausaha Kehormat Persatuan Hoki Negeri Pulau Pinang, V. Jayanandhan akan memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif KHM.

Jayanandhan menggantikan S. Nishel Kumar yang akan kembali ke Institut Sukan Negara (ISN) selepas setahun dipinjamkan kepada badan induk sukan itu dalam usaha melancarkan penganjuran Piala Dunia Remaja 2023.

"KHM bagaimanapun melantik Nishel selaku Ahli Lembaga Eksekutif KHM," katanya. - © BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**JAGA AKHLAK, HORMATI SESAMA MANUSIA**